SUNGAI MENGALIR LESU

A. Samad Said

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur 1997

NOTA PENERBIT
BAB 1
BAB 2
BAB 3
BAB 4
BAB 5
BAB 6

NOTA PENERBIT

Novel ini diterbitkan pertama kalinya oleh Pustaka Gunung Tahan, Kuala Lumpur, 1967, dan kali keduanya oleh Pustaka Nasional Singapura, 1975.

Cetakan Pertama (Edisi DBP) 1984
Cetakan Kedua (Edisi DBP) 1992
Cetakan Ketiga (Edisi DBP) 1997
© Abdul Samad Mohd. Said 1984

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

A. Samad Said (Abdul Samad Said), 1935-
Sungai mengalir lesu / A. Samad Said.
ISBN 983-62-5755-1.-
ISBN 983-62-3368-7 (kkt.)
1. Malay fiction. I. Judul
899.23333

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

BAB 1

Pagi itu hujan masih rintik-rintik lagi. Sungai yang hitam airnya tidak putus-putus berkalung-kalung kerana tikaman air hujan. Sampah-sarap di atasnya, terutama sayur-sayur busuk yang bergaul dengan habuk-habuk balak tidak bergerak sangat. Aur terlalu pasang, dan tangga yang berhampiran dengan tiga batang balak semuanya tenggelam. Cuma sebuah air tin tar yang buruk kelihatan berhanyut-hanyut dan tidak jauh darinya seekor tikus kelihatan masih lagi terkial-kial hendak naik di atasnya.

Jauh ke atas jambatan besi yang hijau itu kelihatan kaku seperti biasa. Di atasnya berjalan orang, motokar, basikal dan kereta lembu, semuanya seperti malas dan terhenjut-henjut. Sesekali dua tiga orang kanak-kanak berlari, sambil melonjak-lonjak sambil menjengah ke sungai yang amat malas itu. Dan sesekali pula kereta tersendat-sendat yang digerakkan oleh wap panas dari bara arang di belakangnya bergerak dengan bunyi yang amat menakutkan. Dan bila tersendat, drebarnya akan turun memusingkan pedal yang uba menghangatkan peti wap yang sejuk oleh tikaman hujan itu.

Dalam keadaan lesu yang seperti itulah Dalim keluar mencari Sukon. Dia telah dimarahi oleh Tuminah, kakaknya, supaya jangan ke sungai waktu hujan-hujan begitu. Tuminah hilang di dalam jamban, Dalim hilang dari biliknya. Dia tahu kalau dia tidak lekas-lekas menghilangkan dirinya suara Tuminah yang kecil tetapi nyaring itu akan memanggilnya. Kawan tidak dapat dicari, dan rezeki dalam sungai tidak akan didapatnya juga.

Dalim yang baru berusia 11 tahun itu berjalan dengan hati-hati di sebalik bangkai tongkang dan dua buah balak kecil terapung. Seperti biasa dia tidak berbaju, badan kurusnya kelihatan kecut dan tahi lalat besar di tepi lehernya kelihatan ikut mengecil pula. Rambutnya terlekap ke hadapan, menyebabkannya sebentar-bentar mengiringkannya ke kiri supaya matanya dapat mencari.

Sesudah mencari Sukon tidak ada di tepi tongkang, dan sebelum itu tidak dijumpainya di belakang reban, Dalim nampak benar gelisah. Matanya meluru ke sayur-sayur busuk dan mata itu kemudiannya

terkisar kepada tikus yang masih lagi terkais-kais untuk menaiki tin tar yang berhanyut-hanyut pula perlahan-lahan. Dalim ketawa, kesukaan, memandang ke langit, mengangakan mulutnya menelan rintik-rintik hujan. Dia menunduk tersenyum, rambut menutupi matanya semula, menjadikannya tiba-tiba marah, lalu menguakkan rambut itu semula. "Suuuuuuuukkkooooooon!" dia meneriak.

Lama juga dia menanti kalau-kalau ada suara yang membalas. Kalau tidak ada Sukon, barangkali Sakinah akan keluar, atau barangkali Menon ataupun Sai Yong. Atau kalau tidak ada sesiapa yang mahu keluar, barangkali Baharum yang suka dengan air akan menggelacah keluar dari rumahnya. Dalim menanti mengesat-ngesat matanya yang dimasuki air, kemudian sengaja mendongak semula membuka mulut menelan air hujan. "Suuuuuukkkkooooooon!" teriakannya semakin tinggi.

Pagi itu memang terlalu sejuk. Kalau tidak ada yang ingin bangun pun memang ada sebabnya. Malam semalamnya hujan tidak dapat disekat-sekat. Guruh jilat-menjilat, dan kampung yang memang semuanya menanti waktu untuk roboh saja itu kelihatan begitu muram bila dikerlip oleh lintasan kilat yang mencabuk-cabuk. Tidak ada manusia yang keluar malam-malam begitu, dan pagi-pagi yang masih tergigil oleh rintik-rintik hujan itu, tidak juga ada manusia yang sedia keluar. "Suuuuukkkkooooooonnnn!" Dalim menjerit lebih sungguh-sungguh, terlupa bahawa Tuminah sedang mencarinya.

Tuminah mendengar suara adiknya di luar, jauh ke sungai. Sudah pun diberinya amaran supaya jangan berani keluar di waktu hujan. Rotan ada di sebalik pintu, walaupun rotan itu sudah terlalu uzur. Dalim mudah terlupa rotan, fikir Tuminah bila keluar dari bilik air. Dia membetulkan kembannya, menyauk rambutnya yang mengerbang, lalu mengumpulkan seluruhnya ke kiri tengkuknya. Dalam keadaan begitu janda yang berumur 24 tahun ini kelihatan amat remaja, mukanya yang kecil, dengan bulu matanya yang lebat, ditambah pula dengan bibir tipisnya yang seperti tersembul mengejek, menjadikannya semanis-manis wanita dalam kampung yang kotor itu.

Tuminah mencari tuala buruk, dan terjumpa di bawah ambin yang penuh dengan tin-tin buruk dan kalungan dawai. Tuala hijau itu tersangkut koyak bila ditarik juga kuat-kuat, tetapi Tuminah tidak

sedikit pun kelihatan runsing. Tuala itu terlekap ke bahunya, menyembunyikan rambut yang mengelililingi leher yang agak terjulang. Sebahagian tuala terpusing dan melintasi kepalanya pula sebagai payung. Dia keluar dengan mulut menyeranah. "Daaaallliiiiimmmm!"

Dalim yang sudah pun berenang menuju ke arah tikus yang gelisah itu terkejut mendengarkan teriakan kakaknya. Dia menyelam ke bawah, meninggalkan kalungan air hitam beriak-riak, tetapi kepalanya cepat timbul pula dengan mulutnya ternganga-nganga menyambung nafas. Rambutnya menutup mata dan cepat dikirikan, dengan gelisah mencari-cari pula arah suara yang berulang kali menyebut namanya. Dia ternampak Tuminah keluar mendapatkan kayu yang memang tersandar pada sebuah reban. Kayu itu akan singgah ke punggung atau pahanya, fikir Dalim. Dia menyelam lagi, hilang beberapa ketika kemudian timbul betul-betul sekaki dua dari tikus yang semakin menggelisah itu. Dalim ketawa, mengejar tikus itu dan cuba menangkapnya. Tin tar berhenjut jauh dan tikus itu juga ikut menggelupur, sebentar tenggelam, sebentar timbul mengelakkan tangan Dalim yang amat lincah itu. Lama juga tikus itu terketar lesu sebelum ia terdiam dengan kaki dan ekor terkuit-kuit sekali dua, sebelum terbeku terus. Dalim memerhatikannya, hilang semangat untuk merebut binatang yang entah pengsan entah mati itu. Dalim menenggelamkan tin tar itu sebelum berenang menuju ke dua buah balak yang terapung-apung. Dia naik atas balak itu, berbaring sambil membuka mulutnya lebar-lebar menelan air hujan yang terjun ke dalam mulutnya. Dia ketawa kemudian cuba menangkap air hujan yang masih juga merintik-rintik itu.

Tuminah memandang keliling dengan gelisah, kemudian ternampak seorang anak terlonjak-lonjak di atas balak. Hatinya cepat menggelegak. "Daaaaaallliiiimmmmmm!" dia meneriak. Anak berlonjak-lonjak itu tiba-tiba terhenti dan memandang ke arah suara yang nyaring berbaur marah. Dia melonjak-lonjak semula dengan tangan menunjuk-nunjuk ke arah langit, kemudian terjun berenang mengarah ke jambatan hijau. "Daaaallliiiiimmmm! Hei, Daaaallliiiimmmmm! Kau nak matiiiiii, ya?" Anak itu terus juga berenang.

Seorang India tua yang sedang menjunjung bakul besar di atas kepalanya terhenti melihatkan Dalim yang berenang dari jambatan. Orang tua itu tersenyum, kemudian berjalan semula. Di

belakangnya bergerak kereta lembu dengan seekor lembu yang terlalu kurus. Seorang wanita Cina yang berjalan di belakangnya pula terhenti memerhatikan Dalim yang masih lagi berenang dalam sungai yang lesu itu. Wanita ini tiba-tiba terjerit ngeri: Orang gantung diriiiiiiii!"

Minggu itu sudah dua nyawa yang tertelan di jambatan tersebut. Lima hari dahulu seorang Cina, masih dalam dua puluhan tahun, menggantung dirinyam dengan hanya memakai seluar dalam biru. Ada orang mengatakan dia membunuh diri kerana ayah dan ibunya tidak pulang-pulang setelah diangkut oleh sojar (askar) Jepun. Dan sekarang seorang India tua pula menjerat lehernya, lengkap dengan kain dan baju kot kuningnya. Tidak ada seorang yang kenal manusia ini, tidak ada orang yang menangis melihatnya dibaringkan di tepi jalan sebelum ditutup dengan kertas dan kain buruk, dan selepas dua tiga jam tidak ada seorang pun yang datang mengambilnya sebagai saudara. Kereta sampah yang disorong datang mengambilnya, kemudian pergi untuk ke kubur mana tiada yang tahu.

Tuminah masih menangis memerhatikan Dalim yang duduk di hujung pintu dengan selimut kelabu yang koyak-koyak melingkupi badannya. Tubuh kecil itu tergigil, matanya terkejam-celik, dan sesekali lidahnya tersembul. Tuminah mengesat matanya dengan ekor baju kurung merahnya yang sudah terlalu lusuh. Air mata menerpa lagi. Dia bangun, berjalan menuju ke arah Dalim yang mula gelisah kekhuatiran. "Kan kakak dah kata, jangan ke sungai masa hujan? Berapa kali kakak dah kata? Tak tahu sungai tu selalu makan orang?"

"Dalim nak cari Sukon...."

"Tak boleh cari bila hujan dah berhenti?" tanya Tuminah, mengetapkan bibirnya, menahan tangisan.

"Dalim lapar nak cari nanas hanyut...."

"Tak boleh cari bila hujan dah berhenti?"

Dalim tahu kakaknya marah, bibirnya sudah bergerak-gerak hendak menjawab, tetapi terdiam. Dia memandang bawah ambin yang

terisi tin dan dawai. Dia teringat di dalam sekali ada seketul ubi yang dicurinya dari belakang rumah Mak Buruk. Di bawah ambin itu juga ada seluar dalam Mak Buruk. Tiga hari dahulu dia pernah menggunakan seluar dalam tersebut untuk berenang, tetapi terlorot. Lepas itu dipendamkannya saja.

"Jangan buat lagi macam tu," suara Tuminah, tergigil. "Kalau lapar cakap, biar kakak yang cari...."

Tuminah mengesat matanya lagi sambil memikirkan dari mana pula dia harus mencari makanan itu. Ubi yang dibelinya sudah tinggal cuma seketul dua. Duit dalam tangan sudah tidak ada. Semalam dia terpaksa menjumpai Basir untuk mendapatkan satu tin susu. "Boleh aku beri susu ni," kata Basir yang bermuka bujur telur penuh jerawat itu. "Tapi... tapi kau mesti ganti dengan susu tu." Orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan, fikir Tuminah. Sejak dia menjadi janda enam bulan dahulu, dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki. Setiap yang dihulur minta diganti. Dalam masa perang-perang begitu, Tuminah tidak ada jalan lain. "Baiklah," dia teringat begitulah jawabnya. "Kau berilah susu tu. Aku beri susu ni...." Dan susu manusia dan susu binatang bertukar ganti.

"Ingat tak kata kakak?" Tuminah mengarahkan semula kata-katanya kepada Dalim. "Kakak tak mahu kau pergi ke sungai tu lagi, ingat tak?"

Dalim tidak mengangguk, matanya merenung ke bawah kolong. Di dalam itu juga ada roda basikal yang dicurinya juga. Kalau kakaknya tidak ada, fikirnya, dia akan tenggelam di bawah kolong itu, menggigit ubi dan mengemam belacan.

Sebelum sempat Tuminah bertanya siren berombak-ombak tanda B24 dan B29 datang menyerang telah berbunyi. Serta-merta itu juga, Tuminah menarik Dalim dan mereka sama-sama berlari cepat untuk masuk ke *shelter*. Sebentar saja keriuhan tidak terkawal, masing-masing ingin cepat ke dalam *shelter* untuk menyelamatkan diri, walaupun sebulan dahulu 15 orang mati sekali gus di dalam *shelter* yang paling hujung sekali. Masing-masing membaca doa, baik dalam bahasa apa, meminta supaya *shelter*nya tidak dibingkas bom. Dan di waktu masing-masing mengharap-harap itu deruman B24 dan B29 sudah pun menggema-gema. Mereka tidak takut kalau kapal-kapal terbang maut itu berada betul-betul di atas kepala; bom yang melayang tidak akan mengenai mereka. Tetapi lain halnya

kalau kapal-kapal terbang itu berada baik di timur, barat, selatan ataupun utara mereka; bom yang menjunam boleh melayang ke *shelter* mereka.

Seperti biasa *shelter* tempat Tuminah berlingung itu terlalu sendat dengan manusia. *Shelter* lain tidak begitu digemari orang, barangkali kerana di dalamnya pernah seorang tua mati dengan kaki dan tangannya busuk oleh tokak. Sudah bermacam cara dibuat orang tetapi bau tokak dan bau mayat seperti tidak dapat terkikis lagi. *Shelter* tempat Tuminah berlindung itu memang selalu dibersihkan, terutama oleh Ahmad Jani yang merasa *shelter* adalah rumahnya dan rumahnya adalah kubur.

Waktu Tuminah masuk Ahmad Jani sedang membaca Yasin dengan tangan yang tergigil-gigil. Badannya yang gempal cuma ditutupi singlet yang agak bersih. Songkok putih warisan pak ciknya, Amin, terpersuk, menyembunyikan sebahagian besar rambutnya yang mencerancang pendek. Walaupun umurnya baru 36 tahun, dia kelihatan seperti sudah 46 tahun. Mukanya yang lebar, berkolah-kolah bekas cacar, dan tahi lalat berbulu di telinga kanannya, semakin menambahkan tuanya. Cuma senyumnya saja yang sedap dipandang, kerana terbayang ketenangan dalam gelora hati dan suasana perang di waktu itu. Tuminah suka melihat senyum itu, dan akan memalingkan mukanya cepat bila Ahmad Jani tidak tersenyum. Dalam hatinya dia mengutuk sikapnya yang kurang adil itu, tetapi bukan dia seorang yang berbuat begitu; semua wanita, terutama yang muda-muda, takut melihatkan muka lelaki yang banyak membenamkan umurnya di dalam *shelter* itu.

"Semalam tiga jam dia bom," kata Giap Hong sambil memeluk anaknya baru enam bulan. Isterinya yang kurus, berbungkus dengan selimut hijau muda, memandang suaminya dengan mata yang khuatir saja. "Ini hari tak tahu berapa lama," tambahnya.

"Lama pun dia orang tak ada rasa," sampuk Kuldip Singh. Anaknya, Ranjit Singh, sedang bermain-main tepuk tangan dengan Menon, dan ketawa terkikih-kikih. "Ini budak-budak pun tak ada rasa," tambahnya sambil memial paha anaknya.

Di dalam *shelter* itu berbaur manusia tidak kira bangsa dan agama.

Di dalamnua itulah selalunya mereka bercerita tentang suka duka masing-masing, tentang cinta dan harapannya, dan tentang apa yang akan dibuat mereka bila perang tamat nanti. Tuminah selalu mendengar cerita-cerita yang pilu, dibantu dengan kisah-kisah harapan yang memang dirindukan sangat. Memanglah *shelter* itu tempat gaulan segala perasaan. Kalau ia tidak tertimbus oleh bom dari B24 atau B29, kata Tuminah di dalam hati, ia akan melahirkan beraneka cerita dari Econ, Mak Buruk, Salimah, Basir, Sayeed Ayuub, Giap Hong, Kuldip Singh, Irwan dan Mulyadi, Ahmad Jani dan Soosay.

"Semalam dia orang bom Naval Base," kata Soosay.

"Pulau Bukom pun dia orang bom," kata Giap Hong.

"Mana ada kapal terbang, mana ada minyak, dia orang bom," sampuk Sayeed Ayuub, menggenyeh-genyeh kening putihnya yang terlalu lebat.

"Mana boleh," bantah Giap Hong. "Itu *shelter* sana mana ada kapal terbang, mana ada minyak? Dia orang bom juga!"

"Dia orang tak da tengok betul," kata Kuldip Singh.

Dari atas siapa yang dapat melihat orang-orang yang sedang berdoa dan mengharap-harap di bawah, terutama dalam *shelter* yang kecil ini, kata Tuminah di dalam hatinya. B24 atau B29 tidak kenal siapa yang berada di bawah. Tugasnya melayangkan bom sebanyak-banyaknya ke sasaran-sasaran yang tertentu, tapi bom tidak bernyawa dan bermata. Ia menggegar mana suka, menghanguskan mana yang dapat. "Sial, sial, sial!" Tuminah memaki dengan gigi diketapkan. Dia tidak saja marah kerana perang tidak akan membayangkan ke mana dia akan berakhir; dia juga marah kerana perang telah mengecaikan Mansur, suaminya yang sedang menjalankan bas di Bukit Timah. Dan sekarang cuma tinggal dia dan anaknya, Dalim. Kampungnya, Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka, terlalu jauh dan dia tidak sanggup pulang sebelum perang tamat. Dia tidak tahu kenapa dia mesti sekeras itu hatinya. Barangkali kerana mengingatkan pesan arwah suaminya, Mansur, supaya membawanya pulang ke kampung kalau berlaku apa-apa. Tulang dan dagingnya sudah berkecai, apa yang dapat dibawa pulang ke kampung? Pernah Tuminah bertanya dengan tangisan yang berombak di dalam dadanya.

Tuminah baru sedar bahawa di belakang Soosay, Sayeed Ayuub, Mak Buruk dan Giap Hong, tersandar Basir. Pemuda itu sedang menggores-gores kayu dengan pisau besarnya. Matanya tetap ke arah Tuminah, menjadikan Tuminah terketar, lalu menarik Dalim supaya duduk berhampiran dengannya. Dan sesekali Tuminah perhatikan mata Basir ke arah Simah yang gempal itu pula.

"Awak berfikir berapa lama ini perang?" tiba-tiba terdengar Kuldip Singh bertanya.

"Berapa lama?" tanya Sayeed Ayuub pula.

"Dulu Jepun masuk kita susah, sekarang Orang Putih mahu masuk balik kita susah juga," kata Mak Buruk, meraba-raba pula lehernya yang berketak-ketak.

"Kita jangan fikir berapa lama," Ahmad Jani yang selesai membaca Yasin itu bersuara. "Kita fikir kita semua mesti mati."

Orang-orang di dalam *shelter* itu semuanya terdiam, berpandangan sesama sendiri, dan kelihatan gelisah dan khuatir. "Mati mesti mati juga," kata Kuldip Singh, "tapi kita tak mahu mati ini macam."

Dengungan B24 dan B29 sekali lagi semakin mendekat, masing-masing membisu, mendengarkan deruman kapal terbang maut itu dengan sungguh-sungguh. Kemudian terdengar susulan siulan bom jatuh bertubi-tubi. Semuanya menekap telinga dan tunduk. Masing-masing berdoa....

Tompang masih juga menggeleng-gelengkan kepalanya dan menghayun-hayunkan kakinya yang terjulur dari palang-palang tingkap yang sudah tua itu. Dia tidak pernah takut dan tidak pernah tahu apa ertinya takut, walaupun sekali dia menekap telinganya juga bila demberangan bom terlalu memekak. Hari itu Sukon entah ke mana dan kerana itu juga tidak ada orang yang teringatkan Tompang masih belum diangkat oleh sesiapa pun. Biasanya Tompang yang buta dan lumpuh ini akan didukung bergilir-gilir oleh sesiapa saja yang berperikemanusiaan. Mereka akan mengangkatnya masuk ke *shelter*, dan di dalam *shelter* itu nanti, Tompang akan terus-terusan bercakap tentang apa saja yang terlintas di kepalanya, dengan tidak sedikit pun tahu apa kesan-

kesan percakapannya itu terhadap mereka yang berada di dalam *shelter* itu sendiri. Dia pernah bertanya mengapa orang mesti mengangkatnya masuk ke dalam *shelter*, mengapa tidak membiarkannya menggoyang-goyangkan kaki dan menggeleng-gelengkan kepala menyanyi dari atas rumah itu. Dan bila ada bom jatuh bertalu-talu, kadang-kadang dia akan mengajukan pertanyaan yang boleh mentertawakan dan boleh memanaskan hati pula. "Siapa yang main lempar-lempar batu itu?" dia bertanya. "Bukan batulah, bodoh, bom, bom, tak tahu bom?" Basir pernah menjerit.

Sesudah lima enam kali menekap telinga dan menunduk dalam *shelter* itu, barulah Mak Buruk mejerit; "Hei, mana Tompang? Tak ada orang angkat Tompang?" Serta-merta itu juga Mak Buruk hendak keluar pergi mendukung Tompang masuk ke *shelter*. Sayeed Ayuub cepat menahannya, "Sekarang bom sudah jatuh, tak boleh keluar," katanya. "Awak mahu mati?"

"Tompang ada atas!" teriak Mak Buruk, dengan bibirnya terketar-ketar.

"Ya, ya. Tompang ada atas, tapi kita tak boleh buat apa-apa sekarang," kata Ahmad Jani.

"Nanti dia mati kena bom. Dia bukannya boleh lari, dia bukannya nampak, bukannya tahu!" Mak Buruk berkeras lagi.

"Memang benar, Buruk," suara Econ menyelinap. "Tapi bila dah berderang-derang gini...."

Suara itu patah, semuanya menunduk dan ada yang meniarap. Gegaran kuat menggentarkan segala-gala, isi bumi dan manusia di dalam *shelter* itu. Suara jeritan dan suara Ahmad Jani mengaji semakin meninggi. Bom jatuh lagi sambung-menyambung, walaupun tidak di tempat mereka. Anak Giap Hong yang enam bulan itu tiba-tiba menangis, menangis dan terus-terusan menangis.

Lama mereka membisu dan terketar-ketar. Soal Tompang serta-merta hilang dari ingatan mereka di dalam *shelter* itu, kecuali Mak Buruk. Dia meraba-raba lehernya yang berketak itu sambil menahan air mata kerana ketakutan dan kasihan mengenangkan Tompang yang tidak tahu apa-apa terpaksa tinggal sendirian di tengah-tengah demberangan bom. Apa yang dibuatnya ketika segenting itu, fikir Mak Buruk. Barangkali dia masih juga menjulurkan kakinya sambil menggeleng-gelengkan kepalanya

terus-menerus dan menyanyi ataupun berleter tidak penat-penatnya.

Tidak ada seorang yang tidak akan terasa pilu bila melihatkan Tompang dalam keadaan seperti itu. Dia tahu perang dari kata-kata orang dan dari siren berombak dan deruman B24 dan B29 serta demberangan bom dan debak-debuk meriam ke langit. Dia tidak nampak B24, B29 ataupun asap putih berlonggok-longgok tiba-tiba di atas langit. Dia tidak nampak juga bagaimana anak-anak berlari dengan jeritan dan lelehan darah dari kepala dan perut ketika *shelter* yang paling hujung digelodakkan bom. Dia cuma mendengar hari nahas itu 17 orang maut serta-merta dan hampir 7 orang cedera parah.

Tompang sendiri bolehlah dikatakan dengan tepat menumpang atas belas kasihan orang-orang kampung yang sama-sama menderita itu. Masa belum perang dahulu, dia masih mempunyai seorang abang dan seorang nenek, tetapi mereka kedua-duanya terkorban oleh percikan bom Jepun yang jatuh betul-betul di tengah-tengah tanah perkuburan di belakang masjid tidak berjauhan dari jambatan hijau yang tua itu. Semenjak itu Tompang menjadi keluarga semua orang. Giap Hong pernah datang memberikan seluarnya yang koyak tetapi sudah ditampal; Kuldip Singh, pernah memberikan bantal buruk kepunyaan anaknya, Ranjit Singh; Ahmad Jani pernah menghadiahkan kemeja; Soosay dan Sayeed Ayuub masing-masing pernah menghulurkan roti Jepun yang sekeras dinding pintu mereka. Tetapi dengan Dalim, Baharum dan Sakinahlah, Tompang paling rapat sekali sewaktu aman, dan di waktu siren berombak-ombak pula dia akan menantikan sesiapa saja datang mendukungnya, biasanya Mak Buruk.

Tompang baru 16 tahun umurnya. Ketika datang di kampung itu umurnya barangkali 9 atau 10 tahun. Antara 6 atau 7 tahun yang lalu dengan sekarang, bentuk badannya tidak banyak berubah, kecuali membesar sedikit saja. Kakinya masih juga kurus tulang dan sentiasa digoyang-goyangkan, kepalanya yang agak besar bagi badannya yang kecil itu sentiasa menggeleng-geleng tidak kira bila masanya; biar masa tidurnya sekalipun. Matanya besar tetapi terkatup dan dari kiri kanan celah mata itu sentiasalah terleleh tahi mata yang cair. Giginya besar-besar teguh, tetapi jarang-jarang, seementara rambutnya yang terlalu panjang itu melorot sampai jauh ke hujung tengkuk.

Sedang segala-gala di sekitar Tompang tergambar di dalam mata Mak Buruk, kedengaran siren memanjang menandakan musuh sudah pergi. Masing-masing merasa amat lega, dan bersedia untuk keluar dari *shelter* yang amat kecil bagi penghuni-penghuninya yang makin bertambah ramai itu. Soosay keluar sambil menggeliat-geliat kerana kaku duduk berhimpit-himpit. Dia memarahkan Menon yang melonjak-lonjak riang menunjuk ke atas langit. Tetapi semua yang sudah berada di luar *shelter* mendongak ke atas, memerhatikan kertas putih halus-halus melayang-layang jatuh ke bawah. Mereka tahu itu adalah maklumat-maklumat yang ditaburkan dari B24 dan B29, memberitahu bahawa mereka yang sedang dijajah Jepun tidak usah khuatir, kerana British sudah pun mula menang semula di beberapa tempat, dan akan pulang semula melindungi mereka.

"Apa guna buang surat?" terdengar Ahmad Jani bersuara. "Orang di sini semuanya lapar-lapar."

"Dia orang tahu buang surat, buang bom saja," tambah Sayeed Ayuub sambil mencari-cari anak buahnya, Kareem, yang tidak dilihatnya dalam *shelter* tadi. Dia berjalan cepat-cepat ke rumahnya dengan hati yang kurang sedap, mengharapkan isteri mudanya, Zainab, yang terkunci dari luar ada di dalam bilik itu, dan Kareem tidak ada.

Tiga hari berikutnya serangan tidak hebat, malah semalam cuma sekali saja B24 dan B29 datang menjejerkan bomnya, itu pun di Changi saja. Orang-orang di kampung tepi sungai itu sempat mengatur itu dan ini, dan yang penting sekali mereka dapat pergi meng*rush* minyak dan roti keras. Keadaan makanan sebenarnya sudah terlalu buruk. Beras sudah lama tidak mereka jumpai, dan khabarnya beras cuma disimpan untuk makanan sojar-sojar Jepun saja. Ubi kayu juga sudah berlipat kali ganda mahalnya. Anak-anak sudah mula mengejar apa saja makanan busuk yang boleh dimamah dalam sungai yang sentiasa mengalir lesu itu. Petang itu Dalim, Aman, Baharum, Simah, Sakinah, Menon, Ah Lan dan Sai Yong sudah tidak ada di dalam rumah masing-masing. Mereka berenang-renang dan berjalan-jalan di tepi sungai yang kebetulan sedang surut. Di antara lecak lumpur, di celah-celah rangka tongkang dan golekan balak, mereka menjengah mencari-cari kalau-kalau ada

ayam atau itik yang tersadai. Mata mereka selalu ke tengah sungai memerhatikan setiap sampah-sarap yang mengalir lesu, mengharapkan juga kalau-kalau di tengah-tengah sampah-sarap itu ada makanan-makanan busuk yang masih boleh dimakan.

Semenjak ramai orang yang menggantung diri di jambatan hijau itu, tidaklah lagi kanak-kanak itu berani merapati jambatan tersebut. Cuma Dalim seorang yang tidak kenal bahaya. Dia sedang menyusur-nyusur di tepi sungai menghala ke sebuah kilang simpanan barang-barang makanan dan letupan yang dikawal keras. Memang kanak-kanak selalu ke sana, menyanyi dan menari di atas lumpur ataupun rangka tongkang, menarik perhatian sojar yang mengawal dari menara kayu yang agak tinggi. Kanak-kanak ini hanya berani kalau giliran Katayama yang menjaganya. Dari Katayama masih ada senyum riang dan mengerti; darinya juga selalu ada rezeki; dia akan melontarkan ikan dan sayur dalam tin; malah kadang-kadang dua melontar juga kampit kecil berisi beras. Di saat-saat seperti itu setiap kanak-kanak akan berebut-rebut sesungguh hati—ada yang terpusuk dalam lumpur, ada yang terhantuk luka pada tunggul-tunggul yang memang banyak bercerakan pada rangka-rangka tongkang itu, dan ada pula yang tertarik bergigit untuk mendapatkan bahagiannya. Pengalaman memilukan seperti itu menyebabkan Katayama sendri berhati-hati selepas itu, melontarkan makanan hanya bila ada dua tiga orang kanak-kanak saja, ataupun bila Simah ataupun Salimah berpura-pura berjalan di situ. Salimah pernah senyum kepadanya, dan masa cutinya di suatu maghrib, dia pernah meramas seluruh badan Salimah, tetapi tidak sempat berbuat apa-apa yang diharap-harapkannya.

Dalim terjun berdebur ke dalam air yang hitam kotor. Renangannya mengejut-ngejut dan sebentar-sebentar dia mengangkat mukanya dengan mulut ternganga-nganga menambahkan nafas. Matanya menjengah-jengah liar ke tempat yang dipandangnya mula-mula tadi, dan dia masih ternampakkan ketulan sesuatu—barangkali buah-buahan, barangkali sayur-sayuran yang dibuang oleh sojar Jepun dari gudang penyimpan makanan mereka. Dalim menyelam, kemudian timbul betul-betul pada kumpulan rezeki yang diharapkannya itu. Memang benar ada dua biji pisang, sebiji yang lisut masih belum terjamah, dan sebiji lagi sudah pun dimakan setengah entah oleh siapa. Sayangnya di tepi pisand dan potong

kayu yang bersalut dengan tali guni dan sayur-sayur busuk itu terapung-apung pula tiga empat ketul tahi hitam yang panjang-panjang melengkung. Dalim meluikkan air yang berada di dalam mulutnya, lalu menjerit: "Babiiiiii!" Dia cepat-cepat berenang mengarah semula ke tempat kawan-kawannya yang masih merenung-renung ke bawah mencari saki baki makanan yang selalunya dilontarkan oleh pengawal Jepun dari atas menara kayu itu. Dalim berenang dengan hati mendongkol, dan ternampakkan Irwan dan Mulyadi sedang membasuh kemejanya yang sudah koyak-koyak buruk itu. Kepada Mulyadi yang sedang berbogel dengan badan bertulang dan tokak di buku lali kiri dan di lutut kanannya. Dalim menjerit: "Yadi, sana tu ada pisang!"

Irwan yang cepat-cepat memerhatikan dahulu arahan tangan Dalim, dan cepat-cepat dia melepaskan kemeja yang sedang dihempas-dihempaskannya pada tangga batu kecil-kecil di tepi sungai itu. Dia terjun lalu berenang ke arah rezeki itu, mencekup pisang yang lusut itu, kemudian menolak-nolak tahi berapungan dengan air. Matanya mencari-cari lagi, tangannya menguis-nguis pula potong kayu yang berselaput tali guni dan lendiran sayur-sayur busuk. Sayur itu dicapainya juga membawanya ke tepi. "Yadi, ambil ni," katanya sambil memberikan pisang sebiji kepada Mulyadi. Pemuda berumur 17 tahun itu cepat-cepat menelannya. Mulyadi menggeleng-geleng sambil ketawa.

"Eiiiiii, Yadi, makan pisangkah, makan tahiiiiii?" jerit Dalim yang sudah pun berada di tepi Baharum yang paling kecil dalam kumpulan kawan-kawannya itu.

"Makan pisang, jadi tahiiiiii," jawab Irwan, mencelupkan tangannya ke dalam air sungai yang kotor itu.

"Makan tahi boleh jadi pisang taaaaaaaak?" Dalim menjerit lagi.

Tidak ada seorang pun yang menjawab. Cuma kanak-kanak yang berhampiran dengannya saja yang ketawa kesukaan. Tetapi kemudian mereka terlupakan dua orang Indonesia yang dibawa masuk oleh Jepun kerana menjadi buruh paksa di Selatan Siam, tetapi kerana kedua-duanya sakit, maka terkandas di Singapura saja. Selama setahun lebih mereka hanya hidup di tepi sungai itu, mandi, mencari makan, malah tidur juga kadang-kadang di situ.

Dalim tiba-tiba teringat bahawa Sukon tidak ada dalam

kumpulannya. Dia memandang ke arah jambatan, dan ternampak beberapa orang berlari-lari tergesa di atasnya. Ada orang hendak kene bunuh lagi? Cepat terlintas pertanyaan itu di dalam hatinya. Selama ini jambatan tersebut seolah-olah mempunyai peranan membunuh saja. Berpuluh orang Cina yang sudah ditembak oleh Jepun di situ; berpuluh pula lagi anggota kumpulan haram bergesak dengan menggunakan pisau, botol dan rantai basikal di situ; dan berbelas orang pula menggantung diri di sana. Dalim sendiri tidak pernah teringat tentang hal-hal itu kalau tidak diingatkan oleh kawan-kawannya. Baginya sungai tempat mencari rezeki sambil bermandi, dan jambatan tempat bergayut-gayut riang, sebelum mendeburkan diri semula ke dalam sungai.

Dalim menjengah ke sekeliling sekali lagi, dan kali ini ternampak kepala orang terlindung-terdedah di sebalik buah bangkai kepala lori yang memangnya sudah lebih setahun terbenam di dalam lumpur di tepi sungai itu. Dan bentuk kepalanya yang agak besar, Dalim dapat menerka memang itulah Sukon. Dalim berlari dengan payahnya di atas lumpur yang sedia menelan kakinya yang cuba cepat-cepat bergerak. Dan di tempat-tempat lebih ke tepi kaki itu terus terpersuk, menyebabkan Dalim terpaksa berhenti menarik kakinya perlahan-lahan. Matanya tidak juga melepaskan Sukon yang sejak akhir ini memangnya payah hendak ditemui. Anak kecil berusia 12 tahun itu nampaknya sudah mula merapati Basir daripada kawan-kawan sebayanya. Dalim merasa tentulah ada sesuatu di sebalik perhubungan baru itu. Dan itulah juga yang menyebabkannya ingin benar mengetahui apa yang sedang dibuat oleh Sukon yang sebentar terlindung dan sebentar terdedah kepalanya itu.

"Eh, kau buat apa, Kon?" tanya Dalim, meraba-raba tahi lalatnya di tepi leher. Rambut yang terlekap di dahinya dikirikannya. Dan tiba-tiba dia terkejut pula, kerana di sebalik rangka kepala lori itu ada juga Basir dengan mata cengkungnya yang bersinar-sinar tajam.

"Siapa suruh kaudatang sini, hah?" tanya Basir mengesat dahinya yang berpeluh. Di tangannya ada palang-palang besi tajam yang biasanya digunakan untuk mengompel kulit kayu balak yang terburai dari lori sebelum tergolek-golek jatuh ke dalam sungai pula. "Kenapa tak pergi sana, pergi!" tambah Basir, suaranya mengancam.

"Cari Sukon...."

"Sukon tak boleh pergi. Dia sibuk sini. Kau pergi main saja. Pergi dekat Simah, Menon, Baharum dan Ah Lan tu. Sukon ada kerja," kata Basir, mula mengompel itu. Dalim tahu bahawa kedua-dua orang itu bersungguh-sungguuh hendak membuat lubang, bersedia untuk menyelungkur masuk ke dalam gudanag makanan yang memang dikawal siang dan malam dari atas menara kayu yang tinggi itu. Dalim terketar kerana khuatir apa yang sedang dibuat mereka itu akan dinampak oleh Katayama yang sedang berkawal hari itu. Kalau tidak kerana pokok ceri dan rimbunan lalang yang hidup dari celah-celah kayu-kayu balak dan lumpur di situ, tentulah apa yang sedang dilakukan oleh Basir itu akan ternampak.

"Jangan, Kon, jangan, mari kita pulang. Nanti kena tembak," Dalim mengajak kawannya yang sedang asyik memandang Basir mencungkil dinding kayu yang tebal itu.

Basir terhenti. peluh di dahinya melenggang-lenggang jatuh. Hidung mancungnya yang besar itu kelihatan bergerak-gerak menambahkan rasa marah yang sudah pun terbayang pada muka bujur telurnya yang digerutui jerawat itu.

"Aku kata kau pergi sana, pergi!" suara Basir meninggi, dan bibir tebalnya yang birat itu bergerak-gerak lagi sebelum dia menyeringaikan giginya dengan geram. Gigi sebelah kiri rongak sebatang. "Aku mati tak mati kau jangan peduli," tambahnya, tidak menyedari bahawa orang yang diajaknya berlawan cakap itu hanya anak berusia 11 tahun.

Dalim yang biasanya amat nakal dan berani itu cepat-cepat berlari anak sambil memandang jauh ke menara tempat muncung senapang kelihatan terjulur-julur seketika. Dia pernah melihat bagaimana empat orang terbunuh suatu subuh bila cuba masuk ke dalam gudang untuk mencuri makanan. Seorang mati di dalam gudang, seorang mati di lecak lumpur, sementara seorang lagi tergelimpang berlumuran darah dalam sungai. Dalim tidak mahu Sukon mati begitu. Sambil berlari dia meneriak, "Sukon, mari, mari cari nanas dalam sungai!"

Tuminah tergigil bila mendengar adiknya menceritakan tentang pengalamannya siang tadi. Dia tahu bahawa semakin lama makanan semakin perit untuk diperoleh, dan tentulah akan ada orang yang hilang sabar, lalu menerpa masuk ke dalam gudang makanan Jepun itu, tetapi dia tidak mahu orang yang berani itu Sukon dan Basir. Sukon memang disayangnya, terutama kerana anak ini memang rakan baik Dalim, dan kedua anak ini jarang benar jahat. Bagaimana Basir boleh menarik anak yang bermuka lebar tetapi pucat ini tidaklah Tuminah ketahui. Tetapi, hatinya berfikir, kalau benarlah nahas hendak menimpa, mengapalah harus ke atas seorang anak kecil yang selalu tersempal lidahnya?

Dua tiga kali sudah Tuminah memberanikan hatinya untuk pergi saja ke dalam *shelter* mencari Ahmad Jani untuk menerangkan tentang rancangan yang sedang diatur diam-diam oleh Basir dengan menggunakan Sukon. Setiap kali kakinya melepasi pintu, badannya serta-merta tergigil, dan dia merasa khuatir. Kalau Ahmad Jani bertindak, tentulah Basir tahu siapa yang memberitahu. Tuminah tidak pula mahu adiknya disepak dan diterajang orang.

Jauh dua tingkap di atas kedengaran suara Tompang mengaji, sebentar meninggi sebentar merendah, tetapi suaranya amat menakut dan memilukan. Malam yang diusik oleh bunyi burung hantu dari kubur di seberang sungai itu menjadi semakin menyeramkan dengan iringan suara Tompang mengaji. Tuminah memandang ke luar, melihat ke menara kayu yang sesekali terkelip cahaya api. Api ini kemudiannya tersuluh ke serata pelosok, dari celah-celah jambatan, merayap ke tangga-tangga tepi sungai, merayap ke permukaan sungai, ke bangkai tongkang, balak terapung dan bangkai jejeran di hadapan gudang. Lampu ini tidak susah memerangkap sesiapa pun yang sedang mengompel dinding gudang; peluru bertalu akan menantinya tanpa belas kasihan!

Sedang Tuminah mengikuti rayapan suluhan lampu itu, dia terdengar suara orang mendesus dari balik pintu. Tuminah tersentak, merapati Dalim yang sedang tidur, seolah-olah di situlah pula tempatnya meminta bantuan jika ada apa-apa yang mengancam. Desusan itu berulang dua tiga kali, sebelum diekori pula dengan ketukan berirama di pintu. Ketukan sekali lambat berikut dengan tiga kali mencepat memang dikenalnya. Basirlah di belakang pintu. Badan Tuminah seram sejuk, kerana diketahuinya Basir datang seperti selalu membawa rezeki, kemudian tidak akan

pulang sebelum menjamah tubuhnya. Dia meletakkan jari telunjuk kiri ke bibirnya, kemudian membuka dan menutup pintu. Basir mengeluarkan dua tiga tin makanan.

"Berapa kali aku kata tak usah datang malam-malam gini," kata Tuminah sambil merasa-rasa parut di bawah dagunya. "Kau tak kasihankan aku, memang kau tak kasihankan," tambahnya.

Basir memerhatikan badan Tuminah yang gempal itu dari kerlip dan lenggangan api kelapa sawit yang terletak di atas peti susu, betul-betul di hujung kaki Dalim yang sedang berdengkur. Dia pernah melihat Tuminah berkemban di waktu siang, menampakkan kulit hitam manisnya, mata besarnya yang jernih, bibir tersembulnya yang mengghairahkan dan rambut panjangnya yang selalu terlilit di kiri lehernya. Tetapi memerhatikan Tuminah di waktu malam lebih mengasyikkan, walaupun kebanyakan daripada kemanisan Tuminah yang dapat dilihat dalam cahaya matahari, terlindung-lindung oleh lenggangan api kelapa sawit.

"Lain kali jangan datang begini lagi," dia mendengar Tuminah bersuara.

"Aku datang bawakan rezeki...."

"Aku tahu, aku tahu, aku tahu."

"Kau mahu semua orang tahu aku datang bawa barang-barang curian di waktu siang hari? Sebab itu aku bawa waktu malam, tahu tak?" kata Basir, membuka singletnya dengan tidak segan-segan.

Tuminah tahu Basir tidak boleh dibantah dua tiga kali. Dalam masa seperti itu, memang dia tidak harus kira dari mana datangnya makanan. Dalim mesti hidup dan dia mesti hidup. Tiga orang dalam keluarganya sudah mati memadailah. Ayah dan ibu sudah tidak bernyawa, dan suami sudah berkecai dirobeki bom; dia dan Dalim tidak mesti mati kerana tidak makan pula.

Tuminah terasa badannya panas, dan dia membuka baju kebayanya yang sudah terlalu lusuh. Basir memerhatikannya, mengharapkan malam itu tidak akan ada siren berombak. Api kelapa sawit masih terus-terusan melenggang dengan lelahnya. Basir pergi meniupnya.

BAB 2

Barisan orang-orang tawanan itu bergerak bengkang-bengkok. Sojar ataupun orang-orang awam Orang Putih itu berjalan tidak bersemangat, setengahnya menarik kaki dengan wajah yang amat muram, menundukkan kepala; setengahnya dengan langkah yang cuba dikeras-keraskan walaupun kelihatan terlalu letih. Rata-ratanya mereka itu tidak berbaju, kecuali seorang dua yang paling depan, dan seorang dua lagi yang paling belakang. Di samping kira-kira enam atau tujuh ratus orang tahanan ini, berjalan pula lima enam belas sojar Jepun dengan senapang dan bayonet terhunus. Di belakang sekali bergerak pula sebuah lori yang dari atasnya terarah muncung *machine gun*. Dua orang sojar Jepun sedia mengawasi barisan tawanan itu dengan mata berjaga-jaga. Kalau ada yang menderhaka, peluru-peluru pelesit sudah sedia.

Waktu mula-mula barisan seperti ini berlalu dahulu ramai juga minat kanak-kanak yang tidak mengerti mengapa Orang Putih harus berbaris dengan begitu letih dan berpeluh-peluh. Pernah mereka melihat dua tiga orang tawanan itu menggelongsor jatuh waktu berjalan, dan mereka itu akan segera disokong oleh kawan-kawannya untuk terus berjalan. Yang lebih tua pernah jatuh, tidak berdaya bangun-bangun lagi. Kalau mereka tertinggal, lori yang tidak berkatup akan mengangkutnya kemudian.

Tidak ramai yang tahu mengapa Orang Putih yang tertawan itu mesti berjalan berbaris sebanyak itu di tengah-tengah panas. Sayeed Ayuub pernah menerangkan kepada Mak Buruk itu hanya hukuman orang yang menawan ke atas mereka yang ditawan. Giap Hong turut bersetuju, tetapi matanya lebih merah menyala marah terhadap sojar Jepun. Kuldip Singh dan Ahmad Jani tidak mahu memberi ulasan. Melihat tawanan yang berjalan dengan letihnya, berpeluh, jatuh, bangun, menangis dan terjelir kerana haus sudah cukup sebagai satu seksaan. Inikah seksa neraka dunia? Salimah pernah bertanya di dalam hatinya sendiri.

Tidak siapa di kampung Mak Buruk itu dapat menerka apakah tawanan yang serupa juga yang berjalan mengarah ke Changi itu.

Tidak pernah kelihatan tawanan yang berbaris menurun ke bawah; sentiasa mengarah ke Changi. Sekali dua Sayeed Ayuub pernah memberitahu isterinya Zainab yang pendiam bahawa tawanan-tawanan itu dibawa ke Changi untuk dibunuh. Air mata Zainab serta-merta menampakkan kengerian, tetapi Zainab tidak menjawab.

"Kenapa orang yang jahat menghukum orang yang baik?" Kareem yang berada di samping mereka bertanya.

"Mana aku tahu?" jawab Sayeed Ayuub.

Tengah hari itu, ketika mereka berlalu, Mak Buruk sedang berada di tingkap bersama Tompang yang terus-terusan menggeleng-gelengkan kepalanya. Dia baru saja lepas memarahkan Simah yang tidak mahu masuk ke *shelter* masa siren berombak bunyi pagi tadi. "Kalau nak mati biar anak-beranak sekali," kata Mak Buruk kepada anaknya yang bertocang rambutnya. Sakinah, anak saudaranya yang bermata kecil, diam ketakutan. "Lain kali kalau kau orang tak masuk *shelter*, jaga!" Mak Buruk memberi amaran, sebelum pergi ke bilik Tompang yang masih belum berkemas.

Mak Buruk memerhatikan barisan orang-orang tawanan itu dengan sungguh-sungguh. Barisan tersebut panjang, melepasi balak-balak yang bergolek di hadapan rumah di tepi sungai. Jauh ke kanan ke tempat besi-besi buruk, rangka motokar dan lori membawa kepada kawasan kubur, kawasan lapang, jambatan hijau yang tua dan ke balak-balak tadi barisan itu masih bergerak seperlahan semut juga. Dan dari seberang sungai, sejak di tempat berpaya, tempat orang melonggok-longgokkan sampah-sarap, gudang makanan sojar Jepun dan rumah-rumah buruk tempat Mak Buruk dan teman-teman sekampungnya tinggal selama beberapa tahun ini dapat dilihat orang-orang berdiri, kebanyakannya budak-budak melambai-lambaikan tangan dan melonjak-lonjak. Cuma seorang dua tawanan itu saja yang masih berdaya melambai-lambaikan tangannya, barangkali kerana mendapat perhatian, atau barangkali ingin menunjukkan kepada sojar Jepun yang mengawalnya itu bahawa mereka tidaklah lemah semangatnya.

Mak Buruk menyuruh Tompang membuka singletnya untuk dibasuh hari itu. Singlet tersebut sebenarnya sudah hampir dua minggu tidak dibasuh, kerana Tompang memang suka pakaian-pakaian yang sudah lama terlekat pada badannya. "Tak payah basuh,"

terangnya, "baunya sedap." Mak Buruk meraba-raba siput sejemputnya sebelum menasihatkan: "Baunya sedap, tapi nanti badan gatal-gatal dapat sakit. Siapa yang susah?" Tompang hentikan gelengan kepalanya seolah-olah cuba berfikir tetapi melanjutkan semula gelengan kepalanya itu. "Nanti dulu, nak tengok orang tawanan yang berjalan tu," kata Tompang. "Panjang lagi tak?" Mak Buruk tersenyum lagi mendengarkan kata-kata Tompang yang sebenarnya buta tidak dapat melihat apa-apa pun itu. Tetapi memang biasa Tompang suka 'melihat' bila dia diberitahu ada apa-apa di hadapannya. Dia akan bertanya itu dan ini, hingga kadang-kadang orang akan bertanya kepada dirinya sendiri adakah benar Tompang ini buta ataupun dia pura-pura buta. Malah tenaga 'melihat' Tompang luar biasa juga, kerana kalau sebelum Dalim masuk ke biliknya dia tahu Dalim yang datang; sebelum Sukon menerpa datang dia tahu Sukon yang menghampirinya; dan sebelum Mak Buruk menginjak masuk dia tahu Mak Buruk yang datang menemuinya.

"Macam mana kau tahu dengan tak menengok orangnya datang, Tompang?" tanya Mak Buruk suatu petang, ingin juga mengetahui rahsianya. Tompang menjulurkan kaki kurusnya melalui tingkap lalu menggoyang-goyangkannya. "Senang," jawabnya, tersenyum. "Kalau yang naik Dalim, tapaknya meloncat-loncat, tangannya memukul-mukul dinding tepi tangga; kalau Sukon yang naik, tapaknya perlahan; kalau Mak Buruk yang naik, tapaknya keras dan sebelum sampai ke pintu suara Mak Buruk dah dengar menjerit." Mak Buruk ketawa berdekah-dekah, hingga lehernya yang berketak-ketak ikut bergerak-gerak menambahkan banyak ketaknya, dan tahi lalat di hujung hidung halusnya ikut bergerak-gerak sama. "Kau memang pandai, Tompang, memang pandai," kata Mak Buruk, masih cuba lagi hendak menekap gigi merahnya yang terdedah kerana gelaknya belum putus-putus. Tompang tersenyum, dan kerana kesukaan, mencepatkan pula gelengan kepalanya. Mak Buruk memandang ke seberang sungai dan mendapati barisan tawanan Orang Putih itu masih panjang. Seorang lagi kelihatan lesu, jatuh melutut kemudian menyembam. Seorang kawannya cuba menolong, tetapi tidak terdaya mengangkatnya. Dia kemudiannya jalan sendiri, memerhatikan sojar Jepun yang mengawal berdiri bersedia.

"Kenapa dia orang tak jalan selalu. Sedap tengok," kata Tompang.

Mak Buruk menggeleng-geleng. "Kau ni retikah apa kau cakapkan tu, Tompang? Bukannya kau nampak, sedap apa pula memandangnya...."

"Dengar derap kasutnya," kata Tompang.

"Sedap dengar kasutnya? E, e, kau tak kasihan, Tompang? Ala, buat apalah aku ni layan kau cakap. Bukannya kau reti.... Hah, buka singlet tu. Biar aku basuh," kata Mak Buruk.

"Tak mahu," jawab Tompang.

Mak Buruk menggeleng-geleng dan memandang ke tangga-tangga sungai, tempat Irwan dan Mulyadi sedang berdiri—Mulyadi sedang memasak, dan Irwan sedang mencari cerca-cerca balak sebelum itu. Mereka memerhatikan tawanan Orang-orang Putih yang sedang berjalan, dan mengharapkan ada yang jatuh dan tidak akan dipungut. Mereka perlukan apa saja—makanan atau pakaian biar secebis mana pun.

Mak Buruk pergi ke dinding mengambil sehelai dua kemeja yang tersangkut bersama-sama sehelai seluar dalam yang terlalu kotor. Dia mencampakkan pakaian itu ke lantai. Dan ketika menarik sehelai kain yang terikat di paku besar pada dinding yang terhias oleh kertas-kertas akhbar, Mak Buruk ternampakkan beberapa lubang di dinding yang ditimbus oleh lidi penyapu. "Tentulah Mak Buruk tidak akan mempedulikan kalau lidi itu pendek-pendek belaka. Lubang yang di bawah sekali, tiga kaki dari peti buku-buku, terdapat lidi yang panjangnya sejengkal. Mak Buruk mencabut lidi tersebut, memandang melalui lubang itu. Dia ternampak Zainab sedang berbaring dengan coli saja.

Hmmm, jadi inilah rahsianya, kata Mak Buruk di dalam hati. Serta-merta itu juga dia dapat mengerti mengapa ramai budak-budak uang suka menemankan Tompang. Pernah satu petang lima enam orang budak berkejar naik ke atas sesudah dibisik-bisikkan sesuatu oleh Dalim. Sukon, Baharum, Nasri, Menon, Sai Yong, Ranjit Singh dan Aman pernah berkejar ke bilik Tompang. Sekarang rahsia itu semakin jelas. Mak Buruk panas hatinya.

"Lain kali jangan kasi budak-budak tu naik sini lagi. Halau saja!" katanya, mengaup pakaian yang sudah setongkol di atas lantai lalu mengikatnya dalam satu simpulan.

"Apa, Mak Buruk? Halau siapa?" Tompang terperanjat.

"Budak-budak yang naik atas ni...."

"Dia orang tu main dengan saya."

"Dia orang mainkah, dia orang...."

Siren berombak-ombak berbunyi dengan tiba-tiba. Mak Buruk terketar badannya. Kain baju yang sudah di tangan terlepas, dam dia cepat-cepat pergi ke tingkap tempat Tompang menggeleng dan menjulurkan kakinya. "Tompang tak mahu ke *shelter*, Mak Buruk, biarkan Tompang sini. Tompang nak tengok baris tu...."

"Kau dah gila. Tengah-tengah bom kau nak tengok orang-orang tawanan tu juga? Kau tak sayang nyawa kau?" Mak Buruk memarahinya, sambil menarik Tompang yang masih memegang kuat palang-palang tingkap itu. Di saat itu juga riuh-rendah kedengaran. Teriak-meneriak antara ibu dan anak, adik dan abang tidak putus-putus. Orang sibuk kejar-mengejar ke *shelter*.

Mak Buruk kemudian ternampakkan huru-hara di barisan orang-orang tawanan di seberang sungai itu. Barisan tersebut sudah pun bertempiaran kerana masing-masing cepat mencari *shelter* yang memangnya tersedia di sepanjang sungai itu. Kelam-kabut itu menjadi-jadi kerana sojar Jepun yang mengawal barisan ikut tidak tentu arah dan mengeluarkan perintah dengan bengis dan garangnya. Sepuluh dua puluh orang tawanan itu cuba hendak berlindung di tepi tangga-tangga kecil sungai kerana sudah tidak sempat mendapatkan *shelter*, tetapi mereka telah dipaksa naik semula cepat-cepat untuk mencari *shelter*. Dua orang daripada mereka tergelincir ke dalam sungai, dan mula melepaskan barang-barang yang tersangkut pada badan mereka kerana takut tenggelam. Seorang sojar Jepun cepat datang ke tepi sungai, mengacukan senapang berbayonetnya, menyuruh dua orang tawanan itu naik segera. Mulyadi dan Irwan yang terkejut juga oleh siren dan terpaan tawanan-tawanan itu sedang duduk mencangkung sambil menutup kepala masing-masing dengan tangan. Mereka takut ada orang tawanan yang terjun mendadak dan memijak kepalanya. Irwan segera ternampak bungkusan yang dilepaskan oleh dua orang tawanan itu hanyut, dan cuba hendak terjun mengambilnya di waktu itu juga. Mulyadi menahannya cepat, menunjukkan ke atas, ke senapang dan bayonet yang terhunus mengarah ke dua orang tawanan Orang Putih yang sedang naik tangga tepi sungai itu semula dengan basah kuyup.

Tuminah datang berkejaran naik tangga ke bilik Tompang dan di belakangnya Dalim. Dia tersentak melihatkan Mak Buruk sedang menarik Tompang yang masih memegang kuat palang-palang tingkap itu. "Ahmad Jani suruh saya ambil Tompang...," kata Tuminah dan cepat-cepat dipotong oleh Dalim: "Biar Dalim angkat dia!"

"Sudah, jangan kau nak pandai-pandai pula, Dalim," kata Mak Buruk, cuba melepaskan genggaman tangan Tompang dari palang-palang tingkap itu. "Tompang, jangan macam tu. Biar Mak Buruk dan Tuminah angkat kau. Kalau nak jadi apa-apa biarlah semuanya dalam *shelter* nanti. Kau tak takutkah sorang-sorang saja di atas? Bom jatuh nanti macam mana, hah?"

"Dah berapa lama bom tak jatuh sini," kata Tompang.

Mak Buruk memandang Tuminah memberi isyarat supaya turut menolongnya. Mereka menarik Tompang dari tingkap dan Mak Buruk menggendong Tompang yang berkepala besar, tetapi berkaki dan bertangan kecil itu.

"Bom tak jatuh sini, tak jatuh sini!" jerit Tompang sambil menggoyang-goyangkan kakinya sekuat-kuat hatinya.

Mak Buruk turun tangga tidak tentu arah, kerana payah hendak mencari anak tangga sambil mengimbangi Tompang yang tidak mahu duduk diam itu. Dalim berkejar dari belakang dengan kedua belah jari telunjuknya tersumbat ke dalam telinga. Tuminah yang hampir tersungkur kerana terlanggar bungkusan kain baju tertinggal di belakang. Bila dia keluar pintu dia mendapati Sayeed Ayuub sedang memangga pintu biliknya. Tuminah tahu Zainab yang baru kahwin dengan Sayeed Ayuub setahun itu sedang berada di dalam. "Kejamnya suami," katanya, sebelum mendengar Mak Buruk memanggilnya turun ke *shelter* cepat.

Giap Hong menepuk-nepuk anak kecilnya itu beberapa kali supaya diam tetapi anak tersebut menangis juga. Di hujung katil Ling Po, isterinya, sudah hampir setengah jam tersedu-sedu dan terketar-ketar khuatir. Sepatutnya mereka menerpa ke *shelter* seperti selalu, tetapi kali ini Ling Po sendiri yang keberatan kerana sudah terlalu

takut. Siren berombak sudah selesai, B24 dan B29 sudah menderam di atas kepala, tidak ada gunanya lagi menyerbu ke *shelter*, fikir Giap Hong, masih berbaur perasaannya. Sudah dua malam Ling Po diserang malaria, dan pil *quinine* bukannya mudah lagi dicari. Untung juga dia dapat membelinya dari Basir, walaupun sehari suntuk baru dapat dicari ubat tersebut.

Giap Hong tidak tahu apa yang perlu dibuatnya dalam keadaan-keadaan yang darurat itu. Terkadang-kadang bahaya B24 dan B29 terlupa sama sekali. Tangisan Ling Po dan anak kecilnya merupakan dunia besar yang mengalahkan segala dunia lainnya. Dia terlupa bahawa jejeran rumah yang buruk tempatnya berlindung itu boleh dengan mudah runtuh, menimbus dirinya anak-beranak.

"Aku nak balik ke Ipoh juga," kata Ling Po, tersedu-sedu.

Giap Hong memerhatikan mata isterinya yang semakin bengkak kerana tidak putus-putus menangis malam suntuk. Muka bujur sirih isterinya itu sudah mula kering, walaupun pada bahagian bibirnya masih ternampak merah darahnya. Ling Po bertocang, melepasi tengkuk panjangnya yang masih putih. Itu juga salah satu punca dia memancing Ling Po dahulu, fikir Giap Hong. Dia merapati isterinya, meraba-raba rambutnya, kemudian duduk di tepi isterinya itu, memandang tepat ke mata yang tergenang air mata.

"Sekarang kita tak boleh balik, sayang," Giap Hong menasihatkan. "Sekarang perang...."

"Kerana peranglah aku nak balik," jawab Ling Po memejamkan matanya, mengeluarkan air mata yang lama tergenang. "Kerana itulah aku nak balik."

Giap Hong terasa gigi palsunya terketar-ketar di dalam mulut. Dia meraba-raba rambutnya yang pendek-pendek keras itu, seolah-olah ingin mencari jawapan di situ. Bibirnya kemudiannya diketapkan, mengambil nafas kuat-kuat, menjadikan dadanya yang gemuk itu bertambah gemuk. Dia menahan pilu sebenarnya, menahan sedih.

"Semalam kan aku dah kata juga—lepas perang, lepas saja perang kita balik," kata Giap Hong.

"Waktu tu entah hidup entah mati...."

"Kita hidup, Ling Po. Aku, kau dan anak tu hidup. Kita bertiga boleh pulang ke Ipoh. Sekarang... sekarang kita jangan fikirkan

Ipoh dulu...."

"Jangan fikirkan mak cik aku?" tanya Ling Po menentang mata suaminya.

Giap Hong menggenyeh-genyeh kelopak matanya dengan tangan kiri, meras terlalu kecewa, dan ternampak beraneka paduan warna dalam kelopak mata itu sendiri. Gigi palsunya terasa terasa terketar-ketar semula.

"Kalau tak fikir tentang mak cik aku, siapa nak fikir dia lagi?" suara Ling Po bersambung semula. "Surat dua bulan dulu kata dia sakit. Lepas tu tak ada berita lagi. Kalau aku tak fikir dia, siapa nak fikir dia?"

Giap Hong tidak sanggup untuk menjawab. Kesedihan tidak dapat diatasi dengan nasihat yang sudah berkali-kali ditaburkan. Dia cuba mengerti. Tetapi dalam dirinya sendiri pun ada peperangan juga. Dua peperangan dalam satu peperangan yang lain menjadikannya manusia yang terkadang-kadang paling lesu, paling cepat marah, paling cepat berduka, paling cepat ingin membalas dendam.

Dia tidak tahu bila rasa dendamnya itu akan dapat terisi. Ling Po memang tahu kedua orang ibu bapa Giap Hong mati kerana kekejaman perang, tetapi Giap Hong tidak menerangkan bagaimana dahsyatnya kematian kedua orang tuanya itu. Ling Po terlalu mudah luka untuk mengetahui semua itu. Lebih-lebih lagi di waktu sekarang, Ling Po tidak perlu tahu sama sekali. Barangkali masanya akan tiba, barangkali selepas perang nanti, selepas dia sendiri menuntut bela.

Kepada dua orang kawannya pernah dia memberitahu tentang rahsia dendamnya itu. Kam Seng yang selalu saja berkahak mahu juga menerima rahsianya itu dengan keyakinan. Tian Choh yang berusia 26 tahun, 11 tahun lebih muda dari Kam Seng, cuma bersiul-siul senang saja bila Giap Hong menyatakan azam membalas dendamnya itu.

"Bukankah itu mencari maut ertinya?" Kam Seng pernah bertanya di atas tongkang besar yang berenjut-enjut.

"Ya, maut. Aku tahu mencari maut. Tapi kau nak lepaskan maut tidak berbalas?" Giap Hong bertanya pula.

Kam Seng tidak bersuara lagi. Bahunya yang besar dan pejal itu

ditepuk-tepuknya, sambil memandang Giap Hong dengan mata yang sengaja dikecilkan.

"Kau nak lepaskan maut tidak berbalas?" dia terdengar Giap Hong berulang tanya.

"Aku cuma mengingatkan. Baiklah kau ingin membalas dendam, tapi belum tentu kau akan jumpa orangnya. Belum tentu kau dapat bunuh dia. Entah-entah dia yang membunuh kau. Siapa yang rugi?" Kam Seng cuba berhujah.

"Tak jumpa orangnya tak apa. Asal dia Jepun saja!"

"O, asal dia Jepun saja, ya?"

"Benar."

"Dia orang semua ada senjata. Kau tak ingat itu?"

"Aku pun ada parang...."

"Kau ada parang, dia ada senapang. Kau tak ingat itu?"

"Kau sengaja nak lemahkan semangat aku...."

"Bukan. Aku nak selamatkan kau. Kalau kau selamat, Ling Po selamat, anak kau selamat," kata Kam Seng.

Siulan bom yang terjunam bertubi-tubi menyedarkan Giap Hong. Dia masih di sisi Ling Po, dan di waktu itu anaknya tiba-tiba tersentak-sentak menangis. Bumi bergegar sebelum sempat Giap Hong pergi melindungi anaknya dengan badannya yang gemuk itu. Habuk-habuk dan serpihan sampah-sarap melayang-layang jatuh di atas lantai oleh gegaran itu. Ling Po menjerit: "Mari kita balik Ipoh, kita balik Ipoh!"

Giap Hong mengangkat anaknya yang menangis itu, merapati Ling Po yang menangis teresak-esak di atas bantal di hadapannya. Giap Hong memerhatikan habuk yang masih melayang-layang, dan mengibas-ibas habuk yang menimpa kepala isterinya. Dia mengibas habuk di atas tilam sebelah isterinya, mengambil kain di tepi katil, dan membentangkannya sebelum meletakkan anaknya yang masih menangis itu.

"Susukan anak ni dulu," dia meminta.

"Mari kita balik Ipoh!"

"Lepas perang nanti, sayang, lepas perang...."

"Sekarang, sekarang!"

Giap Hong tahu bahawa dia tidak harus berkata apa-apa lagi di waktu itu. Dia melihatkan anak yang masih menangis dan cuba menepuk-nepuknya suruh diam. Dia mengagah, tetapi merasa sesia belaka. Memang benarlah anak itu memerlukan susu ibunya juga, fikir Giap Hong.

Bila agaknya perang ini benar-benar habis? Giap Hong bertanya di dalam hatinya. Hidupkah aku?

Kalau dia hidup, fikirnya, dia tidak akan melepaskan kematian ayahnya tidak dituntut bela. Kalau dia mati sewaktu menuntut bela, anak ini masih ada. Barangkali ibunya akan memberitahu tentang kematian ayahnya nanti, dan anak itu sendiri akan menuntut bela pula. Segala kejahatan mesti dihukum, hatinya meneriak-neriak.

Giap Hong terlupakan Ling Po beberapa ketika, tetapi bila dia tersedar katil tempatnya menidurkan anak itu tergigil-gigil, matanya terarah kepada Ling Po. Dia terperanjat kerana isterinya itu sedang tergigil-gigil kuat. Malaria menyerangnya di waktu susah-susah begitu. Giap Hong meninggalkan anaknya cepat, pergi mencari baki pil *quinine* dari dalam almari dapur yang terlopong dawai dindingnya. Cuma tinggal sebiji saja. Dia menuang air dari dalam botol, membawanya kepada Ling Po.

"Minum ini," dia menyuruh.

"Mari balik ke Ipoh...."

"Kau sakit tu. Minum ini dulu, makan ubat ni," Giap Hong menyuruh dengan suara memerintah.

Ling Po minum dengan tangan dan badan terketar-ketar. Giap Hong memerhatikan air beralun-alun turun dari tekak isterinya. Dia membimbing isterinya bangun, membaringkannya di tilam, di tepi anaknya. Anak itu kemudiannya diangkat ke amben tempat mula-mula dia ditidurkan. Dia mencari selimut, membawanya, lalu menyelimutkan isterinya. "Tidur, sayang," katanya, suara itu menghiburkan benar.

"Kita ke Ipoh?"

"Tidur dulu?."

Kira-kira sepuluh minit selepas itu siren melurus kedengaran. Giap

Hong terasa dadanya lega, mendengarkan suara orang riuh-rendah kerana terlepas lagi dari bahaya maut, sekurang-kurangnya untuk tiga empat jam lagi, sebelum serangan udara lain mengekor lagi.

Giap Hong sedang menghalau nyamuk di dahi anaknya yang menggelisahkan itu bila Kam Seng menerpa masuk ke dalam biliknya. Dia tercungap-cungap dan kekhuatiran. Dia memandang Giap Hong dengan mata terperanjat. "Kenapa kau buat gini, hah?" suaranya berbaur marah. "Kau sengaja nak mati?"

Giap Hong mengerti. "Aku tak sempat. Ling Po demam. Siapa nak mati kalau boleh?" Dan sebelum Giap Hong menyambungnya, dia terdengar isterinya berbisik dalam tidurnya, "Ipoh, kita ke Ipoh," Giap Hong memandang Kam Seng yang kelihatan terasa bersalah memarah tanpa memeriksa dahulu. Giap Hong kemudiannya menggeleng. "Kau sorang pergilah bekerja. Aku tak boleh. Beritahu Kwan Kee," kata Giap Hong, menghampiri isterinya sambil menggenyeh-genyeh kedua belah matanya semula.

Kam Seng tercegat beberapa ketika sebelum pergi ke Kallang untuk memunggah barang-barang dari tongkang.

Mulyadi menghalau lalat yang tidak putus-putus ingin menghinggap tokaknya yang bernanah busuk di buku lali kiri dan di lutut kanannya. Petang itu dia tidak tahu hendak menutup tokaknya itu dengan apa lagi. Kain buruk dan kapas yang melekap pada tokaknya lebih seminggu itu sudah pun tanggal ketika dia dan Irwan berenang mengejar bungkusan beg yang ditinggalkan oleh orang tahanan tiga jam lalu. Sepatutnya dia menanti saja waktu itu, sebab Irwan sendiri sudah membahagikan kerja—segala-gala rezeki yang boleh didapat dari sungai itu biarlah dia sendiri yang mengambilnya; segala-gala yang boleh didapati di darat, biarlah Mulyadi yang menguruskannya. Tetapi Mulyadi kurang sabar tadi. Irwan memang tidak begitu pandai berenang, malah baru belajar-belajar berenang bila menggantungkan hidupnya di sungai itu. Mulyadi sendiri memang kegemarannya berenang semenjak di bangku sekolah lagi. Kerana itu dia terus saja terjun selepas siren memanjang berbunyi, melupakan bahawa ada dua tokak besar yang sudah hampir empat bulan tidak baik-baik pada kakinya.

Irwan masih lagi berdebar-debar di sebelahnya. Bukan saja dia masih terasa letih mengejar bungkusan di dalam sungai itu, malah apa yang disaksikannya sendiri pun membuatkan seluruh anggotanya gementar tidak henti-henti. Dia tidak sanggup mengingatkannya pun. Mulyadi sudah menyuruhnya melupakan segala apa yang berlaku itu berulang kali. "Aku tak boleh lupakan," katanya. "Kalau tak boleh lupakan, nanti kau tak boleh tidur juga," terang Mulyadi.

Mulyadi mengurut-urut tepi tokaknya kerana mula terasakan denyutan yang menyakitkan. Dia memandang ke dalam tokak yang sudah mendalam kira-kira setengah inci dan membesar pula. Di dalamnya berbaur darah, nanah, daging busuk dan serba jenis habuk. Dia tidak berani menguit cebisan rumput kering yang tertinggal di dalam tokak itu. Dia tidak tahan sakit lagi, malah di waktu mengurut-urut tepi tokak itu saja pun air mata sudah menggenang di kelopak matanya. "Aduuuuh, aduuuuuh," katanya, terketar-ketar.

Irwan menyapu-nyapu dahinya yang berpeluh dengan kain buruk yang kotor. Dahi itu terhitam oleh entahkan minyak, entahkan arang. Irwan cuma ingin mengeringkan dahinya, dan kalau dapat ingin menenteramkan hatinya yang masih berdebar-debar. Dia memandang Mulyadi yang masih lagi merenung-renung tokaknya. Bau tokak terlalu meloyakan hidung dan tekak, tetapi bagi mereka berdua bau itu sudah sebati, sudah tidak mengapa-apakan lagi. "Cuba lupakan," Mulyadi memberitahunya lagi, bila mendapati Irwan memerhatikannya. Irwan mengganggguk-angguk.

Sambil duduk memerhatikan bungkusan yang sudah dibukanya itu, Irwan tergambar semula apa yang berlaku ketika dia berenang pergi mengambil beg yang hanyut itu. Sebaik-baik semboyan memanjang berbunyi dia terjun mengejar bungkusan tersebut. Hampir suku renangan, baru dia sedar Mulyadi sedang berenang dengan cepat dari belakang. Dia menyuruh Mulyadi pulang ke seberang semula, mengingatkan kakinya itu bertokak. Mulyadi yang tidak percaya Irwan dapat mengejar kedua-dua bungkusan yang hanyut itu sekali tidak peduli. Seorang mendapatkan sebuah bungkusan akhirnya.

Ketika dalam renangan baliknya itulah mereka ternampak seorang tawanan Orang Putih berlari lesu di tepi sungai itu menunjuk-

nunjuk ke arah mereka. Orang tawanan itu berteriak, dan tidak mempedulikan rakan-rakannya yang lain sudah mula berbaris semula untuk melanjutkan perjalanan. Sojar Jepun yang nampak tawanan berlari itu meneriak suruh berhenti, tetapi orang tawanan cuba cepat-cepat turun ke anak tangga sungai itu. Peluru meledak, orang tawanan yang kurus panjang berkepala separuh botak itu tersungkur ke dalam air. Tawanan-tawanan lainnya riuh dan mula hendak berselerak, tetapi beberapa tembakan ke udara dari sojar-sojar Jepun yang mengawal mereka mengamankan mereka semula. Tawanan yang jatuh ke dalam sungai itu tidak bergerak sedikit pun selepas itu. Badannya timbul dan dari belakang leher darah bersembur-sembur keluar, berbaur dengan air sungai yang hitam bersampah-sarap itu.

"Irwan, itu kan bukan salah kau," kata Mulyadi, memerhatikan kawannya tenggelam dalam kenangan. "Dia lepaskan bungkusannya itu. Kita ambil. Dan yang menembak bukan kita; bukan kita yang bunuh dia. Bukan kau yang bunuh dia. Sojar Jepun tu yang bunuh."

"Tapi kan sebab bungkusan ini juga?" jawab Irwan sesudah tersedar kawannya menasihatkannya.

"Ya, sebab bungkusan itu. Tapi itu cuma sebabnya. Yang membunuh bukan kau, bukan aku, bukan bungkusan itu. Yang membunuhnya sojar Jepun. Berapa kali mesti aku terangkan?" kata Mulyadi dengan suara yang mulai serak.

Irwan tidak menjawab. Dia memerhatikan saja kawannya yang 5 tahun lebih tua darinya. Sesudah enam bulan bersama di tepi sungai, di dalam masjid dan di tepi kubur itu, dia tidak pernah menyaksikan kawannya itu secara sungguh-sungguh. Sekarang Mulyadi di hadapannya. Dia menyeluruhinya. Mulyadi ternyata jauh lebih kurus dari hari pertama mereka berjumpa, selepas lori Jepun meninggalkan mereka begitu saja di tepi jalan sesudah kedua-duanya diserang malaria. Mata Mulyadi yang berkikij itu lebih cengkung. Hidung peseknya tidak berubah, kecuali bertambah hitam kerana selalu benar berjemur. Mulutnya besar dan bibirnya tebal menjalar sampai ke bahu. Mereka sudah sama-sama terlalu banyak menderita, fikir Irwan.

Dan dia sendiri bagaimana pula rupanya sekarang, hatinya bertanya. Tidak pernah dia berjumpa cermin untuk melihat wajahnya sendiri. Cuma sekali dia terjumpa pecahan cermin yang

tidak pun sebesar dua jari. Dia dapat melihat sebahagian mukanya, dan waktu itu dia sendiri pun takut untuk menggambarkan seluruh wajahnya. Sekarang ini tentulah lebih buruk lagi wajahku, katanya. Seingat-ingatnya mukanya bujur sirih, matanya kecil dan telinga di sebelah kanannya berkelepet (memang sudah begitu sejak lahir). Badannya gemuk pendek, tetapi sekarang dapat dirasakan tulang-tulang bahu dan tulang rusuknya. Tulang lututnya pun sudah jelas menjengul. Rambutnya halus berombak-ombak, dan sekarang sudah berbaur, barangkali payah hendak disikat pun.

Dalam diam-diam itu, Irwan menangis. Dia teringat bagaimana adik-beradiknya yang tujuh orang di Pekalongan hidup dengan hanya seorang ibu yang terpaksa mencari rezeki, Dia paling tua. Ayahnya sudah terlebih dahulu dikaup Jepun entah dibawa ke mana. Dan sekaarang dia berada dalam keadaan yang sebenarnya sudah pun boleh dikatakan setengah mati dengan Mulyadi yang berasal dari Semarang. Irwan teresak-esak.

"Berapa kali lagi nak aku katakan itu bukan salah kau. Kenapa masih nak menangis lagi? Kita sudah terbuang, kita sudah banyak menangis. Sekarang kita mahu hidup pula," kata Mulyadi menekup tokak di buku lalinya dengan tangan kiri dan menghalau lalat yang semakin banyak dengan tangan kanan.

"Aku terkenang, Mulyadi...."

"Berapa... berapa lama mesti kau terkenang? Dia sudah mati, kan? Dan bukan kita yang tembak, kan?"

"Bukan itu...."

"Bukan itu?"

"Ya, bukan itu. Aku terkenang enam orang adik-adikku di Pekalongan. Bagaimana mereka hidup. Ibuku takkan terdaya memberi mereka makan," Irwan menjelaskan.

"Sudah, Irwan. Jangan terlalu banyak mengenang. Kita tak boleh hidup dengan kenangan lagi, bukan kau tak tahu. Kalau kita tak sendiri terjun ke sungai, cari sayur busuk, daging busuk atau apa saja yang boleh ditelan, sudah lama kita mati. Kau tahu, kan?" kata Mulyadi.

Irwan mengganggguk.

"Kau tengok aku sendiri. Kau fikir aku tak susah? Kau fikir aku tak

macam kau juga? Kau fikir aku tak risau tinggalkan isteri dan anakku dua orang di Semarang? Aku susah, aku risau, aku fikir, aku kenang, tapi apa lagi yang boleh dibuat lagi sekarang? Dia di sana barangkali menghadap maut, aku di sini pun menghadapi maut juga. Semua menghadap maut sekarang. Kita terpaksa hadap sendiri-diri," kata Mulyadi suaranya makin ke hujung makin meninggi.

Mulyadi memerhatikan Irwan yang menyandarkan dahinya ke atas dua lututnya. "Tangannya memegang rambut. Dia seperti tidak mahu mendengar apa yang diterangkan oleh kawannya itu. Dia masih dalam dunianya sendiri.

"Mari, Irwan. Kita ke kubur tu. Ada yang nak aku cakapkan," Mulyadi mengajak. Dia bangun dengan payah, menggerak-gerakkan kakinya untuk menghalau lalat, kemudian menunduk semula mengangkut beg yang diambilnya dari sungai, dan mengambil juga tin dan kampit yang memang dibawanya ke mana-mana saja dia pergi.

Irwan ikut bangun perlahan-lahan. Keberatan untuk mengambil beg yang melukakan hatinya, dia mahu cepat pergi. "Begnya tu," Mulyadi mengingatkan. Irwan berpaling, mengambilnya separuh lesu, sebelum berjalan. Mereka berdua berjalan di atas *shelter*. Di seberang sungai mereka terlihat beberapa orang kanak-kanak memerhatikannya, setengahnya melonjak-lonjak, setengahnya mengejek, kemudian terjun berenang di dalam sungai. Mulyadi memandang ke arah gudang di tepi kanak-kanak itu bermain. Dia pernah ternampak ada kanak-kanak yang terbongkok-bongkok mengompil dinding gudang tersebut dengan mata separuh khuatir, separuh nakal. Walaupun bangkai lori yang sudah berapa lama terperesuk dalam lumpur, dibantu dengan pokok ceri dan rimbunan lalang yang hidup di celah-celah kayu balak, dapat melindungi kanak-kanak yang berusaha mencari rezeki dengan jalan nahas itu, Mulyadi tahu bahawa mereka mengoreknya saban hari. "Irwan," dia meneriak kawannya yang berjalan di belakang. "Tiba masanya nanti, kita juga masuk ke gudang itu. Kita tak boleh makan makanan busuk dari sungai saja." tambahnya, sambil memandang ke pondok tinggi tempat sojar Jepun memerhatikan keliling kecuali di bawah dinding tempat kanak-kanak bermain.

Kedua orang kawan yang malang itu berjalan perlahan-lahan

menuju ke kubur," kata Mulyadi lagi.

Bilik itu agak bersih. Sebahagiannya beramben, sebahagiannya lantai saja. Bahagian amben bertabir, dan di atas tabir itu tersidai pula kain-kain pelekat dan tuala, juga baju kurung. Jauh hampir ke pintu terdapat sebuah tilam tipis yang masih tergulung dan di atasnya tersusun dua buah bantal. Antara amben dan tilam ini terbentang tikar getah yang sudah pecah-pecah dan di atasnya tersusun sebuah meja panjang yang rendah. Di sebelah tilam juga terdapat tirai yang masih belum dikembangkan.

Jauh berhampiran dengan tingkap tersusun pula tin-tin bertingkat-tingkat. Dinding ini sudah terkopek-kopek papannya, tetapi dibersihkan oleh tempelan kertas kuning yang sudah terlalu kering. Di sebelah dinding itu sebenarnya bilik Tompang. Dan penghuni ini tidak banyak ragamnya, tidak seperti di sebelah kiri bilik itu. Sayeed Ayuub terpaksa berpekik juga di sebelah kiri, bila ketenteramannya terganggu, tetapi tidak pernah menjerit ke sebelah kanan, kerana kalau ada pun gangguan, dia tahu Tompang dengan Simah sedang bermain.

Maghrib itu Sayeed Ayuub senang hatinya kerana waktu pulang Kareem tidak ternanti di pintu. Dia tidak merasa kehilangan apa-apa kalau anak saudaranya itu tidak ada, malah kadangkala kalau Kareem tidak pulang dia lebih merasa terhibur. Setengah jam berada di dalam bilik itu, setelah makan roti ragi, minum air sejuk segelas besar, dan menghisap rokok daunnya, Kareem tidak pulang-pulang juga. Bagus, bagus, hatinya berbisik.

Sayeed Ayuub memerhatikan isterinya yang sedang duduk di hujung katil seperti seorang yang sedang sakit dan sedang bodoh. Dia suka Zainab begitu. Dia suka bila ditanya baru menjawab. Zainab juga tidak banyak berubah, dan itu pun dia suka. Zainab terlalu kecil orangnya kalau dibandingkan dengan dirinya yang beruban, berjanggut dan bermisai. Hidung Zainab yang paling diminatinya, hidung itu kecil, tetapi mancung. Kulit Zainab agak putih kepucatan, dan dengan tidak payah dilihat Sayeed Ayuub tahu bahawa di tengah-tengah belakang tengkuk isterinya itu terpeta tahi lalat sebesar hujung cili hijau. Satu tempat yang paling

digemarinya juga ialah dada Zainab. Kalau dibandingkan dengan badannya, dada itu terasa terlalu berat. Di situ tempat muka, terutama hidungnya, fikir Sayeed Ayuub tersenyum.

"Ini hari tak ada orang kacau?" tanya Sayeed Ayuub, sambil meraba pipinya yang sudah berkedut.

Zainab tidak menjawab; dia cuma menggeleng.

"Tak ada orang ketuk pintu?"

"Tak ada."

"Betul tak ada?"

"Tak ada, mama...."

"Berapa kali dah aku kata, jangan panggil *mama*, panggil *nana*," Sayeed Ayuub mengingatkan.

"Tak ada orang ketuk pintu, nana," Zainab membetulkan kesilapannya.

Sayeed Ayuub terasa lapang dadanya; dia memandang ke sekeliling bilik seolah-olah ingin mencari sesuatu rahsia. Dia menoleh ke belakang, ternampak cuma gambar dirinya bersanding dengan Zainab di dinding. Dia tersenyum.

"Belum ada apa-apa lagi?" Dia bertanya selepas memerhatikan hidung Zainab tepat-tepat.

"Ada apa, nana?"

"Tak datang bulan?"

"O."

"Belum lagi?"

Zainab menggeleng. Sayeed Ayuub tersenyum. "Kau ingat sudah berapa lama kita kahwin?" tanyanya kemudian.

"Setahun," jawab Zainab pendek.

"Setahun satu bulan, kau tak hitung?"

Zainab menggeleng.

"Sekarang baru berjaya," Sayeed Ayuub meraba-raba janggutnya. "Orang mengajuk, kan? Sekarang orang tahu. Orang fikir orang tua 52 tahun macam aku tak boleh...," dia terhenti, tersenyum, dan

tidak puas hati memerhatikan Zainab tunduk, membiarkan rambutnya menutup sebahagian mukanya. "Zainab," dia meneriak.

"Ya?"

"Tengok aku. Aku kan bercakap? Tengok aku," Sayeed Ayuub menyuruh.

Zainab memandangnya selepas menepikan rambut yang menutup bahagian kiri muka bujur telurnya. Dia ternampak Sayeed Ayuub yang sudah menanggalkan singletnya yang berlubang-lubang. Hidung suaminya yang terlalu mancung menakutkannya, kerana matanya yang besar dengan bulu kening yang sudah pun beruban, kelihatan lebih terperesuk ke dalam. Biji mata itu sendiri tidak berani direnungnya. Mata Zainab kemudiannya menurun ke perut yang berlapis-lapis dengan bulu dada menjalar-jalar sampai ke pusat dan bersambung pula sampai ke bawah.

"Tengok aku, Zainab," suara suaminya didengarnya. Zainab memandang separuh berani ke dalam mata yang terperesuk itu. "Kau suka tinggal begini, kan?" suaminya menambah.

Zainab mengangguk, terpaksa. Dia cuba tunduk, tetapi teringat Sayeed Ayuub suruh memandangnya. Sayeed Ayuub sedang memandangnya dengan kasih berahi. Zainab tahu, dan itulah juga yang menjadikannya gelisah.

"Aku sudah sediakan namanya," kata Sayeed Ayuub.

Zainab tidak berkata apa-apa, menyebabkan Sayeed Ayuub mengulangi: "Aku kata, aku sudah sediakan namanya."

"Haah."

"Kalau perempuan Zuleika, kalau lelaki Mokhtarudeen," Sayeed Ayuub menerangkan. "Tapi aku suka Mokhtarudeen dulu. Kau fikir sapa dulu?"

"Saya tak tahu, nana...."

"Kau fikir, kata aku, fikir."

"Apa pun saya terima...."

"Aku nak tahu kau fikir Zuleikakah atau Mokhtarudeen?" Sayeed Ayuub masih tidak puas hati.

"Mokhtarudeen."

"Bagus, bagus."

Sayeed Ayuub memandang ke sekeliling lagi, dan matanya terhenti pada tilam tipis yang masih tergulung. Dia kemudiannya memerhatikan tirai yang belum dikembangkan. Dia memandang Zainab, mengingatkan: "Lain kali jangan biarkan tilam itu situ. Kalau dah pagi suruh Kareem letakkan di luar. Dia bukan kecil lagi. Kau 17, dia 18, tak manis lagi tilam tu dalam bilik. Lain kali lontarkan di luar, tahu?"

"Ya, mama... er, ya, nana," Zainab tergagap-gapap.

Sayeed Ayuub memang merasa kurang senang Kareem terpaksa tidur di dalam bilik itu juga dengan dipisahkan oleh tirai yang walaupun tebal, sudah banyak lubang-lubangnya. Sudah dua kali dia membahasa-bahasakan supaya Kareem tidur di luar saja, tetapi hendak tidur di mana pula, kalau di luar sendiri pun tempat orang lalu lintas. Satu hari nanti, fikir Sayeed Ayuub, anak saudaranya itu mesti disuruh tidur di luar juga, sebab, walau macam mana pun, Kareem kelihatan baik, siapa pula dapat mempercayainya.

Sayeed Ayuub merasa senang juga sudah menyediakan kerja untuk anak saudaranya di waktu siang. Menjual air batu di waktu siang itu, sekurang-kurangnya menghalang Kareem untuk berada di rumah ketika dia—Sayeed Ayuub—menjual barang di Sungai Road. Dan kalau waktu malam pula, Sayeed Ayuub suka benar semboyan berombak-ombak berbunyi supaya Kareem dapat cepat disuruhnya berlindung dalam *shelter* saja. Bila Kareem naik, kadang-kadang, pintu bilik sudah pun terkunci, sehingga Kareem terpaksa tidur di dalam *shelter* saja.

"Kareem belum pulang lagi dari tadi?" Tiba-tiba Sayeed Ayuub bertanya.

"Belum."

"Bagus dia tak pulang. Makin besar makin jahat tu," kata Sayeed Ayuub. Dia bangun lalu pergi ke tingkap memandang ke luar. Senja sudah mengambang dan tidak lama lagi menyerkup pula menjadi malam. Sayeed Ayuub memandang ke menara kayu tempat sojar Jepun berjaga, dan kemudian memandang pula ke bawah, ke jalan kecil di antara semak, balak-balak dan dinding gudang yang di beberapa tempat ditumbuhi pokok-pokok ceri. Matanya cepat dibesarkan bila dia ternampak seorang wanita berjalan cepat-cepat

sambil memandang ke belakang beberapa kali kerana kekhuatiran. Dia tidak dapat menerka dengan tetap, tetapi kalau dilihat dari bajunya yang hitam ataupun biru, tentulah tidak lain dari Salimah. Sayeed Ayuub cuba membesarkan matanya lagi, ingin melihat makhluk yang sudah pun dilindungi oleh rendangan pokok-pokok ceri.

Kalau benarlah Salimah nak ke mana pula dia? tanya Sayeed Ayuub dalam hati. Jalan ke situ jalan buntu, lainlah kalau hendak masuk ke pintu kecil bermangga untuk ke dalam gudang makanan yang berjaga ketat itu. Tiba-tiba saja Sayeed Ayuub menjadi cemburu dan keberahiannya timbul. Dia memandang langit berwarna-warni dengan beberapa ekor burung terbang bercelaru sebelum ditelan gelap malam. "Zainab," kata Sayeed Ayuub, sesudah dua tiga kali merenung tidak juga nampak Salimah yang hilang di sebalik pokok-pokok ceri itu.

"Ya, nana," jawab Zainab sambil menggigit-gigit bibirnya yang sudah lama tidak bergincu itu.

"Tengok pintu tu dah kuncikah tidak?" kata Sayeed Ayuub, kemudian ternampak Kareem berjalan cepat-cepat untuk naik. "Kunci cepat-cepat. Diam-diam. Biar dia fikir aku tak ada dalam bilik ni."

BAB 3

Beberapa orang masih lagi kelihatan berlari-lari di jalan tepi sekolah menuju ke hala Kallang tempat ledakan bom dan peluru kedengaran tidak putus-putus. Ramai yang ingin pergi menengoknya, dan ramai pula yang sedang menjadikan jalan raya yang selalunya lengang itu penuh dengan manusia berbaur dengan kenderaan. Sejak jam 2.30 petang bunyi gegaran yang kuat dan menggeletarkan telah menyebabkan tidak saja mereka yang di tepi sungai, malah mereka yang di kawasan-kawasan di sekitarnya, terperanjat. Ledakan yang sudah pun berlangsung selama satu jam itu semakin menambahkan minat mereka ingin tahu.

Seharusnya bunyi ledakan membuat mereka takut dan tidak keluar-keluar dari rumah. Tetapi keadaan kali ini agak berlainan sedikit. Khabar yang menjalar dari bibir ke bibir membuat mereka di tepi-tepi sungai itu ingin tahu benarkah apa yang sedang berlaku. Giap Hong mendapat tahu dari Soosay kononnya tempat simpanan peluru dan bom di Lorong 21 meledak. Soosay sendiri menerima khabar ini dari seorang yang berlari-lari dan arah Kallang. Ahmad Jani pula mendengar dari Mak Buruk kononnya Jepun sengaja meledakkan tempat simpanan peluru dan bom itu kerana mereka sudah hampir kalah. Ahmad Jani tidak tahu dari mana Mak Buruk mendengar berita tersebut. Sebenarnya tempat simpanan peluru dan bom itu pun tidak tentu disebut orang. Kuldip Singh memberitahu kononnya tempat orang tersebut di Lorong 17. Sayeed Ayuub menggeleng-geleng. Tempat simpanan peluru dan bom tentulah di *Airport* Kallang, katanya. Siapa benar dan siapa pula salah akhirnya tidak menjadi soal lagi. Khabar yang tidak sama itu menjalar terus menjadikan peristiwa ledakan peluru dan bom yang sudah hampir satu jam lebih itu lebih kacau-balau.

Dalim dan Sukon sudah pun menyeberangi sungai dengan hanya berseluar pendek. Mereka berbimbing tangan menaiki tangga kecil sungai itu. Kemudian tolong-menolong berjalan di celah dan di atas *shelter* dan balak-balak di situ. "Kita pergi tengok," Dalim mengajak. Nasir dan Aman, malah Simah yang bertocang pun ingin ikut, tetapi dibantah. "Biar Sukon dengan aku saja," kata Dalim. Sedabg irabg

berkecoh-kecoh, Dalim dapat lepas dari kakaknya, Tuminah, dan dapat pula mencari kawan, Sukon. Mereka berdua sedang berlari-lari khuatir di antara orang yang datang dan pergi itu bila mereka mendengar teguran: "Ei, budak-budak jangan pergi." Dalim mendapati Irwan yang berkemeja koyak-koyak dengan seluar pendek yang rabak di belakang, menegurnya. "Kau diam!" katanya. "Pergi cari katak!" sambungnya. Irwan tidak menjawab. Dia mengangkat tin bulat bertangkai yang kebetulan berisi katak yang baru ditangkapnya, dan sudah pun disiang, untuk dibawa ke kubur, tempat Mulyadi sedang menunggu. "Pergi cari katak lagi, hah?" Irwan mendengar suara Dalim lagi, padahal anak tersebut sudah pun jauh sepuluh sebelas ela darinya.

Ahmad Jani keluar dari dala *shelter* meraba-raba rambut pendeknya yang bercerancangan. Kopiah putih kepunyaan pak ciknya, Amin, berada di tangan, dan dikebas-kebasnya ke telinga kanannya yang bertahi lalat berbulu panjang. Lalat berlegar-legar di situ. Matanya meneliti manusia-manusua yang berkeliaran di seberang sungai, ada yang berlari dan diberi amaran oleh kereta sarbat, basikal dan kereta sorong. Anak-anak juga memangnya banyak yang berlari dan berkejar tidak menentu, tetapi dia tidak dapat menentukan yang mana Dalim. Budak itu sudah terlepas terus dari tangannya, dan cuma akhir-akhir ini perhatiannya terhadap Dalim kembali semula, selepas dia dinasihatkan oleh seorang wanita yang dihubunginya secara berahsia.

Ahmad Jani terbatuk, bersusah payah keluar dari *shelter* itu, kemudian termengah-mengah berdiri. Dia cuma nampak Sakinah dibimbing oleh Mak Buruk, dan di sebelahnya Econ. Basir yang kelihatan duduk aman di atas amben di bawah pokok ceri di hadapan bilik Soosay sedang meraut-raut kayu dengan pisau melentiknya. Matanya menjengah ke atas, ke sojar yang sedang berjaga di menara kayu. Sukon yang dicarinya tidak ada; malah Dalim yang mula rapat dengannya juga pun tidak ada. Waktu kecoh-kecoh macam inilah yang baik membesarkan lubang tepi gudang itu, katanya di dalam hati.

"Kau nampak Sukon, Sir?" tiba-tiba dia tanya.

Basir melihat Ahmad Jani masih termengah-mengah di hadapannya. Soosay keluar dari biliknya dan terkejut ternampakkan Ahmad Jani ada di luar. Kenapa dengan *shelter*? Dia

bertanya di dalam hati sebelum mengajukannya kepada Ahmad Jani. "Aku cari Sukon," jawabnya. Jawapan itu pun dirasakan ganjil oleh Soosay dan Basir. Selama ini Sukon seolah-olah tidak mempunyai bapa. Dia lebih banyak membesar dan mendewasakan dirinya sendiri dengan mengejar makanan di sungai ataupun diberi orang kerana kasihan kepadanya. Kerana itu juga Basir menariknya untuk membuat rancangan masuk dalam gudang makanan di tepi sungai itu.

"Dalim... Dalim kau tak nampak?" tanya Ahmad Jani lagi. "Dia mesti dengan Dalim."

"Aku pun mencari," jawab Basir.

Hati Ahmad Jani risau. Dia berjalan perlahan-lahan dan sebelum masuk semula ke dalam *shelter* itu, dia bertemu Tuminah. Bibir Tuminah yang tersembul mengejek itu kelihatan terketar-ketar kerana kebimbangan. "Abang nampak Dalim?" dia bertanya. "Aku pun mencari Sukon," jawab Ahmad Jani.

"Eh, kenapa abang keluar tiba-tiba hari ni?" tanya Tuminah mulai sedar ada sesuatu yang luar biasa. Selalunya Ahmad Jani di dalam *shelter* saja, dan kalau keluar, malam-malam. Orang tidak tahu sama ada dia pergi mencari rezeki, ataupun mencari apa. (Dia yang dahulunya mengambil upah jahit sudah tidak menghiraukan kerjanya). Kerana keadaan perang yang semakin meruncing keganjilan mencari makan sama ada di waktu malam mahupun di waktu siang tidak dihiraukan orang sangat.

"Nak cari Sukon," Ahmad Jani memberitahu, terasa memang perbuatannya itu agak ganjil. Dia memerhatikan Tuminah yang gempal dan berparut di bawah dagu itu untuk menentukan sama ada Tuminah terperanjat ataupun tidak.

"Abang ni kenapa asyik terperosok dalam *shelter* tu saja? Tak lemas agaknya?" tanya Tuminah mengelip-ngelipkan mata besarnya beberapa kali, suatu kebiasaan baginya waktu bercakap.

"Tempat selamat," jawab Ahmad Jani. Songkok putih ditempatkannya semula di atas kepala. Serta-merta dia kelihatan lebih tua dari umurnya 36 tahun itu.

"Orang masuk *shelter* bila siren berombak," kata Tuminah tidak segan-segan, kerana memangnya sudah pun biasa dengan Manisah, isteri Ahmad Jani yang dilarikan orang itu. "Orang ada rumah,

abang pun ada rumah. Abang sengaja hendak berikan bilik tu kepada Tompang sajakah?"

"Tidak."

"Habis tu kenapa...."

"Aku suka *shelter* ni."

"Orang lain pun ke *shelter* ni juga. Tapi bila tak ada serangan udara, orang pulang ke rumah masing-masing," kata Tuminah, memerhatikan Mak Buruk sedang bercakap dengan Giap Hong dengan tangannya mengarah ke situ mengarah ke sini tidak berapa jauh darinya.

"Kau jumpa Sukon tak?" Ahmad Jani cuba mengalihkan soal yang dibualkan.

"Dah saya kata tadi. Tak jumpa. Saya pun mencari... eh, eh, kenapa pula abang mengelak pertanyaan saya yang mula tu? Kenapa abang tak pulang ke bilik abang sendiri? Takkan nak biarkan Tompang duduk situ selamanya. Takkan boleh Sukon sorang-sorang tidur pula," kata Tuminah, mengurut-urut rambut panjangnya yang meliuk di leher kiri.

"Biar aku pergi dulu. Kalau kau jumpa Sukon, katakan aku cari," kata Ahmad Jani bersedia-sedia hendak pergi.

"Tengok tu, tengok tu abang ni. Kita nak bercakap, dia pula nak pergi. Bukan selalu-selalu dapat bercakap. Lagi pula nak bercakap tentang soal yang baik macam tu. Masa abang dengan Manisah dulu...."

"Jangan timbul-timbulkan soal tu. Biar dia mampus. Perempuan sial tu, bagus punlah dia dah berambus!" kata Ahmad Jani tiba-tiba marahnya meledak. Nafasnya turun naik makin cepat, dan selepas itu dia terbatuk sekali dua.

"Abang masih sakit lagikah?"

"Tidak."

"Marah agaknya?"

"Cuba kau jadi aku, kau baru tahu."

"Marahlah, ya?"

"Cakap hal lain, jangan cakap fasal perempuan sial tu. Itu saja," kata

Ahmad Jani.

"Baiklah. Saya nak tanya sikit."

"Apa?"

"Sampai bila abang nak benamkan diri tu dalam *shelter*? Takkan boleh jadi gitu aja. Katakanlah dia sakitkan hati abang, katakanlah dia dah lukakan hati abang, tapi takkan gitu caranya orang lukakan hati," kata Tuminah.

Ahmad Jani membesarkan matanya, melihat ke rambut Tuminah yang panjang melilit tengkuk kiri. Kulit Tuminah hitam manis, hidung Tuminah kembang sedikit, parut bawah dagunya tak selalu nampak kerana Tuminah memang biasa menunduk bila berhadapan dengan orang. "Apa maksud kau yang sebenarnya?" tanya Ahmad Jani.

"Maksud?"

"Haah, apa maksud kau?"

"Maksud tu tak ada. Cuma tak senang tengokkan orang membenamkan dirinya dalam *shelter* saja saban siang. Kalau nak ikutkan saya ni lebih susah lagi. Sebatang kara, yang ada pun cuma adik. Nak pulang ke Belimbing Dalam jauh, nak minta tolong siapa yang nak tolong zaman perang gini?" kata Tuminah.

"Basir?"

Tuminah terhenti, mukanya tiba-tiba masam. Dia memandang Ahmad Jani, ingin menyelam sedalam mana Ahmad Jani tahu perhubungannya dengan Basir. Desas-desus orang memang sudah didengarnya, tetapi orang tidak banyak cakap, lebih-lebih lagi masing-masing cuba hendak menyelamatkan diri masing-masing dalam masa perang. Ahmad Jani menggeleng-gelengkan kepalanya, mengetahui bahawa Tuminah meraguinya. "Gini aja, Tuminah...."

Kata-kata itu tidak bersambung kerana mereka semuanya terperanjat terdengarkan ledakan yang paling menggegarkan. Orang-orang yang sedang berada di jalan raya kebanyakannya sedia menunduk menekap kepala dan ada pula yang sudah meniarap dan merangkak-rangkak mencari *shelter*. Ledakan yang besar itu kemudiannya diekori dengan lima enam ledakan yang sama pekaknya dan selepas itu baru Ahmad Jani mendapati Tuminah sudah pun berlari menekap kepalanya di bawah kolong sebuah

tempat duduk kayu di hadapan bilik Soosay. "Mesti bom jatuh, mesti," katanya, terketar-ketar. "Kilang tempat simpan bom dan peluru yang meletup," kata Ahmad Jani. "Tak ingat tiga minggu dulu? Macam itu juga. Jepun dah nak kalah. Peluru dan bom yang disimpannya tu diledakkannyalah."

"Abang jangan merapik...."

"Kau nak percaya, percaya. Kalau tidak, sudah. Dan jangan kau susah-susahkan tentang aku. Susahkan tentang diri kau. Aku lelaki...."

"O, jadi lelaki boleh senang hati, perempuan tidak boleh?" kata Tuminah mula berani bangun dari bawah bangku itu.

"Bukan gitu, Tuminah. Orang buat apa-apa semuanya ada sebab...."

"Tak payah cakap, siapa pun tahu itu," kata Tuminah.

"Aku duduk dalam *shelter* tu saja pun ada sebabnya juga. Barangkali kau tak tahu, barangkali...."

"Sehari-hari suntuk dalam *shelter* tu tak gila?"

Ahmad Jani menaikkan keningnya meneliti wajah Tuminah. Memang benar Tuminah yang berusia 24 tahun itu seorang janda yang masih manis, tetapi kerana sudah biasa berbaik, lebih-lebih lagi ketika Manisah ada di sampingnya dahulu, Ahmad Jani tidak merasakan apa-apa. Ahmad Jani berjalan, berkata di dalam hatinya sendiri: Semua orang ada rahsianya. Tuminah tak tahu. Barangkali tak tahu.

Ketika dia naik ke atas tangga ke bilik Tompang, doa masih mendengar ledakan peluru ataupun bom yang kuat tiga empat kali. "Entah bila agaknya berhenti," katanya sekali lagi kepada dirinya sendiri.

Bulan terang, biliknya gelap. Tuminah tidak kuasa hendak menghidupkan lampu kelapa sawit yang biasanya dinyalakan. Malam itu panas, entah memang dua tiga hari panas terik, atau kerana bom yang terus-terusan meledak sejak tengah hari. Malam ini pun ledakannya masih bernyawa, walaupun lebih perlahan dan sekali dua setiap lima enam minit. Tuminah memang membiarkan

tingkap biliknya terbuka, menyelitkan langsir yang melindungi pemandangannya supaya cahaya bulan yang penuh itu melimpah masuk ke dalam bilik, tempatnya sedang bersimpuh.

Dalim sudah setengah jam tidur sesudah dia dipukul dua kali kerana terlalu nakal pergi hingga ke Lorong 5 bersama Sukon untuk melihat tempat bom dan peluru meledak. Untung juga Kareem menemui mereka lalu membawa mereka pulang, kalau tidak barangkali dia dibawa oleh sojar Jepun entah ke mana. Berpuluh orang yang cuba pergi melihat tempat bom meledak itu telah diangkut dengan tiga buah lori tentera dan dibawa mengarah ke Pasir Panjang. Basir dan Kuldip Singh khabarnya tidak pulang-pulang sejak petang tadi, dan orang-orang kampung percaya bahawa mereka berdua pun terikut dalam lori yang tiga buah itu.

Tuminah runsing kerana hal itu juga, khuatir kalau benar-benar Basir hilang, dia terpaksa mencari sumber makanan yang baru. Dia melihat bulan penuh, hatinya menjadi sayu. Memang di waktu-waktu seperti itulah, sesunyi itu, Tuminah akan terkenang semula kepada suaminya, Mansur, yang mati berkecai di Bukit Timah itu. Mansur tidak kacak orangnya, kalau dibandingkan dengan Basir, walaupun Basir berjerawat. Tetapi dalam diri lelaki yang kurus dan berambut jarang-jarang itu tersembunyi semangat untuk menolong. Tuminah teringat bagaimana suatu malam ketika dia sedang melayan dua orang tua di Restoran Fujiyama, Mansur datang, mencari tempat yang ceruk. Lama juga Mansur memandangnya, dan betul-betul setelah selesai Juriah menyanyikan lagu "Nasib Si Buta", barulah Tuminah pergi menemui Mansur menanyakan apa minuman yang dipesannya.

Hampir dua bulan Mansur berjinak di restoran tersebut sebelum dia berjaya memikat hati Tuminah, itu pun sesudah dia menolong ibu Tuminah, Jamilah, ke hospital dan ke doktor dua tiga kali. "Aku pun tak tahu kenapa aku gilakan kau," kata Tuminah, setelah Mansur mengajaknya kahwin, dan memberitahu bahawa restpran bukan tempatnya yang sesusai. "Siapa nak jaga ibuku, nak beri makan adikku?" Tuminah bertanya. Mansur tersenyum. "Aku hanya drebar, tapi aku berjanji menjaga mereka dengan baik," kata Mansur. Tiga minggu lagi berlalu sebelum Tuminah menyetujui kehendak Mansur, itu pun sesudah Jamilah meninggal dunia kerana penyakit biri-birinya. "Aku tak janji jadi isteri yang baik," kata Tuminah tidak mahu berselindung. "Asal aku di tempat yang jahat,

kau tahu sendiri. Tapi kalau kau dah sudi, kalau kau pandai mengasuh, barangkali aku boleh jadi baik...."

Memanglah dia menjadi isteri yang baik, fikir Tuminah. Mansur yang penyabar, sembahyang tidak tinggal, dan malam-malam menjadi guru mengaji pula, menjadikan Tuminah insaf bahawa dalam dunia ini masih ada juga manusia yang baik. Tuminah mula juga belajar-belajar membaca surah Yasin, malah sudah pun menghafaz sebahagiannya, membacakannya berulang kali ketika di dalam *shelter*, ketika B24 dan B29 menggegar dan menderam.

"Kau tak menyesal jadi isteri aku, Tum?" tanya Mansur, ketika pulang terketar-ketar sakit suatu malam.

"Kesal?"

"Aku tak berikan apa-apa," terang suaminya.

"Kalau tidak, kan kita dah ada anak. Tum sendiri yang salah, berjalan di tempat licin. Nyesal anak tu gugur?" kata Tuminah, menyelimutkan suaminya.

Mansur mengangguk.

Tuminah merasa air mata menenggelami matanya. Kenapa Mansur mesti pergi dahulu, dan pergi dalam keadaan paling dahsyat, berkecai dalam bas yang dibawanya sendiri, fikir Tuminah. Dia menahan air mata yang mengalir keluar juga. Dia memandang ke langit, melihat bulan yang kelam oleh air matanya sendiri. Tidak ada awan di sekelilingnya, cuma jauh ke utara awan bersisik jarang-jarang. Alangkah baiknya langit sejernih dan seterang itu saban malam, fikir Tuminah.

"Sekarang aku dah macam dulu semula," kata Tuminah, memandang kepada bayang suaminya yang sengaja diingat-ingatkan. "Kau jangan salahkan aku. Makanan makin susah, aku tak boleh keluar. Dalim nak makan, aku nak hidup."

Memanglah kerana itu juga dia mula merelakan *susu tin* ditukar dengan *susunya*. Tetapi tangan Basir, katanya, pujukannya, pemberiannya yang lanjut dan janji-janjinya, ditambah dengan keadaan perang yang semakin menekan dan dirinya yang membujang, Tuminah tidak terdaya menahan gelora. Suatu subuh ketika orang tergeletar di dalam *shelter* kerana pemboman yang tidak putus-putus selama dua jam oleh B24 dan B29, Tuminah

tergeletar juga oleh sentuhan Basir. Sejak itu keliarannya di restoran itu menyala semula. Dan beginilah dia sekarang, fikirnya.

Dalim bergerak, mengigau, menangis kemudian menjerit: "Lari, lari, Sukooooooonnnnnnn! Bom tu, bom, larrrrriiiiii!" Tuminah cepat-cepat mengusap dahi Dalim, memerhatikan wajah anak itu dilimpahi cahaya bulan. Dalim lebih kurus dari empat lima bulan dahulu, dia perhatikan. Rambutnya yang sudah dua bulan tidak bergunting cuma dapat menyembunyikan sedikit tulang pipinya yang menonjol. Tuminah teringat bagaimana sayangnya ibunya. Jamilah terhadap Dalim. Dia terlalu manja, dan kerana itu jugalah sekarang ini payah juga hendak menundukkan Dalim yang sudah biasa dimanjakan itu. Tuminah menangis.

Suara Mak Buruk mencepatkan Tuminah mengesat air matanya. Orang tua itu tidak boleh melihat orang menangis, dia akan mencungkil segala-gala. Malam yang aman memang selalu membawa Mak Buruk ke bilik Tuminah, malah malam bersiren berombak juga kadang-kadang dia menerpa masuk menyuruh Tuminah pergi berlindung di *shelter* sebelum tergesa-gesa naik ke atas mengambil Tompang. "Orang kata Basir dengan Kuldip Singh kena masuk dalam lori sojar Jepun. Ranjit Singh nangis tak putus-putus," kata Mak Buruk, membetul-betulkan siput sejemput bila terasa bilik Tuminah gelap. "Dah habis minyakkah?"

"Tidak."

"Habis?"

"Ada cahaya bulan."

"Sejak bila pula kau gunakan lampu bulan?"

Tuminah tersenyum di dalam cahaya bulan itu sambil mengesat matanya. "Sejak ada bulan," jawabnya berjenaka.

"Kau menangis?"

"Tidak."

"Kau kesat mata aku tengok...."

"Tidak."

"Kau susah hati kerana Basir, ya?"

"Tidak."

"Jangan bohong."

"Nak bohong macam mana pula, kalau dah tidak?"

"Jangan sembunyi-sembunyi, Tuminah."

"Nak sembunyikan apa?"

"Aku tahu. Banyak orang yang tahu."

Tuminah tidak menjawab. Memanglah banyak orang yang tahu, katanya di dalam hati. Mata siapa pula yang tidak menengok Basir membawakan ikan sardin, susu tin, ubi kayu dan minyak? Siapa pula yang tidak tahu dia janda, dan Basir jantan? Siapa yang pernah menahan cerita nampak Basir bermalam di biliknya sekurang-kurangnya semalam seminggu? Tuminah menangis.

"Aku bukannya nak susahkan kau, Tuminah," kata Mak Buruk, terasa bersalah pula memulakan perkara itu.

"Saya tahu."

Janganlah nangis. Siapa pula yang bersih macam kain putih dalam dunia ni," Mak Buruk cuba hendak memperbaiki suasana.

"Saya tahu."

Tapi... tapi kalau boleh jangan dibiarkan jantan begitu. Kalau dia dah benar-benar suka, kahwin. Aku boleh uruskan," kata Mak Buruk, memandang ke bulan yang penuh. "Susah orang bersuami ni lain sikit, Tuminah. Susah berjenguk, kata orang. Susah bujang gini susah betul. Kahwinlah."

Tuminah tidak berkata apa-apa. Mak Buruk memerhatikan Dalim yang menggelisah, pergi menutup dada Dalim yang terdedah itu dengan bantal leper, dan mengesat pula dahinya berkali-kali. Dia menggeleng-geleng "Tengokk tu, tengok nasib budak macam ni. Kecil-kecil dah hilang bapak dan hilang nenek, untunglah ada kakak." Mak Buruk memandang Tuminah yang sedang tunduk pilu. "Benar, Tuminah, kahwinlah. Bukan untuk diri kau tu saja, untuk Dalim ni juga. Aku nampakkan dia dengan Sukon tu baik benar dengan Basir. Sesuailah."

"Kau jangan ikutkan aku," kata Mak Buruk selepas tidak mendengar sebarang jawapan dari Tuminah. "Suami aku hilang ditangkap Jepun. Aku menantinya. Aku ada suami, cuma tak ada di sisi aku saja. Kau jangan ikut aku lambat kahwin."

Tuminah tidak bersuara juga beberapa ketika. Mak Buruk menerangkan lagi: "Untunglah juga ada Simah, boleh juga diharap. Jual kuih depan New World tu dapat juga sambungkan nyawa. Cuma Sakinah yang belum berani menolong. Tuhan tu adil juga. Suami dihilangkan sekejap, anak dah boleh harap." Mak Buruk menarik nafas dalam bilik bercahaya bulan itu. "Jumaat," katanya penuh perasaan, "di mana agaknya awak. Kenapakah Jepun ni kejam begini? Kalau nak ambil pun ambillah orang yang tak ada tanggungan." Dengan tidak dipaksa-paksa, air mata mengalir dari kelopak matanya.

Ledakan peluru dan bom itu boleh dikatakan reda langsung. Tetapi bila sesekali ia meledak, Basir dapat melihatnya, langit di sebelah Kallang atau Geylang akan mengejut-ngejut merah. Walaupun waktu dihalau beramai-ramai oleh sojar Jepun sewaktu dia di Kallang hatinya gementar juga, sekarang ini sudah tidak lagi. Yang mendebarkan soal lain pula. "Kenapa Tuminah ni?" dia bertanya dalam gelap-gelap di atas amben pendek di bawah pohon ceri di sebelah dinding gudang makanan. Bulan yang besar bulat cuma dapat menyelinap-nyelinap berbintik-bintik cahayanya kerana payungan daun ceri yang mulai subur semula itu. "Tak pernah dia kunci pintu," kata Basir lagi.

Waktu dia datang itu jam sudah 2.30 malam. Tuminah memangnya sudah tidur, tetapi biasanya pintu cuma dihimpit dengan bangku kecil ataupun seberat-beratnya dua buah tin dihempapkan dengan besi buruk seketul. Basir menolaknya dua tiga kali, meneriaknya pula. Tuminah tidak bangun, pintu tidak boleh dibuka. Dengan keahliannya sebagai pencuri, Basir memang boleh membuka pintu itu sekiranya dia mahu, tetapi dia merasa bahawa rumah lain boleh, rumah Tuminah tidak. Dia pulang saja ke amben tempatnya selalu berseorang-seorang kalau dia ingin bertenang ataupun ingin berfikir. Dia masih boleh pulang ke biliknya sendiri di Kitchener Road, tidur bersama Ariappan, Ariff, Mukmin, Choo Keng dan Munusamy, tetapi malam itu hatinya sengaja tidak mahu. Lagi pula petang tadi Ariappan sendiri sudah menyuruhnya bersiap kerana *Kumpulan 8* mungkin bertempur dengan kumpulannya—*Kumpulan 18*. Pengalaman di Kallang menumpulkan hatinya, walaupun

keghairahan untuk melesing rantai basikal, menghayun palang besi, melontar botol dan melepaskan penumbuk bertubi-tubi menaikkan juga semangatnya untuk berhadapan dengan *Kumpulan 8*. Sudah tiga minggu memangnya *Kumpulan 18* tidak bertempur dengan kumpulan mana-mana pun—tidak ada kumpulan yang melanggar kawasannya. Dan pergaduhan antara *Kumpulan 8* dengan kumpulannya bukanlah kerana melanggar kawasan; kerana Jonah Manis di Eastern Joget sedia pulang dengan ahli *Kumpulan 8*, padahal sebelum itu Mukmin dan Ariappan yang membawanya bergilir-gilir.

"Kenapa agaknya?" Basir membalikkan badan besarnya ke kiri sambil menggetu-getu jerawat halus di pipinya. Petang semalam Tuminah kelihatan paling riang sesudah bersama-sama tenggelam dalam *shelter* di tepi Mak Buruk, Econ, Simah, Nasir dan Aman. Maghrib itu juga Basir memberitahu: "Aku dah letakkan ikan sardin bawah tilam. Ingat, bawah tilam, tahu? Bukan atas tilam!" Dan Tuminah tersenyum manis, menaikkan tuala mandi tipis yang menggelongsor dari bahunya. Bintik-bintik air di pipi dan dadanya yang berkemban mengghairahkan Basir juga di waktu itu, tetapi kerana kawan-kawannya sudah menunggu di kedai kopi paling hujung di Syed Alwi Road, Basir terpaksa mencubit pipi Tuminah saja. Malam jam 2.30 malam itulah dia berhajat untuk menyambung keghairahannya yang terencat.

Basir meraba-rabai gigi sebelah kirinya yang rongak sebatang itu sambil cepat-cepat menelentang sesudah merasakan belakang bahunya gatal. Dia menggesel-geselkan belakang bahunya itu pada gerutu amben sambil memandang bintik-bintik cahaya bulan bulat menyelinap mengejut-ngejut dari celah-celah payungan daun ceri. Hatinya gelisah.

Serlahan suluhan api yang memanjang memendek dan merayap-rayap seperti tangan putih pergi balik dari atas menara kayu di penjuru gudang. Sesekali bila Basir mengikuti suluhan lampu putih itu dia ternampak kayu balak tergolek lesu di tepi sungai, tikus berlari-lari khuatir di tangga sungai, kotoran-kotoran dan dua tiga tin kosong serta sebiji dua botol hanyut perlahan di atas sungai, jambatan hijau yang lengang dan mengerikan dan bangkai kepala lori yang tertimbus sebahagiannya oleh lumpur sungai. Bila lampu putih itu terserlah jauh pula Basir ternampakkan kubur yang sepi dengan pokok kenanga dan dua batang pohon nyiur menjulang dan

mengembang, ternampakkan sekolah yang kaku kerana sudah beberapa lama ditutup, ternampakkan papan iklan besar yang tidak berguna lagi kerana malam sentiasa tidak berlampu, ternampakkan kilang kayu di hujung kirinya dan ternampakkan juga layar-layar tongkang yang kuncup di sebalik jambatan besar yang satu lagi.

Melihatkan jambatan mengarah ke Kallang itu Basir terlupa kepiluannya seketika, timbul pula kegementarannya, keharuannya. Waktu tengah hari tadi dia dengan Munusamy berkejar ke sana untuk ke Lorong 9 kerana khabarnya ada gudang makanan yang dirempuh orang mengambil beras, ikan sardin, susu dan gula. Tiba di Jambatan Kallang orang nampaknya sesak, yang berdiri, berdiri; yang berjalan dan berlari tergesa-gesa dengan air muka yang tidak dapat ditentukan, takut, takjub, ria atau gelisah.

Munusamy menahan seorang budak tiada berbaju, membimbit seliparnya dengan wajah yang khuatir. Budak itu ingin meronta, tetapi tidak jadi, kerana dinampaknya orang yang memegang lengannya itu tersenyum. "Kenapa, Munusamy. Ya, kenapa?" Basir menokok. "Bom, bom," kata budak itu terketar. "Itu kenapa orang ramai?" tanya Basir, mengarahkan tempat orang ramai dengan mengangkat-angkat keningnya saja. "Jepun tangkap orang," jawab budak itu, segera hendak berlalu. "Nanti," Munusamy bersuara, "boleh jalan sana? Boleh pergi Lorong 9?" Budak itu menggeleng-geleng.

"Siapa kata ada gudang pecah?" Basir menanya Munusamy yang masih belum puas hati melihatkan budak itu berlalu darinya.

"Orang kata...."

"Siapa?"

"Giap Hong kata."

"Dia dengar dari mana?"

"Kau ni banyak bertanya. Nak tahu betul, tanyalah dia pula. Mari kita ke sana. Bersesak di sini saja pun buat apa?" kata Munusamy, merasakan peluh sudah pun meleleh di sebalik singletnya yang berbelang-belang hijau-merah-biru.

Mereka bersusah payah berjalan di antara orang ramai yang nampaknya sama juga ingin melihat dan melepasi Jambatan Kallang. Sebelum sampai ke rintangan kawat berduri tempat lima

enam orang sojar Jepun berdiri dengan bengis bersenapang berbayonet, Basir sudah pun ternampak ramai kepala yang mendongak ke dua batang tiang lampu. Dari jaraknya, lebih-lebih lagi kerana ditolak-tolak, dia masih tidak dapat menentukan apa yang tergantung pada tiang tersebut. Yang dapat ditentukan cuma sebuah papan di bawah benda yang tergantung-gantung. "Kenapa orang tengok situ?" tanya Munusamy. "Entah," jawab Basir, cuba menyiku-nyiku untuk sampai ke barisan orang yang berhampiran dengan rintangan dawai berduri. "Bola agaknya?" tanya Munusamy. "Bukan," jawab seorang tua yang sedang menyiku-nyiku untuk berundur dari situ. "Bukan bola. Kepala orang dipancung Jepun," tambahnya.

"Kepala orang?" Munusamy terperanjat.

Orang tua yang memberitahu itu sudah pun tenggelam di dalam arusan manusia yang berasak-asak itu. Bunyi ledakan bom sekuat-kuatnya dan arusan manusia terkejut, ada yang memekik, ada yang semakin kuat meronta untuk lepas, ada yang menangis, ada yang menjerit, tetapi rata-ratanya semua terperanjat, menekup kepala sambil tunduk. Di waktu itu Basir sudah pun berada berhampiran dengan rintangan dawai berduri dan ternampakkan juga sojar Jepun mengarahkan muncung senapang ke arah mereka. Sebuah tank dengan muncung meriamnya digerak-gerakkan ke kanan ke kiri seperti bersedia hendak menembak siapa saja yang akan merempuh rintangan kawat berduri itu. Bila bunyi dentuman bom meledak diekori oleh bertihan peluru saja, Basir memandang ke arah dua batang tiang yang berpapan bertulis itu. Walaupun benda bulat itu kecil dari tempatnya melihat memanglah dapat diterka juga yang tergantung itu ialah kepala manusia, lebih-lebih lagi melihatkan lambaian rambutnya yang sekali-sekala dihembus angin.

"Betul, Basir, betul! Kepala orang," kata Munusamy. "Mari kita pulang. Nak kena lain boleh; kena pancung macam tu jangan."

Basir kemudiannya melihatkan barisan orang yang berjalan dua sebaris perlahan-lahan menuju ke arah dua orang sojar Jepun yang memeriksa surat keterangan orang-orang itu sebelum membenarkan mereka berjalan melepasi Jambatan Kallang. Dan Basir ternampak manusia tergantung, membaca apa yang tertulis di papan, sebelum dibenarkan berjalan menuju ke Geylang.

Basir berpaling ke kiri semula sebelum bangun duduk di atas amben di bawah pokok ceri itu. Segala yang terlintas semula di dalam kepalanya itu menggelisahkan dia, dan berbaring begitu saja seperti membiarkan lintasan peristiwa yang ngeri itu berulang-ulang kembali. Suluhan lampu putih dari atas menara kayu dilihatnya sedang menyorot ke jambatan hijau berkisar dua tiga kali dari kanan ke kiri sebelum berpindah ke tangga-tangga kecil tepi sungai dan ke balak-balak.

"Jepun nak ajar orang yang mencuri barang-barang gudang," Ahmad Jani memberitahu di hadapan Sayeed Ayuub, Giap Hong, Mak Buruk, Soosay dan Tuminah. Waktu itu Basir pun ada. Menghukum orang yang mencuri dengan memancung? tanya Basir di dalam hatinya, dan merasakan kurang adil sekali. Menyebatnya, menyepak, memenjarakannya ataupun memotong jarinya (seperti yang pernah didengarnya berlaku), barangkali bolehlah dimengerti. Memancung? Berapa jauh benar harga setin ikan sardin dengan nyawa seseorang? tanya Basir. Dia memandang ke arah lubang di tepi dinding gudang kira-kira lima ela dari amben tempatnya duduk. Kalau lubang itu berjaya ditembusi nanti, adakah itu juga hukuman yang akan diterimanya, hatinya bertanya. Sudah hampir dua minggu lebih dia merancangkan penyeludupan ke dalam gudang itu dengan bantuan Dalim dan Sukon yang kerana takutnya kepada Basir tidak pula membocorkan rahsia rancangan itu. "Kalau aku yang dipancung tidak apa juga," kata Basir, walaupun waktu membisikkan kata-kata itu seluruh badannya terasa seram juga. "Bagaimana kalau Dalim atau Sukon ataupun Aman?"

Basir bangun berjalan pergi balik dua tiga kali dengan hati yang amat gelisah sebelum dia ternampakkan muncung perahu kecil berenjut-enjut di tepi gudang berhampiran dengan jambatan hijau. Matanya dibesarkan kerana sudah berapa lama tidak pernah ada perahu yang berani melintas ataupun mengikut arus sungai, terutama sekali jam 2.30 ataupun 3.00 pagi. Mestilah ada sesuatu pekerjaan rahsia, menyeludup masuk ke gudang makanan. "Ada orang merancang lebih dahulu," kata Basir, menunduk di celah-celah reban buruk yang sudah terbiar ditenggelamkan lumpur sebahagiannya. Dari situ dia dapat menerka bahawa memang benarlah ada perahu kecil berayun, tidak bergerak. Dan ketika lampu putih dari atas menara merayap ke perahu itu, Basir ternampak ada semacam lembaga yang tertutup oleh kain buruk

kuning ataupun guni arang.

Penahan lampu putih dari atas menara terpaku ke lembaga tersebut, dan isyarat darurat kedengaran dari atas menara dengan riuh-rendah pengawal memberikan perintah beberapa kali. Basir tahu bahaya sudah dekat, dan sebelum ada senapang ataupun *machine-gun* yang meledak, baiklah dia berlalu. Dia berjalan dalam kekecohan yang menjadi-jadi itu, sambil berjalan sambil memerhatikan bulan bulat yang amat terang. "Baiklah aku ke bilik Tuminah," katanya. "Barangkali pintunya terbuka. Barangkali dia bangun kerana riuh-rendah ini."

BAB 4

Air sungai itu mengalir dengan malasnya. Sudah tiga hari airnya kuning teh susu, tetapi hari ini ia berbalik sehitam-hitamnya. Sesudah berkurung beberapa hari, beberapa orang budak antara tujuh hingga lima belas tahun, merasa terlepas semula dari penjara *shelter*, dan sedang berlumba-lumba berenang mengejar tin-tin, botol-botol dan kulit kayu balak yang hanyut, menjadikan airnya kalau tidak lesu saja itu beriak-riak sejenak.

Sukon yang bermuka pucat, bermata juling air, menjerit kesukaan, bila terlihatkan Dalim menanggalkan seluar dan singletnya. Kanak-kanak lain turut menjerit sama-sama, pertama kerana jarang-jarang Dalim berani telanjang bulat. Kucing hitam yang kurap di bahagian tengkuk dan ekornya dan sedang aman menjilat-jilat air di tepi reruntuhan sebuah sampan buruk, segera terkejut lalu menggelacah lari. Sukon ketawa berdekah-dekah, menunjukkan kucing yang lari dan Dalim yang kencing tidak menghiraukan sesiapa. Lai Chee yang bermata sepet dengan Simah yang berkening lebat sama-sama berpaling, malu untuk melihat air memancut ke sana ke mari.

Selepas meraba-raba pusatnya dua tiga kali Dalim pun menjerit segirang hati: "Aaaaaaaiiiiiiiiooooooo!" Beberapa kali tangannya yang agak pingkah sedikit itu segar mendabik-dabik dada yang menonjol tulang. Nasri, Aman, Sakinah dan Menon yang sudah timbul tenggelam dalam air itu cuba bertepuk seriang hati. Dalim semakin kuat mendabik-dabik dadanya, membuat Sukon yang masih di atas balak terapung melonjak-lonjak kesukaan.

Dalim terjun ke dalam air yang hitam malas itu, mebuakkan buih, kemudian meninggalkan kalung-kalungan air yang segera membesar. Kotoran sampah, terutama sekali sayur-sayuran busuk yang dihurungi lalat, beriak-riak mengundur. Dan dari dalam air hitam—dalam kawasan kalungan-kalungan air itu—kepala Dalim terjungul dengan rambut panjangnya terlekap di dahi, menitiskan air ke mata, hidung, mulut dan dagunya. Tangannya cepat menyapu air dari mukanya beberapa kali, kemudian rambut panjang itu dikuakkannya ke kiri. Mulutnya yang kecil tersentak-

sentak menganga kerana menyedut nafas sebanyak dapat.

Dia tersenyum kemudian ketawa, menampakkan giginya yang sudah rongak dua, lalu memekik: "Tarzan! Ini tarzan! Aaaaiiiooo!"

"Tarzan kentut," kata Menon, menyengihkan gigi putihnya yang panjang-panjang. Dia sedang memegang botol minyak yang baru dicapainya dari kumpulan kotoran-kotoran yang sedang hanyut. "Ini tarzan, ini, hah!" tambahnya, melontarkan botol putih itu ke arah kucing hitam yang sedang menjilat-jilat badannya. Kucing itu terperanjat sekali lagi, menggelacah lari, hilang di sebalik bangkai kepala lori, menjengul-jengul sedetik dua, kemudian menggelacah lari lagi entah ke mana.

"Ini baru tarzan," kata Menon, berusia 13 tahun itu, sambil menunjukkan pula dadanya yang sama bertulang. "Tengok singa lari tadi," katanya menunjukkan arah hilangnya kucing hitam. Sakinah yang bermuka comel, berhidung kembang, menjelirkan lidahnya mengejek. Baharum yang tidak tentu arah mencari tempat yang baik, tiba-tiba terkeluar tahinya mengenai paha dan betisnya. Anak 6 tahun ini, ikut menjelirkan lidah, sambil memejamkan matanya kerana geli terasa tahinya sendiri tertumpah di atas kakinya.

Dalim tidak menghiraukan ejekan kawan-kawannnya. Dia berenang menelentang dengan kaki kurusnya dikocak-kocakkan sesegar-segarnya. Nasri berparut di dahi, Sai Yong berpotong rambut empat persegi. Aman berhidung bongkok dan Sukon yang baru lepas cukur botak, berenang biasa mengikuti Dalim dari belakang, sambil berenang sambil melincahkan mata ke sana ke mari. Simah yang masih berdiri di tepi sungai, memburaikan tocangnya, memerhatikan kumpulan budak lelaki itu dengan muncung yang lebih dipanjang-panjangkan, kerana terdengar Dalim berkata: "Ei, Simah tak berani mandi telanjang!"

Sukon tiba-tiba saja berpisah dari kumpulan kawan-kawannya yang berenang meriah itu, cepat-cepat berenang ke arah sebuah tongkang buruk, sepuluh dua belas ela dari jambatan hijau. Dalim menyedarinya, lalu mengubah berenang telentangnya ke berenang biasa, menjerit: "Hai, Sukon, ke mana, hah?"

"Berak, berak," jawab Sukon, segera berlari, mananggalkan seluar basahnya dan hilang di sebalik tongkang itu. Dua ekor angsa kurus

kepunyaan Giap Hong yang biasanya dijaga ketat-ketat, meluru ke arah Sukon, tetapi mencacau lari kerana dilontari kayu dan tin buruk. "Aku nak berak kenapa kau nak usik, hah?" tanya Sukon.

"Berak dalam air ni kan boleh?" jerit Dalim. "Siapa pun tak tahu. Lepas timbul, lepas timbul."

"Mama Ayuub marah. Air ni kan bersih?" jawab Sukon.

Setengah jam mereka di dalam sungai itu, riuh-rendah, ketawa dan berjenaka, tiba-tiba terdengar Dalim menjerit: "Tengok, hei, tengok. Burung, burung!"

"Bukan kapal terbang?" tanya Menon, turut menjengah langit bertompok-tompok awan, terutama di sebelah barat.

"Bukan. Burung," Dalim meyakinkan.

"Buat apa tengok burung," kata Sukon. "Ini burung, ini," katanya, menunjukkan sesuatu yang tersembunyi di dalam air.

"Tiga hari kapal terbang tak datang," kata Menon, menggenyeh-genyeh hidungnya yang mancung.

"Empat hari," kata Aman.

"Tiga," kata Menon semula.

"Empat...."

"Tiga."

"Empat...."

"Sudah! Sudah!" Dalim memarahkan. "Tiga hari atau empat hari tak kira. Siapa yang suka bom jatuh?"

"Aku suka," jawab Baharum yang hitam bersih. Rambut halusnya terlekap terus pada kepalanya yang lonjong dan dahinya yang luas.

Dalim berenang katak dan memasamkan mukanya memandang Baharum. Baharum tersengih, dan gigi atasnya yang rongak empat batang kelihatan. "Kau suka kapal terbang?" Dalim mengulangi, memerhatikan Baharum dan kawan-kawan lainnya yang berenang katak juga.

"Aku suka bom jatuh. Syyyyyiiiiiuuuu... buuuum... buuummmm!" kata Baharum sambil mengembangkan jari tangan kanannya dan membiarkannya menjunam kuat-kuat ke dalam air.

"Kau suka bom jatuh, Sukon?" tanya Dalim.

Sukon yang sudah pun berenang semula seperti biasa, menjawab: "Aku tak suka. Bom jatuh orang mati. Aku kasihankan Tompang. Dia buta, tepok. Siren bunyi dia tak boleh lari. Bom jatuh dia tak boleh lari. Aku tak suka bom jatuh."

Aman, Sukon, Menon dan Dalim sedang ingin berenang melepasi jambatan hijau itu, bila siren berombak-ombak berbunyi dari Stesen Polis Rochore yang berhampiran. Di tengah jalan—di atas jambatan dan di tepi sungai—kelihatan orang-orang yang berjalan menjadi gusar, lalu tergesa-gesa berkejar ke *shelter-shelter* yang berhampiran. Irwan yang bercawat hitam seorang diri mengais-ngais batang daun keladi tersentak juga, melepaskan ranting kayu, lalu berkejar mengambil tin hitam yang terletak di anak tangga ketiga, dan naik tergesa-gesa pergi mengarah ke kubur di belakang masjid. Sakinah, Simah dan Lai Chee yang sedang mencungkil-cungkil lumpur lari ketakutan meninggalkan tempat itu. Sukon mencepatkan berenangnya mengarah ke bangkai kepala lori, diikut oleh Aman, Menon dan Dalim.

Cuma Baharum berusia 6 tahun dan cekap berenang itu saja yang masih ketawa lagi di tengah sungai. Dia sedang tergelak berdekah-dekah melihatkan seorang wanita gemuk dengan payung dan bakul pasarnya berlari-lari payah ke sebuah *shelter*. "Hei, tengok guni bergerak," jeritnya, melonjak-lonjak di dalam air.

"Kau nak mati, ya? Hei, Baharum kudut, kau nak mampusss, ya? Siren dah bunyi, kapal terbang dah dekat, kau nak mampuuuusss?" teriak Dalim, cepat memakai seluar dan singlet, bersedia untuk lari.

"Kapal terbang tak nampak akulah," kata Baharum, segera menghilang dalam air, kemudian timbul di tengah-tengah kotoran sampah-sarap yang sedang hanyut lesu. Dia menyelam semula, dan timbul di tempat yang agak bersih sedikit.

"Aku pulang dulu, Aman, Menon, Sukon. Hei, aku pulang dulu, Baharum. Nanti aku datang lagi," kata Dalim sambil berlari sambil mengenakan seluarnya. "Nanti aku datang!"

"Hei, kau nak angkat Tompang, ya? Nak tolong angkat Tompang?" teriak Baharum yang mula berenang ke tepi, sesudah terlihatkan Mak Buruk, Soosay, Ahmad Jani dan Giap Hong berlari sambil datang menjengah-jengah ke sungai.

"Ya, ya."

"Angkat kuat-kuat. Kau kan kawan tarzan? Kawan tarzan mesti kuat! Angkat kuat-kuat, jangan terberak!" jerit Baharum, memerhatikan kawan-kawannya semua sudah pun berlari menuju ke rumah ataupun *shelter* yang berdekatan. Matanya kemudian ternampakkan Econ, nenek kurus dan pendek, memegang rotan panjang. Baharum terkelinjang berenang ke tepi, mencapai seluar dan kemejanya, lari tidak sempat memakainya, kerana Econ yang sudah pun ternampakkan dia mengejarnya dengan nafas turun naik.

"Kau nak mati, ya?" jerit orang tua yang berambut putih jarang-jarang itu dengan membeliakkan matanya yang sepet sebelah. "Tak tahu siren dah memekik? Tak tahu balik, hah? Kau fikir kau tu macam datuk kau, kebal?"

Dua ekor angsa Giap Hong yang terangguk-angguk aman, tiba-tiba berkeliaran, bila tersedarkan Baharum yang telanjang berlari cepat dikejar terbongkok-bongkok oleh Econ yang masih menjerit-jerit marah menghayunkan rotan.

Sebaik-baik saja Dalim terjun ke dalam *shelter* yang penuh sesak itu, matanya mencari-cari Tompang. Beberapa orang tua dan muda di dalam sedang membaca Yasin dengan khusyuk, dan Ahmad Jani kelihatan terlelap-lelap matanya dengan songkok putih membacakan ayat-ayat yang sudah dihafaznya. Simah dan Sakinah sedang berpelukan dengan mata terkelip-kelip dan bibir terketar-ketar. Berhampiran dengan pintu masuk ke *shelter*, Sayeed Ayuub dan Kareem sedang mengaji juga. Ke dalam sedikit ramai juga yang sedang membisu, setengah-tengahnya tidak dapat melihat mukanya kerana gelap.

"Tompang ada dalam? Mak Buruk ada dalam?" tanya Dalim dengan suara khuatir, dan matanya terus mencari-cari. Rambut basah yang masih menitis-nitiskan air dialihkannya ke kiri. "Mak Buruk, o, Mak Buruk, Tompang ada?" dia meneriak kuat sedikit.

"Kau, Dalim?" suara tergigil dari tengah-tengah *shelter* menjawab. "Kau tak dukung Tompang bersama Sukon? Kan aku dah suruh kau berdua tolong jaga, aku ke pasar sekejap?"

"Dalim mandi sungai, Mak Buruk. Dalim minta Sukon jagakan. Dia pun mandi sungai juga. Kami lupa," jawab Dalim, khuatir.

"Tak boleh diharap," kata Mak Buruk, segera menangis di tengah-tengah orang ramai yang ikut gelisah. "Kan aku dah suruh kau berdua. Kalau tidak aku sendiri boleh mendukungnya. Aku sakit dah tiga hari ni. Sengal-sengal semuanya. Kenapalah kau orang tak ambil si Tompang tu. Kan kapal terbang dah datang?"

"Dalim nak pergi ambil, tapi orang jaga jalan suruh masuk *shelter* cepat. Dia tak kasi pergi," Dalim menerangkan dengan suara hampa. Dia sendiri mula tersedu.

Tembakan mula berlumba, kadang-kadang berdentum bunyinya, kadang-kadang berdengung saja. Sekali-sekala di tengah-tengah deruman B24 dan B29 itu terdengar pula debrakan bom yang rantai-berantai. Deruman kapal terbang semakin hebat, semakin menakutkan. Mereka yang di dalam *shelter* berpelukan, malah cuba mengecilkan badan masing-masing kerana ketakutan.

Dalim dipeluk erat-erat oleh Mak Buruk di kiri Simah dan Sakinah yang semakin erat berpeluk. Orang tua itu tersedu kerana tidak dibenarkan keluar. Dalim menekapkan matanya ke bahu Mak Buruk, menahan sedihnya. "Macam mana Tompang, Mak Buruk?" dia bertanya. Rantaian debrakan bom membatalkan jawapan dari sesiapa pun di situ beberapa ketika.

"Seminggu dulu dia bom Geylang," kata Sayeed Ayuub, mengurut-urut janggutnya dengan tangan terketar. "Beratus mati. Lepas tu dia bom Tanjung Pagar. Bom, bom, bom!"

"Apalah dosanya kita ni semua," bisik Mak Buruk terketar sedu. "Apa sebenarnya salah kita. Bukan kita yang minta perang ni...."

Baik di Kallang mahupun di Beach Road tidak banyak lagi tongkang-tongkang ataupun perahu yang masuk membawa barang. Perang yang semakin menjadi-jadi menyebabkan pemunggahan barang-barang terbatas, malah barang-barang makanan sendiri pun semakin berkurangan, kecuali bagi sojar-sojar Jepun saja. Petang itu Giap Hong masih tidak merasa letih seperti seharusnya di hari-hari bekerja. Pagi tadi cuma sebuah tongkang saja yang masuk

membawa beberapa guni beras yang dipunggah untuk dihantar ke gudang di Naval Base. Tengah hari dijangka ada perahu yang masuk, tetapi kerana siren berbunyi perahu itu tidak pula datang. Petang ini jangkanya ia datang bersama-sama sebuah tongkang lain. Sudah jam 4.00 belum juga ternampak layarnya.

Kam Seng tidur tidak berbaju di bawah pokok saga sudah setengah jam. Cuma Tian Choh bersandar di tiang penambat tali tongkang, bersiul-siul lagu *Sinano-yoru*. Matanya ke laut memerhatikan dua tiga kapal yang jauh berbintik. Giap Hong terasa lega juga sedikit kerana selepas menyedut bubur berbaur ubi tengah hari tadi, dia berbual-bual panjang dengan Kam Seng dan Tian Choh tentang berbagai-bagai hal. Rahsia dia sedang mengasah besi pengumpil balak dan pencangkuk guni tidak pula diterangkan walaupun sudah beberapa kali lidahnya hendak berkata saja.

Tian Choh sendiri menunjukkan minatnya juga tengah hari tadi. Banyak juga soal jawabnya, tidak seperti selalu dia akan bersiul-siul saja. Dia bertanya tentang anak Giap Hong, tentang bagaimana kesihatan isterinya yang selalu dihadapi malaria, dan yang penting, bagaimana pula ketenteraman hati Giap Hong sendiri. Kam Seng sebenarnya yang banyak bercerita-cerita tentang Giap Hong, dan tengah hari itu Tian Choh sendiri bertambah minatnya.

Sambil menolak-nolak bubur ke dalam mulut tengah hari itu Giap Hong menceritakan bagaimana bapanya mati di tangan Jepun. "Mestikah diceritakan yang sedih-sedih waktu sekarang?" Kam Seng yang sudah pun tahu serba sedikit tentang cerita itu bertanya. "Tidak mesti," jawab Giap Hong. "Aku cuma nak terangkan bagaimana kejamnya Jepun," sambungnya.

Giap Hong dapat mengingatkan peristiwa itu seterang-terangnya. Waktu itu pagi jam 11.00, selepas dua hari rumah berhala di hadapan rumahnya tersungkur diledakkan *shell* Jepun dari Bukit Timah. Serdadu Ghurkha dan Australia yang bertopi mengembang sedang dikerah membersihkan longkang dan mengangkat sampah-sarap di sepanjang-panjang jalan dengan serdadu Jepun yang bersongkok terperosok berekor pula di tengkuk memerintah keras. Walaupun waktu itu sesepi-sepinya, tidak seperti selalu *shell* ataupun bom atau tembakan *machine-gun* tidak putus-putus, Giap Hong dan keluarganya tidak aman juga. Mereka mendengar khabar dari jiran yang merempuh barang-barang makanan dari gudang

makanan yang berhampiran bahawa semua orang-orang Cina akan disuruh keluar untuk ditapis oleh orang-orang Jepun. Orang-orang Cina di sebelah Tanjung Pagar membawa ke New Bridge Road sudah pun dikerah keluar untuk kerja-kerja tapisan itu. Kebanyakan yang tua, wanita dan kanak-kanak saja yang dibenarkan pulang di waktu itu juga, sedang yang muda, lelaki, kebanyakannya ditahan.

Giap Hong memberitahu bapanya tentang perkembangan ini dan meminta supaya berita itu tidak terlepas pula kepada ibunya yang memang lemah semangat dan sudah sepanjang-panjang tiga bulan sebelum British menyerah diri itu sakit saja. Giap Hong runsing melihatkan *tattoo naga* yang terlekap pada belakang bapanya, kerana dia mendengar khabar bahawa kebanyakan orang yang ditahan itu mempunyai *tattoo*.

Sedang mereka makan bubur berlaukkan ikan sardin yang baru didapatkannya dari jiran sebelah, pintunya diketuk oleh sojar Jepun yang berjambang liar. Dalam bahasa yang sukar dimengerti oleh yang bercakap dengan yang mendengar itu, Giap Hong masih dapat mengagak bahawa dia dan keluarga diminta keluar. Dia mengangguk, menghabiskan buburnya, dan dengan hati yang kurang sedap keluar menjengah dan mendapati memang benarlah beberapa puluh orang Cina sudah pun berjalan beramai-ramai menuju ke Syed Alwi Road tempat mereka dikehendaki berkumpul.

Giap Hong sudah pun memberitahu ayahnya supaya jangan kelihatan takut bila dihadapi nanti, tetapi orang tua yang sudah selalunya dikejut-dikejutkan oleh peluru *shell*, bom dan *machine-gun* itu, dibantu pula oleh serangan malaria, biri-biri dan kurang makan, merasa khuatir. Mereka beratur di tepi-tepi jalan menantikan giliran untuk melepasi satu kawalan yang berkawat duri dengan muncung-muncung senapang berbayonet dan *machine-gun* berkilat-kilat seperti memangnya sedia untuk menelan mereka.

Giap Hong sendiri tidak dapat menahan ayahnya itu bila dia berlari dengan tidak diduga-duga, melepasi kawan-kawan lain yang gementar menanti giliran, melepasi pula sojar Jepun yang sedang memeriksa orang-orang yang ditahan, lalu menaiki palang-palang jambatan hijau untuk turun berselindung di bawahnya. Di waktu itulah tembakan meledak, ayah Giap Hong menjerit sejenak waktu jatuh ke dalam sungai, timbul terapung-apung dengan darah mengembang.

"Kau boleh maafkan itu?" tanya Giap Hong sewaktu selesai menceritakan pengalaman sedihnya itu kepada Tian Choh yang masih ternganga ngeri dan panas hati. "Aku tak boleh maafkan. Sampai sekarang aku masih mimpikan juga peristiwa itu, boleh dikatakan saban bulan. Aku tidak dapat lupakan!"

Giap Hong menarik nafas panjang, penuh dengan dendam di dalam dada. "Aku ditahan satu bulan. Bila aku keluar, aku pulang ke rumah, emak aku sudah tidak ada. Jiran katakan dia mati seminggu selepas mendengar cerita bapaku terbunuh di jambatan itu." Giap Hong tiba-tiba mengetap bibirnya kuat-kuat, memejamkan matanya, merasakan air mata yang mendesak-desak, teresak, kemudian menangis sekuat-kuatnya seperti anak-anak kecil. "Siapa yang boleh maafkan itu, siapa?" dia menjerit. Kam Seng dan Tian Choh turut menangis, walaupun masing-masing cuba menahannya dengan menekup hidung dan mengetap bibir.

"Kerana itulah... kerana itulah aku tahan Ling Po pulang ke Ipoh sekarang. Bukan saja memang payah untuk ke Ipoh dalam masa-masa seperti sekarang, tapi selagi aku tak tuntut bela, aku tak akan tinggalkan tempat ini dulu," kata Giap Hong, masih menahan-nahan sedu-sedannya juga.

Giap Hong memerhatikan Kam Seng yang sedang tidur dengan mulut ternganga di bawah pokok saga itu. Kakinya yang berpalang digerak-gerakkan kerana hinggapan lalat yang amat banyak, walaupun angin kencang di tepi laut itu. Giap Hong percaya kawannya itu sudah pun terlupa bahawa dunia tempatnya masih berbahaya dengan peluru dan bom, masih kurang benar dengan makanan, masih busuk dengan sampah-sarap dan kuman-kuman, masih bahaya dengan wabak penyakit yang kadang-kadang datang timpa-bertimpa. Kam Seng barangkali sedang bermimpi berada di dalam tongkang yang dipenuhi dengan serba jenis makanan, dengan pelayan-pelayan yang sentiasa ingin senyum dan dengan muzik yang selalu mengghairahkan. "Dia mimpi nikmat, jangan usik," kata Giap Hong, bila Tian Choh cuba menggerakkan kawannya itu kerana setengah jam lagi mereka boleh pulang.

Giap Hong berbual dengan Tian Choh berberapa ketika tentang apa yang mungkin berlaku esok, dan apa pula yang dirancangkan kalau perang berakhir esok lusa, sebelum mereka tenggelam semula dalam dunia khayalan dan kenangan masing-masing. Tian Choh

teringatkan *sina-no-yuru* semula, lalu menyiulkannya lebih sungguh-sungguh. Giap Hong bermenung dan hidup dalam kenangan baru—apa yang dibuatnya seminggu dua ini.

"Buat apa diasah besi tu?" dia ingat Ling Po yang masih pucat dan duduk bersimpih di tepi bilik mandi, bertanya. "Dah tajam benar. Bukannya nak mengumpil balak, kalau nak mengumpil balak dah lamalah awak buat."

"Aku sedia ni untuk lain, sayang," kata Giap Hong, memandang isterinya dengan senyum sedetik. "Barang tajam-tajam ni banyak gunanya. Barangkali bukan sekarang, siapa tahu besok, lusa ataupun seminggu dua lagi."

Ling Po tidak menanyakan lebih jauh dari itu. Janji Giap Hong bahawa dia akan dibawa pulang ke Ipoh sebaik-baik saja perang selesai, akhirnya menenangkan juga. Senyum yang tidak semanis baru-baru kahwin masih boleh dibentuk-bentuk juga, terutama bila Giap Hong menerangkan bahawa kertas-kertas yang dilayangkan dari B24 dan B29 baru-baru ini membayangkan Jepun sudah mula kalah teruk dan akan menyerah diri tidak lama lagi.

Giap Hong menggerak-gerakkan kawannya bila beberapa orang kuli lain mula pulang dengan muka separuh letih walaupun tidak mengangkat barang-barang selepas jam 10.30 pagi. "Takkan boleh jadi hidup dengan bermimpi saja," kata Giap Hong, bila Kam Seng mengenyit matanya dengan gigi terseringai. "Kalau nak tidur juga mari pulang ke rumah cepat," sambung Giap Hong. Dan di dalam hatinya sendiri dia berhajat hendak menajamkan besi pengumpil balak dan cangkuk guni berasnya kalaulah isterinya tidak mengomel. "Segala yang tajam mestilah ada mangsanya," kata Giap Hong, mengetapkan gigi palsunya. Dan dia sudah pun menggambarkan mangsanya itu di dalam kepalanya lebih dari dua bulan.

Katayama berdiri di hadapan cermin besar yang diambilnya dari sebuah rumah Cina seminggu selepas British menyerah kalah. Cermin itu empat persegi, lebar dua kaki dan tingginya kira-kira empat kaki. Walaupun cermin itu mengejek kalau dilihat dari jauh, tetapi Katayama sedar bahawa dirinya yang gemuk, kepala

besarnya yang berambut hanya di sekeliling, kakinya yang terlalu kecil bagi badannya, tidak menjadikannya sesegak Yoshihide, rakannya yang sentiasa menolongnya sejak mereka di Osaka lagi. Biarpun begitu, Katayama boleh berbangga kerana sekurang-kurangnya sejak di Mandalay Patani, di Kota Bharu dan sekarang di Singapura pula. Malam itu jam 11.00 tepat dia sudah berjanji dengan Salimah supaya datang, masuk dari pintu kecil bermangga yang sudah sedia dibukanya. Yoshihide dan Jukichi mengerti, dam dengan bantuan mereka jugalah perhubungan ini mungkin, Salimah memberikan badannya, Katayama memberikan makanan.

Sudah seminggu Salimah tidak boleh diapa-apakan, dan Salimah berjanji malam ini dirinya sudah bersih. Katayama menyiulkan lagu *Murasaki-kemuru* di hadapan cermin, dan siulan cepat-cepat dibatalkan bila Jukichi masuk dengan hanya bercawat. "Hmmm, hendak mencangkul malam-malam ni?" tanya Jukichi yang bermisai lebat. Katayama tersenyum sambil mengangguk-angguk, berjalan memeriksa bungkusan yang sudah pun disediakan di tepi katilnya. "Sudah seminggu membajakan saja; malam ni mencangkullah," terangnya.

"Kata Yoshihide kau ni tak banyak berubah. Di Osaka dulu, halaman kecil di belakang rumah habis kaucangkul. Di Songkhla, di Patani, di Kota Bharu dan sekarang di sini kaucangkul juga. Lama-lama kau mati dengan cangkul saja," kata Jukichi, ketawa.

"Aku rela," kata Katayama, meluruskan rambutnya yang di sekeliling kepala saja itu. "Kalau nak tengok rupa tentulah aku kurang bernasib baik, tapi, ya, di mana-mana keadaan selalu di sebelahku. Aku harap sampai tua nanti beginilah."

"O, sampai tua begitu. Jadi, Omatsu hendak kau apakan?" tanya Jukichi, mencebikkan bibirnya.

"Kalau aku hidup, aku pulang, dia jadi isteriku, kalau dia masih sayang kepadaku," kata Katayama. "Hmmm, tapi kenapa kau ingatkan semua tu. Kita berperang, barangkali aku mati, kau harus beri aku peluang sekarang. Biarlah aku pergi dulu, pergi mencangkul," katanya, membongkok mengambil bungkusan di tepi katil, lalu berjalan, membongkok-bongkokkan badannya. Sampai di pintu dia terhenti, mengingatkan: "O, ya, beritahu Yoshihide jangan kunci pintu belakang tu, kalaulah aku keluar di tepi sungai bawah jambatan tu nanti. Jangan halakan lampu tu ke bawah jambatan."

"Baiklah. Ini hari kau," kata Jukichi, melepaskan cawatnya, lalu menepuk-nepuk kedua belah pahanya yang menggelayut dagingnya.

Katayama menanti di amben di sebalik lori buruk itu dengan gelisah. Bungkusan yang dibawanya dipegang-pegangnya beberapa kali, dan kemudian dia cuba mencium bau badannya sendiri. Dia terlupa hendak memakai minyak wangi kepunyaan Yoshihide, tetapi dia sudah menyental badannya dengan sabun lebih dua kali sewaktu mandi tadi. Mustahillah Salimah tidak datang, bisiknya di dalam hati. Dua tiga hari dulu tidak ada apa-apa benar yang kuberikan, fikirnya lagi. Barang-barang makannya tentulah sudah habis. Dia perlu bantuan baru.

Selepas sepuluh minit, Katayama membuka sepatunya merasakan dalam kakinya itu sudah panas. Mulanya sebelah saja yang dibuka, tetaoi bila dua tiga minit berlepas lagi, dia melepaskan pula sepatu kirinya. Dia naik ke atas amben itu, meraba-raba tilam kecil yang sememangnya telah sedia. Dia menarik bantal yang tersorok dalam lori buruk lalu berbaring, cuba-cuba menahan-nahan keghairahan perasaannya.

Dalam berbaring-baring itulah dia terbayangkan Omatsu yang pernah bersekolah dengannya, tetapi berhenti sekolah kerana bapanya mati, dan dia terpaksa menolong ibunya untuk menghidupkan enam orang adik-beradiknya yang di bawah lima belas tahun semuanya. Omatsu lebih pendek darinya, tetapi wajahnya bulat dan manis. Sebatang giginya yang bertindih menjadikan senyumannya sentiasa manis, dibantu oleh lesung pipit yang mendalam benar. Dua hari sebelum dia dibawa kapal terbang untuk dijatuhkan di Burma, tangan dan pipi Omatsu pernah dipegangnya. Badannya gementar, bila Omatsu menangis dan membenarkan pipinya dicium. Seluruh penerbangan ke Burma dia tidak dapat tidur, malah apabila dia berpayung terjun di angkasa Burma dia tidak sedar apakah dia sedang melayang di udara ataupun melayang dalam khayalannya sendiri. Sepanjang-panjang pengembaraannya di medan perang lebih 12 kali dia menulis surat kepada Omatsu, dan mendapat jawapan cuma tiga kali. Selepas itu perang menjadi hebat dan seluruh perhubungan menjadi tidak tentu. Surat darinya tidak tertulis lagi, khabar dari Omatsu pun tidak datang juga. Kerinduannya terpaksa dikalahkan dengan kenyataan di hadapan Salimah.

Salimah lebih tinggi dari Omatsu, seingat-ingat Katayama, malah seinci dua tinggi darinya sendiri. Rambut Salimah lebat dan dipotong pendek. Kulitnya barangkali tidak seputih Omatsu, tetapi kulitnya kuning langsat, manis bagi orang-orang di gugusan pulau-pulau Melayu.

Hidung Salimah yang mancung dan keningnya yang hitam melebat membezakan Omatsu darinya lagi. Omatsu lebih terperosok batang hidungnya, dan keningnya senipis rambut lima enam helai disatukan. Bezanya yang lain Omatsu dapat berdialog dengannya sedang Salimah terpaksa menggunakan tangan, rangkulan menunjukkan suka dan mesra, tolakan menunjukkan kemarahan. Barangkali malam ini tolakan, fikir Katayama, kerana lima enam minit lagi sudah berlalu.

Katayama mendekatkan telinganya ke dinding kerana terasakan ada tapak yang bergerak. Tapak tersebut seolah-olah mati bila dia merapatkan telinganya lebih ke dinding. Dia menggeleng-geleng, memarahkan hatinya yang menyangka yang bukan-bukan. Dia membetulkan bantal, meletakkan kepalanya betul-betul di tengah bantal yang melengkung itu. Osaka menghidup kembali. Entah apa agaknya yang dibuat oleh Omatsu sekarang. Masih sibuk menolong ibu dan adiknya, atau sibuk menggali lubang-lubang *shelter*, kerana seminggu sudah khabar yang tidak baik sudah pun menjelma. Amerika mulai lebih kuat; British dan Rusia termasuk China sama-sama berbimbing tangan menentang Jepun, Jerman dan Itali. Bom mereka semakin besar—Itali sudah pun mula kendur lututnya. Jerman mulai letih, dan Jepun?

Ya, orang tidak sentiasa menang dalam perang, fikir Katayama. Kalah pula memang adat dalam peperangan, tambahnya. "Tapi semua itu tak perlu sekarang. Perang biar perang. Dalam hatiku juga ada perang sekarang, perang yang lebih bergelora."

Kali ini bunyi tapak benar-benar kedengaran. Katayama cepat-cepat bangun, membetulkan tilam, menepuk-nepuk bantal supaya berisi seperti sedia kala. Kakinya terketar-ketar mencari sepatu, mulanya yang kanan masuk ke kiri, dan yang kiri masuk ke kanan. Dia menyapu-nyapu rambutnya, menarik nafas panjang, sebelum menghembuskannya sekali lalu, seolah-olah ingin menghalau segala kegementaran yang bergegar-gegar di dada. Dan bila bunyi tapak dirasakan terhenti betul pada pintu tempatnua sedang menanti itu,

Katayama membuka pintu berkiut itu perlahan-lahan. Dia terperanjat.

Orang sibuk-sibuk menceritakan tentang bom yang meledak di tepi sungai, di tepi jambatan, di hadapan masjid dan di tengah padang sekolah subuh semalam. Sederet rumah di hadapan masjid telah tumbang, dan dua tiga telah hangus. Di jalan raya tepi sekolah lima enam orang bergelimpangan. Dawai-dawai *tram*, sebuah *tram* dan dua biji kereta temuk dan hangus menghalangi jalan raya. Dua buah beca ranap, terperosok di dalam longkang di tepi tembok pagar sekolah yang rebah ke kiri. Dua ela darinya dua tubuh bergelimpang, berdarah, dan kira-kira dua ela dari mayat-mayat itu terletak sebelah kaki manusia. Paip air merah di tepi jalan raya, sebelah kiri masjid, pecah dan airnya membuak tidak berhenti-henti menyimbah jalan raya yang sudah terkuak juga sebahagiannya.

Irwan tidak peduli dengan keriuhan orang di luar kawasan masjid. Baginya apa yang berlaku di luar tidak menyentuh lagi; apa yang berlaku di dalam masjid ini yang menyentuh. Sebahagian pohon nyiur sudah terpelanting hangus dan jatuh di atas nisan lima enam ela saja dari tempatnya berlindung bersama Mulyadi yang semakin buruk sakitnya. Pohon kenanga juga hangus sebahagiannya, tetapi pohon ini agak jauh dari kubur bertembok tempatnya itu. Irwan bangun membetulkan letak tikar buruk yang menjadi atap dari panas dan hujan. Dia duduk semula merapatkan mukanya kepada Mulyadi, memerhatikan kawannya yang beraduh-aduh kerana sakitnya yang menjadi-jadi. "Aku tak fikir aku hidup lagi, Irwan," Mulyadi merintih. Tokaknya di buku lali dan di lutut kanan semakin membesar dan membusuk, biar dibalut dengan kain buruk berlapis-lapis. "Orang tak boleh hidup selama-lama, Irwan," tambahnya, dengan mata yang tidak terdaya lagi hendak dikirikananankan.

"Selama ini pun kau sakit, selama ni kau hidup, kau akan hidup, Mulyadi. Jangan bimbang," Irwan cuba menghiburkan. "Kau jangan fikirkan yang bukan-bukan, jangan tak mahu makan. Itu saja. Ikut cakap aku...."

"Aku ikut cakap kau, Irwan. Kau memang kawan yang baik. Tapi,

tapi kalau ajal dah sampai...."

"Siapa yang kata ajal kau dah sampai?"

"Kau tengoklah saja keadaanku ini. Aku bukan manusia lagi, kau tahu, kan? Aku ni mayat...."

"Aku kata kau jangan cakap yang bukan-bukan," kata Irwan, merasa letih dan ingin menangis di saat itu juga. Dia menarik kain buruk bersambung-sambung yang dijadikan selimut supaya menutup kaki Mulyadi yang terketar-ketar itu. "Kau makan makanan yang kucarikan itu. Kau akan kuat nanti, akan sihat, kemudian kita boleh cari rezeki sama-sama lagi. Di sungai itu makin banyak rezeki sekarang," kata Irwan cuba meyakinkan kawannya, padahal semakin sehari semakin payah.

"Kau jangan bohong, Irwan," kata Mulyadi cuba senyum, tetapi tidak berdaya. "Aku tahu rezeki senang atau tidak. Cuma semalam kau dapat biskut yang baik...."

"Lupakan," kata Irwan, bangun mencari tin buruk dan membetulkan dua buah batu leper yang memang selalu dijadikan tungku di tepi tembok kubur tersebut. Dia mengeluarkan tiga empat keping getah tayar basikal yang sudah dipotong-potong, mengumpulkannya di dalam tungku dan menyalakannya dengan mancis yang lima enam kali digores baru menyala.

"Kau nak masak apa lagi? Aku tak hendak makan lagi," kata Mulyadi cuba meraba-raba tokak di lutut yang berbalut dengan tangan yang terketar-ketar. Matanya yang belolok kelihatan amat lambat untuk merenung ke bawah, ke lutut dan buku lalinya yang cuba diangkat sedikit. "Semalam aku mimpi," katanya.

"Jangan percaya sangat dengan mimpi," kata Irwan, menggaru-garu kepalanya yang berambut berombak, kemudian membetulkan duduk tin buruk di atas tungku yang senget sebelah. Getah tayar yang menjadi kayu api sudah pun menyala, mengeluarkan bau getah yang menusuk. "Eh, jangan angkat-angkat kaki tu, nanti bentan lagi. Aku dah balutkan, jangan diusik-usik lagi. Kau rehat saja. Aku masak air ini, kauminum nanti...."

"Buat apa masak air, kau tahu aku minum air sejuk...."

"Waktu tak sakit tak apa. Sekarang kau sakit. Kau jangan susah-susah. Biar aku yang susah. Rehat saja," kata Irwan, menolak getah

yang menyala ke dalam dengan ranting basah.

Mereka diam.

Irwan memadamkan api yang menyala dengan asap hitam yang berpintal-pintal keluar. Dia meraba beg kuningnya, merasakan getah potong-potong yang masih banyak lagi. Dua tiga hari dahulu selepas pengeboman ada basikal yang bengkok-bengkok. Dia keluarkan tayar basikalnya saja untuk jadikan kayu apinya. Dia menguao, memerhatikan Mulyadi yang terketar-ketar mulutnya.

Semalam saja lima enam kali Mulyadi menggambarkan yang bukan-bukan dan meninggalkan pesan juga. "Kalau perang selesai kau selamat, aku mati, cuba-cubalah pergi ke Semarang. Jumpa isteriku, beritahu tentang diriku. Jangan katakan aku mati begini. Katakan aku mati kena peluru sesat. Jangan katakan aku makan dan tidur dalam pagar kubur ini. Katakan aku sewa bilik," Mulyadi berkata dengan suara yang benar-benar mengharukan. "O, ya, kalau tolong berikan anak patung kain ini kepada anak perempuanku. Yati tentu tambah manis sekarang. Patung itu ada dalam beg, kan?"

"Ada, ada," jawab Irwan, teringat anak patung yang didapat dalam beg orang tawanan British yang melepaskannya ke dalam sungai dahulu.

"Anak aku yang kecil lagi itu, belum tahu apa-apa. Tak mengapa. Dia, kau berikan kad pakau ini saja," katanya sambil menunjukkan juga ke dalam beg di tepi kepalanya. Daun pakau itu pun diambil dari beg orang tawanan British. "Kautengokkan mukanya makin besarkah atau makin kecut...."

"Kenapa kaucakap semua ni, Mulyadi? Kenapa mesti dicakap yang bukan-bukan?" tanya Irwan, tidak mahu mendengar wasiat yang melukakan, walaupun dia percaya juga itu mungkin wasiat terakhir dari Mulyadi yang semakin hari semakin buruk kesihatannya.

Hampir seminggu malarianya tidak putus-putus, kadang-kadang begitu terketar-ketar sehingga Irwan menangis sendiri melihatnya. Tokaknya lebih berdenyut dan lebih dihurungi lalat yang besar-besar. Wajah Mulyadi yang dikenalnya dua tiga bulan dahulu, walaupun sudah cengkung, tidaklah seburuk sekarang. Barangkali isterinya sendiri pun tidak akan kenal Mulyadi sekarang. Telinga yang berkerak-kerak, matanya yang kering, hidungnya yang bergaret dan mula menjadi kudis, bibirnya yang kering, rambut

tebalnya yang berdebu dari jari telunjuknya yang berbalut kerana terhimpit balak sebulan lalu.

"Kau janji hendak sampaikan, Irwan?" tanya Mulyadi.

"Apa?"

"Pesanku kepada isteri dan anak...."

"Jangan khuatir soal itu."

"Kau berjanji?"

Irwan mengangguk, menahan air mata. "Ya."

"Apa?"

"Aku kata: aku janji," jawab Irwan, lebih menundukkan kepalanya.

"Kau nangis, Irwan?"

Irwan tidak sanggup bersembunyi lagi. Dia mengangguk. "Ya, ya, aku menangis. Kau jangan bercakap gitu lagi. Kaucakap begitu aku nangis," kata Irwan.

Mulyadi diam sebentar. Selepas itu dia memberitahu bahawa kalaupun dia bercakap begitu kerana barangkali itulah kali terakhir dia hendak meninggalkan pesan apa-apa. Dia mengulangkan lagi bahawa semua orang akan mati dengan cara sendiri-sendiri. Caranyalah paling sedih, menurutnya. Mati di atas kubur, di tanah orang, tidak di hadapan anak dan isteri. Lebih buruk lagi matinya dalam keadaan yang sebusuk itu.

"Sudah, Mulyadi, aku tak mahu dengar lagi," kata Irwan, mahu bangun segera.

"Tolong aku, Irwan, tolong dengar sikit lagi...."

"Biar aku pergi carikan ubat kau...."

"Aku dah tak perlu ubat lagi, Irwan."

"Biar aku cari makanan."

"Aku tak perlu makanan."

Getah yang menyala sudah banyak dimakan api. Irwan menghulurkan dua keping getah lagi. Air yang cuma setengah tin sederhana itu mula beriak-riak. Irwan memerhatikannya, teringatkan riak ombak ketika dia dibawa dengan kapal dari

Pekalongan. Kenangan itu mengejar kembali. Waktu itu dia belum kenal lagi Mulyadi, mereka semuanya duduk bersesak di atas *deck* kapal, tergigil kerana didedahkan pada embun dan beberapa jenis penyapu. Mereka tidak nampak wajah masing-masing kecuali bunyi nafas yang berkejar-kejar membayangkan kegelisahan dan kekhuatiran meninggalkan anak isteri dan saudara-mara.

Malam itu seorang pemuda belasan tahun menjerit kuat-kuat minta dilepaskan, kemudian terjun ke dalam laut sebelum dapat sesiapa pun menahannya. Jeritan deritanya semakin kuat di tengah malam itu, tetapi kemudiannya hilang ditelan angin, ombak dan deruan kapal dan kehebohan mereka yang di dalam kapal itu sendiri. Di waktu itulah Mulyadi dan Irwan mula bercakap tentang bodohnya terjun mencari maut, padahal hidup di hadapannya masih barangkali boleh cerah. "Semua orang derita dalam masa begini," kata Mulyadi, "tapi kenapa harus membuang nyawa dengan sesia begitu?" Tiga jam selepas itu, penyakit terjun ke dalam laut itu menjangkit pula kepada seorang tua yang teringatkan cucunya. Orang tua ini terjun, meneriakkan nama cucunya: "Fatimah! Fatimah! Fatimah, cucuku!" Lepas itu cuma ombak saja yang menyambut teriakannya. Tidak seorang pun tahu berapa kali orang tua itu timbul tenggelam sebelum tenggelam terus.

"Kau kenangkan apa pula, Irwan?" tiba-tiba tanya Mulyadi yang tahu benar kawannya tidak merenung api getah begitu saja. "Kau masih dalam kubur ni atau sudah sampai di Pekalongan, tempat adik-beradikmu?"

"Masih di sini," jawab Irwan, tidak mahu menerangkan bahawa apa yang diingatkannya ialah gambaran tragedi pertama ketika mereka masih di dalam kapal lagi. "Jangan runsing, aku masih di sini, masih di sisimu.:

"Ya, masih di sisiku," kata Mulyadi perlahan. Bibirnya lebih terketar-ketar. Kakinya cuba diangkatkan supaya lalat yang berdengung-dengung lari seketika. "Tapi soalnya aku. Berapa lama pula aku dapat di sisimu?"

"Aku di sisimu, kau di sisiku, sampai perang ini selesai. Kita sama-sama di sini, sama-sama pulang nanti," kata Irwan.

"Kita sama-sama pulang nanti...."

"Aku kata: kita sama-sama pulang nanti. Kita datahg dengan kapal,

kita pulang dengan kapal. Kau ke Semarang, aku ke Pekalongan. Tapi kita tetap pulang...."

"Sebenarnya aku pulang juga, Irwan. Bukan ke Semarang; aku pulang ke kubur. Sekarang ini pun kita sudah di atas kubur. Nanti aku masuk di dalamnya pula," kata Mulyadi.

Irwan terasa amat senak di perutnya. Kata-kata begitu dari kawan yang sedang sakit, menyayukan hatinya sendiri, kerana kalau benar-benarlah Mulyadi mati nanti, tinggallah dia keseorangan, hidup tidak dipedulikan manusia, tidak ada tempat bersoal jawab, tidak ada gerakan tanggungjawab, tidak ada teman mengadu....

"Mulyadi, ini kali terakhir, ya? Aku kata kau jangan cakapkan yang sedih-sedih. Aku kata kau tak akan mati, kau tak akan mati...."

"Kau bukan Tuhan...."

"Ya, aku bukan Tuhan. Tapi aku kata kau tak akan mati, kau tak akan mati...."

"Cuma Tuhan saja yang tahu makhluknya akan mati atau tidak. Kau bukan Tuhan," kata Mulyadi seolah-olah sengaja ingin menghukum Irwan. "Kau tengok badanku ini. Tengok tokakku tu, tengok mukaku ini. Tengok tanganku ini? Bukankah semuanya badan mayat, sudah bukan badan manusia yang hidup lagi?"

"Sudah, Mulyadi, aku tak mahu dengar, tak mahu dengar," kata Irwan, bangun, berjalan dari situ, memandang dari tembok kawasan masjid, memerhatikan dawai-dawai *tram* yang mengular, kereta dan beca yang remuk serta air masih membuak dari paip. Tidak berapa jauh dari sebuah pohon sena di hadapan sekolah, kereta sampah terhenti. Dua orang kuli yang kotor-bolor datang untuk mengangkat mayat-mayat yang bergelimpangan.

"Irwan," dia mendengar Mulyadi memanggilnya dengan suara terketar-ketar beberapa kali. "Sudah, Mulyadi, aku tak mahu dengar lagi," jeritnya.

BAB 5

Senja itu Baharum dengan hanya berseluar berlari-lari dari sungai mengibar-ngibarkan risalah di kedua-dua belah tangannya. Kepalanya yang lonjong sekali imbas kelihatan lebih lonjong lagi, meynyebabkan Dalim yang sedang duduk menjulurkan kaki bersama Tompang di tepi tingkap ketawa berdekah-dekah. Sebenarnya semua orang sudah pun tahu bahawa malam semalamnya dua buah kapal terbang B24 jatuh ditembak, dan bangkainya sedang dipamerkan kepada umum. Soosay dan Kareem sudah pun pergi melihatnya, menceritakan bahawa yang dapat dilihat cuma bahagian kepak, sebuah kipas, pakaian penerbangnya, termasuklah beberapa helai risalah. Penerbangnya sendiri khabarnya hidup, tetapi dipamerkan untuk orang-orang tertentu saja, sebab-sebab keselamatan.

"Siapa nak tengok kapal terbang jatuh, siapa nak tengok?" jerit Baharum, menampakkan empat giginya yang rongak. "Aku dah tengok," katanya.

"Kau cuma tengok tongkang pecah!" jerit Dalim, dan Tompang yang sedang menggeleng-gelengkan kepala di sebelahnya mengulangi: "Ya, kau cuma tengok tongkang pecah!"

"Orang buta mana tahu?" Baharum menjerit dari bawah, berdiri seketika mencekak pinggang, lepas itu berlari. Kali ini Menon, Lai Chee, Nasri dan Aman yang mulanya melihat-lihat saja ikut pula dari belakang, bantu menjeritkan: "Saya nak tengok kapal terbang jatuh, siapa nak tengok?"

Ahmad Jani sudah lama memerhatikan kanak-kanak yang tergelinjang itu, merasakan takjub bagaimana dalam waktu yang sesusah-susah itu—kurang makan dan selalu dalam bahaya bom—mereka masih dapat ketawa. Menantikan maghrib rasanya amat lambat bagi Ahmad Jani di waktu yang seriuh-riuh itu. Dari pintu *shelter* itu dia memerhatikan bangunan dua tingkat yang sebaris dengan beberapa buah pondok-pondok buruk bertabur tidak menentu di sana sini mula ditelan malam. Dia menjengah ke atas, terlihatkan kaki Tompang dan Dalim yang berayun-ayun,

menjengah ke bilik sebelahnya, terlihatkan cuma langsir separuh kain hijau dan separuh guni hanya berkibar sedikit-sedikit bila angin senja berhembus. Malam ini, fikirnya, dia akan hilang ke atas, meninggalkan *shelter* itu untuk hari siang saja.

Sudah tiga hari hatinya tidak aman memikirkan keadaan kampung yang mula disangsikan oleh sojar-sojar Jepun dari gudang di tepi sungai itu. Memanglah benar kematian Katayama yang terputus dan hancur kepalanya, hilang kaki kanan dan sebahagian perutnya itu, diakibatkan oleh debrakan bom yang jatuh di tepi jambatan, tetapi Jukichi yang kecil lincah dengan tangan kirinya bengkok ke belakang sedikit, masih juga berjalan-jalan di celah-celah kampung, memerhati ke sana memerhati ke sini dengan mata yang penuh syak wasangka.

Subuh itu, ketika diketahui Katayama mati, beruntung benarlah Mak Buruk cepat-cepat menyembunyikan Salimah di atas bumbung di bilik Tompang. Hanya suku jam selepas Salimah mengerekot di atas bumbung, tiga orang sojar Jepun datang mencarinya dengan wajah amat garang dan *machine-gun* yang seperti sengaja saja diacu-acukan ke seluruh orang-orang kampung. Jukichi yang mengetuai rombongan itu, meredah bilik Salimah dan mengacukan muncung pistol ke kepala Econ, menyebabkan orang tua yang sudah sememangnya sakit itu, terketar menangis dan terkencing beberapa kali dalam lima enam minit saja.

Ahmad Jani tahu kawan-kawan Katayama masih lagi mengesyaki bahawa kawannya yang periang dan penggemar wanita itu tidak mati kerana bom semata, sebab menurut Soosay, mereka dapati ada empat lima lubang sebaris pada leher Katayama, dan kebetulan pula cangkul kontot yang sudah berkarat, berlumpur dan berdarah itu dijumpaai seela dua dari pintu kecil tempat Katayama selalunya menemui Salimah.

Barangkali juga kerana Salimah tidak dijumpainya, kawan-kawan Katayama dapat menerima bahawa Katayama dan Salimah sama-sama mati oleh bom di tepi jambatan itu. Tetapi kemana pula bangkai Salimah, kalaulah benar dia berada dengan Katayama malam yang penuh malapetaka itu? "Kau jangan berani keluar lagi," Ahmad Jani memesan Salimah dengan tidak mendongak pun ke atas bumbung tempat Salimah sedang menangis, petang semalam. "Mereka masih mencari kau," sambungnya. Dan Salimah, dalam

sedu-sedannya, menanyakan tentang ibunya, Econ, sama ada makin kuat sakitnya, beransur baik ataupun tidak mempunyai harapan lagi. "Kau jangan susahkan hal itu," Ahmad Jani berkata sambil menepuk-nepuk songkok putihnya.

"Eh, Jepun masih cari Kak Salimah lagi?" sampuk Tompang terhenti menggeleng.

"Isy, kau ingat Tompang, jangan beri orang tahu! Nanti nahas Kak Salimah kau tu," Ahmad Jani mengingatkan.

"Siapa pula yang nak cakap. Selama ini Tompang diam aja," jawab Tompang, menggeleng semula.

Baharum dan kawan-kawannya berlari semula di hadapan *shelter*, dan kali ini yang mengekorinya semakin ramai. Seekor angsa Giap Hong (yang seekor hilang dicuri orang) memanjang-manjangkan lehernya untuk menyudu Menon yang paling hampir dengannya. Menon terjerit, melontarkan risalah-risalah yang ada pada tangannya, kemudian berlari menekap buntut dengan kedua belah tangannya. Risalah liar melayang, angsa terangguk-angguk berhenti. Ahmad Jani tersentak dari khayalan, berada semula di tengah-tengah kanak-kanak yang masih lagi riang di hujung petang yang menghampiri ke bibir malam. Dan bila kumpulan kanak-kanak itu hilang jauh dengan suaranya yang masih sayup-sayup saja, kampung itu sudah pun diserkup malam, tinggallah Ahmad Jani, memerhatikan ke sekeliling kampung tidak lagi dengan matanya sendiri, tetapi dengan mata otaknya yang mengenal betul seluruh rupa di sekitar kampung.

Malam itulah yang sebenarnya yang dinanti-nantinya lama. Gelap malam menghidupkannya semula sebagai manusia, kerana di gelap malamlah wajah Manisah yang lari ikut orang lain hilang di kepalanya, dan wajah Zainab yang selalu terkunci di dalam biliknya itu timbul pula sebagai gantinya. Ahmad Jani sendiri tidak dapat menentukan mengapa dia harus menyentuh hak orang, adakah kerana ingin menuntut bela kerana orang merampas isterinya, adakah kerana ingin membebaskan seorang wanita muda yang terpaksa dikunci setiap malam walaupun di dalam bahaya yang dahsyat, atau adakah kerana dia bersetuju seorang tua seperti Sayeed Ayuub itu mendapatkan seorang isteri dengan cara yang sama sekali tidak sihat—menggunakan wangnya, membeli isteri yang dua kali muda darinya.

Wanita kecil, berkening halus hitam, bertahi lalat di belakang tengkuk dan berdada melambak itu masuk ke dalam hidupnya secara tiada sengaja. Ahmad Jani dapat mengingatnya secara jelas. Suatu malam ketika siren berombak berbunyi, dia berkejar ke atas untuk mengangkat Tompang masuk ke *shelter*. Sebelum melepasi pintu dengan Tompang di belakangnya, Ahmad Jani terdengar suara wanita menangis. "Zainab itu selalu menangis," kata Tompang yang seberat 66 *pound* saja. "Dia kena kunci."

Ahmad Jani terhenti, menurunkan Tompang, kemudian pergi mendekatkan telinga ke dinding. Tangisan itu sungguh-sungguh. "Kenapa?" dia bertanya. Tangisan itu terhenti seketika, kemudian bermula dengan lebih perlahan-lahan. "Kenapa?" Ahmad Jani mengulangi. "Dia susah hati, Mama Ayuub kunci dia," jawab Tompang.

Malam itu juga peristiwa bagaimana Zainab dibawa ke kampung itu berputar kembali dalam kenangan Ahmad Jani dengan cepatnya. Bilik Tompang, memanglah bilik Ahmad Jani, dan di sebelahnya bilik Zainab. Ketika Sayeed Ayuub membawa isteri mudanya itu tidak seorang pun tahu, kerana datangnya malam hari. Menurut Kareem, siangnya Zainab ditumpangkan dahulu di rumah seorang kawan baiknya, Abdul Salam, yang mempunyai 13 orang anak, dan malam sebelum undang-undang berkurung bermula, Zainab dibawa pulang. Selepas itu jarang-jarang orang dapat melihat Zainab manis berusia 17 tahun itu. Makan minumnya sentiasa di dalam, mandi dan buang airnya hanya sekali di waktu maghrib. Selepas itu baik apa pun yang berlaku, dunia Zainab di dalam bilik; di luar biliknya yang menjaga mangga besar beranak kunci satu. Orang tidak pernah tahu apa yang sebenar-benarnya berlaku di dalam bilik kecil berlangsir separuh kain separuh guni itu. Cuma Tompang yang selalu mendengar orang memaksa bergurau, orang bertolak-tolak, orang bernafas keras, orang bersepak-sepak, kemudian orang berdengkur. Sekali-sekala dalam seminggu, ramai pula kanak-kanak yang ikut mengintip dan mendekatkan telinga ke dinding mendengar dan melihat gelutan buas di dalam bilik.

Lima enam kali sesudah Ahmad Jani bertanya pada malam mula berkenal itu barulah Zainab menjawab: "Ingat emak." Ahmad Jani kurang percaya apa yang didengarnya, lalu ulang bertanya. "Nab ingat emak," kata Zainab dalam esakannya. "Suruh Mama Ayuub hantar," Ahmad Jani menganjurkan. "Dia tak mahu," jawab Zainab.

"Dia marah Nab ingatkan emak," sambungnya. "Lari," sampuk Tompang. "Syyyy!" Ahmad Jani menyuruhnya diam. "Kalau tak beri, larilah, apa lagi?" Tompang bersuara juga.

Dua malam berturut-turut Ahmad Jani bersandar pada dinding, berbual-bual dengan Zainab yang terkunci dari luar itu. Zainab menceritakan bahawa dia tinggal di Paya Lebar, mempunyai tujuh orang adik-beradik, mempunyai seorang nenek dan ayah serta ibu. Waktu perang mula mereka membantu ayahnya yang bekerja kuli di Harbour Board dengan menjual kuih, tetapi apabila kaki ayahnya putus ditimpa peti makanan yang diturunkan dari kapal, mereka kehilangan sumber sara hidup. Mereka menjual kuih juga, tetapi tidak dapat mengisi keperluan perut sepuluh orang.

"Kerana itu Zainab kahwin?" Ahmad Jani bertanya.

"Hmmmm," dia mengiyakan.

"Kahwin paksa?"

"Nab tak dapat elak."

Ahmad Jani dapat mengerti. Memang di waktu itu pun sudah ramai anak-anak dara Melayu yang terpaksa kahwin dengan orang-orang tua India. Di kampungnya saja, tiga orang anak dara, termasuk Latiffah yang baru saja 15 tahun, telah menjadi mangsa kahwin paksa juga, kerana keperluan perut keluarga.

"Jadi sekarang macam mana?" Ahmad Jani bertanya, dan tidak tahu mengapa itu yang harus ditanyakan.

"Bagaimana apa?"

"Kenapa cakap dari balik dinding saja?" sampuk Tompang lagi. "Kenapa tak pergi ke bilik sebelah?" tambahnya, seolah-olah mengapi-apikannya.

Ahmad Jani teringat bagaimana perhubungan yang semakin erti-mengerti dan sayang-menyayangi itu menyegarkan akar kerinduan yang berbahaya. Berbisik-bisik di sebalik bilik kemudiannya menjadi mencekau-cekau dinding kerana bara nafsu yang sama-sama dikipaskan. Suatu malam dengan badan yang tergigil, dia mengusulkan Zainab supaya memerangkap Kareem yang tidak juga dapat mengawal darah mudanya ketika mendengar gelutan di sebalik tabir. Zainab bersetuju, memberikan peluang Kareem menciumnya hingga ke tengkuk dan menyelakkan kainnya hingga

ke paha. Selepas itu tangan dan hidung Kareem ditahannya dengan bisikan: "Kareem nak tolong tak?" Kareem yang berpipi kasar tetapi berjambang cantik itu mengangguk-angguk saja beberapa kali dengan tangan yang cuba hendak menjalar balik, dan hidung mancung yang hendak terus menghidu-hidu.

"Janji, betul nak tolong?" tanya Zainab, membiarkan susu melambaknya terhinggap pada dada Kareem.

"Janji."

Zainab meminta Kareem membuatkan dua anak kunci untuk mangga yang sentiasa di luar pintunya. "Buat apa?" tanya Kareem mula syak. "Supaya senang kau masuk nanti. Dan yang satu lagi supaya senang aku keluar bila nak buang air. Takkan boleh jadi buang air pun dalam bilik ni saja," kata Zainab, menggesel-geselkan hidung kecilnya pada pipi Kareem.

Ahmad Jani tersenyum bila menerima anak kunci yang dihulurkan oleh Zainab dari bawah dinding yang berlubang. Dia merasa hairan juga kenapa Kareem tidak terfikir apa gunanya kunci itu untuk Zainab dari dalam sebab mangganya di luar. Tetapi dia cepat-cepat mengajar Zainab supaya memberitahu bahawa bila dia ingin ke tandas kunci itu dihulurkannya kepada Dalim, Sukon, Mak Buruk ataupun Simah. Kareem yang kebetulan bertanya soal itu mengangguk-angguk setuju menerima jawapan tersebut.

Dan selepas itu Ahmad Jani selalu hilang di waktu malam, pura-pura batuk dari bilik Tompang. Kalau Zainab menjawabnya dengan menguap kuat-kuat, ketahuilah dia Sayeed Ayuub ataupun Kareem ada di dalam. Tetapi kalau Zainab menyanyikan lagu "Nasib Si Buta" bererti anak kunci boleh digunakan.

Hitam malam sudah memekat, suara kanak-kanak yang terjerit-jerit sudah tipis. Kalau tidak kerana Giap Hong menghalau angsanya yang seekor itu pulang, Ahmad Jani masih tertimbus dalam khayalannya lagi. Dia tersentak, mendapati dirinya masih di hadapan pintu *shelter*. Dia ingin batuk di bilik Tompang malam itu, dan ingin mendengar Zainab menyanyikan lagu "Nasib Si Buta". Ada soal penting yang hendak ditanya.

Ahmad Jani berjalan hati-hati, naik tangga, masuk ke bilik Tompang. Tompang yang sedang mengunyah ubi bakar yang dihantarkan oleh Mak Buruk, bertanya: "Ada apa, Bang Mad?"

Ahmad Jani menggeleng-gelengkan kepala menjawab: "Kau ni tahu saja siapa yang masuk."

Tompang ketawa. "Itulah gunanya telinga, bila mata buta," katanya.

Ahmad Jani batuk kemudiannya, dan mendengar lagu "Nasib Si Buta". Dia cepat-cepat meraba anak kunci dalam seluarnya, keluar semula lalu membuka pintu perlahan-lahan. Zainab sudah ada di pintu sedia memeluknya. "Betulkah, Nab, apa yang aku dengar?" Ahmad Jani membisikkan ke telinga wanita yang terperosok dalam pelukannya.

"Betul apa?"

"Mak Buruk kata kau mengandung...."

Zainab mengangguk-angguk, menggenyehkan pipinya berkali-kali ke dada Ahmad Jani, mengambil tangan Ahmad Jani yang mencengkam, membimbing tangan gelojoh itu ke dadanya yang melambak. "Betul," katanya dengan suara terketar-ketar. "Mama pun dah tahu. Dia suka. Kalau perempuan dia nak namakan Zuleika, kalau lelaki Mokhtarudeen."

"Biarlah dia menamakan anak tu," kata Ahmad Jani, kemudian teringat Salimah yang berada di atas bumbung bilik Tompang.

Harga barang-barang sudah menjulang setinggi awan. Nanas yang pada mulanya dapat dibeli dengan $7.00 sebiji sekarang ini sudah berharga $60.00 sekeping. Sengkuang yang mulanya dapat dibeli $4.00 sekati sekarang ini berharga $40.00 sekeping. Soosay merasa runsing dengan wang yang terpaksa dicurahkan saja ke dalam dua buah peti besi dengan tidak payah dikira-kira lagi. Rokok-rokok *Koa* yang diseludup orang dari *Butai* membawa banyak rezeki kepada Soosay yang semakin hari semakin terboros dalam lumpur *black market*. Dia menarik Kuldip Singh ke dalamnya juga, selepas Kuldip memberikan wang modal dua tahun dahulu.

Soosay yang berbadan besar tinggi, bercermin mata bingkai emas celup, bermisai halus dengan gigi yang amat teratur dan bersih, mula berasa berada di hujung bayonet. Beberapa orang kuli bekerja di *Butai* Pasir Panjang telah pun tertangkap kerana mencuri dan mem*black market* rokok, susu, ikan tin dan kain baju. Tiga orang

dibawa entah ke mana—yang ada kata dipancung, yang ada kata dikerat tangannya, yang ada kata diberi minum air sabun atau ditarik kukunya. Biar apa pun hukuman yang kena kepada tiga orang yang hilang itu, Soosay merasakan dia juga turut terhukum, malah dalam mimpinya sudah terhukum dan akan terhukum, kerana seorang daripada penyeludup-penyeludup itu memang selalu mengalirkan barang-barang *cap kapak* itu kepadanya.

Bahaya pertama yang dirasakan oleh Soosay dan Kuldip Singh ialah sewaktu ledakan peluru dan bom di Lorong 21. Malam itu sehari-harian mereka tidak dapat keluar dari sebuah pondok tempat dijanjikan barang-barang yang hendak di*black-market*kan. Mereka cuba berjalan dengan kampit terhenyak di belakangnya, tetapi terpaksa pulang semula ke pondok kerana mendengar khabar dari dua tiga orang yang berlari pulang dari Jambatan Kallang bahawa ada kepala pencuri yang digantungkan. Kampit itu ditanamkan, esoknya mereka pulang berasingan, terlepas dari bahaya yang dikhuatirkan benar itu. Seminggu kemudian, secara berdikit-dikit, barang *cap kapak* itu diangkut dan dijualkannya, hingga peti besinya sendat dengan wang Jepun yang menjunam-junam rendah nilainya dalam beberapa minggu saja.

Kuldip Singh sendiri setuju kalau mereka berpindah saja secara diam-diam ke tempat yang rahsia. Kuldip yang bermuka bulat besar, berjanggut setebal dua inci dan berbibir tebal yang masih dapat dilihat walaupun misai kasarnya hampir-hampir menyerkupnya, bercadang hendak menghilangkan diri petang itu juga. "Jangan beritahu orang ke mana kau pergi, ke mana aku pergi," pesannya kepada Soosay, sambil menyuruh Ranjit Singh yang berbulu kening tebal bersiap segera. "Kau juga jangan beritahu orang," kata Soosay, menjeling ke kanan kiri, khuatir kalau-kalau ada telinga yang kembang mendengar.

Mulanya mereka sama-sama setuju untuk tinggal sekurang-kurangnya dua hari lagi kerana ingin menantikan barang yang akan dicuri oleh Basir dan kawan-kawannya. Basir yang mulanya merancang untuk masuk ke dalam gudang di tepi sungai ini dengan bantuan Sukon dan Dalim saja, kemudiannya memutuskan untuk meninggalkan saja kanak-kanak tersebut, kerana merasakan bahayanya semakin besar. "Aku ajak kau orang semua," kata Basir menggetu-getu jerawatnya yang semakin berselerak, "sebab ini bukan kerja budak-budak." Ariappan, Ariff, Mukmin, Choo Keng

dan Munusamy tersenyum sambil berpandangan sesama sendiri. Sudah seminggu mereka tidak ada kerja yang penting selain dari mencari musuh dari *Kumpulan 8* yang merampas Jonah Manis hingga sekarang. Dan sekarang rezeki sudah pun terbayang.

"Kita tak boleh tunggu," kata Kuldip Singh, menukar fikirannya selepas melihatkan lampu suluh putih dari atas menara kayu dalam gudang di tepi sungai itu semakin meliar-liar mencari musuhnya. "Dulu sekali kita dah lepas. Ini kali kita cari balak," sambungnya. Soosay memberitahu keputusan ini kepada Basir, dengan tidak menerangkan mereka akan hilangkan diri dengan tiba-tiba dan secara rahsia. "Tidak apa," kata Basir, cuba menenangkan suaranya, walaupun hatinya berdebar geram.

Ketika Soosay meneriak Menon yang ikut mengajuk-ajuk Irwan yang sedang mengait kulit nanas buruk, anaknya yang sedang melonjak-lonjak riang di tepi bangkai kepala lori bersama Aman, Dalim, Sukon, Ranjit Singh dan Baharum itu, menggeleng-gelengkan kepala tidak mahu ikut. "Aku tinggalkan kau nanti," Soosay meneriak lebih tinggi. "Kalau tak mahu juga rotan ni ada!" Menon memasamkan mukanya, memukul belakang tengkuknya sendiri seolah-olah menghukum dirinya sendiri. Baharum yang ternampak Menon berlalu cepat-cepat menjerit: "Menon, Menon, jangan pulang! Kita usik orang gila, tengok dia punya seluar koyak! Jangan pulang!!" Dan bila dilihatnya Menon berjalan juga sambil memukul-mukul tengkuknya lagi, Baharum yang hari itu memakai kemeja panjang saja tanpa seluar, segera mengangkat kemejanya tinggi-tinggi, berkata: "Menon, Menon, jangan pergi dulu! Tengok aku tembak dia!" Air terpancut, menggigil sedikit-sedikit, mencepat, kemudian putus-putus mendesak.

Menon mencebik, berjalan dengan sengaja menghentak-hentakkan kaki ke dalam lumpur sehingga kotorannya terpercik, kemudian terhenti lagi bila ternampakkan Dalim membuka baju, menepuk-nepuk dadanya dengan kedua belah tangan tergenggam dan menjerit: "Tarzan! Aaaaaiiiiiooooooooo!" Badan Dalim ditelan air hitam, dan dia timbul di tengah, tercungap-cungap sambil menyapu mukanya cepat-cepat. Menon, hei, jangan pulang!" Baharum masih memanggilnya. "Kita tengok tarzan lawan orang Jawa!" Menon tidak berhenti lagi kerana panggilan Soosay sudah melengking.

Kuldip Singh yang memerhatikan anaknya sambil menyikat-nyikat

janggut dan rambutnya yang sedang disiputkan, membiarkan pula Ranjit melonjat-lonjat kesukaan di sebelah Sukon. Anak yang juling air itu menggenyeh-genyeh kepala botaknya dengan kedua-dua belah tangannya kerana kesukaan benar. Kawan-kawannya yang lain bertepuk tangan melihatkan Dalim cuba menjauhkan kulit nanas busuk yang sedang dikais-kais Irwan dengan mengocak-ngocakkan air. Di peringkat itu, Mak Buruk yang kelihatan uzur datang memarahkan budak-budak itu. Dalim berenang menghala ke jambatan hijau, sedang kawan-kawannya berlari menggelacah ke bawah payungan pokok ceri.

"Kawan-kawan nakal itulah yang akan ditinggalkan Ranjit," bisik Kuldip Singh, mengenakan serbannya. Dia tahu Ranjit akan kehilangan sesuatu untuk beberapa ketika, sebelum mendapatkan kawan-kawan baru. "Dah tak boleh tinggal sini lagi," kata Kuldip Singh sendirian lagi, kerana menyedari bahawa apa yang akan berlaku kepada tiga orang penyeludup yang telah tertangkap itu akan membahayakan pula dirinya dan Ranjit kalau rahsia terbuka. Memanglah perang barangkali tidak lama lagi tamat kerana berita-berita yang didengar menganginkan Jepun sudah mula kalah teruk; tetapi sojar-sojar Jepun yang semakin bertambah di sekeliling kampungnya itu menakutkan juga. Sekolah di hadapan sungai yang selama beberapa waktu kosong tertutup saja sekarang ini sudah pun terisi dengan sojar-sojar Jepun atas bawah. Di tengah-tengah padang sekolah sudah pun mula diletakkan dua tiga meriam yang dilindungkan dengan jaring-jaring bergelut daun-daunan. Sekali dua gegaran tembakannya sudah mula didengar, dan ini tambah menakutkan. "Tak boleh tunggu-tunggu lagi," kata Kuldip Singh.

Maghrib nanti Kuldip Singh tidak dapat menentukan siapa yang akan pergi dahulu, kerana masing-masing tidak sampai menentukan ke situ. Biar bagaimanapun lakunya, Kuldip Singh berharap benar supaya jangan pula mereka kelihatan keluar serempak. Biarlah Soosay keluar dahulu dengan anaknya, Menon; ataupun biarlah dia keluar dahulu dengan anaknya, Ranjit. Kalaulah terlepas dari bahaya maghrib ini, bolehlah diharapkan akan terlepas juga dari bahaya-bahaya kecil lainnya, fikir Kuldip Singh.

Senja hari itu memanglah indah, lain dari hari-hari sebelumnya. Awan bersisi warna-warni di barat semakin sayu kelihatan bila mentari terbenam perlahan-lahan. Kuldip Singh ternampakkan lembaga hitam gudang yang membelakangi mentari lelah itu

menjadi semakin menggerunkan, kerana menara kayu yang menjulang seperti bermata memerhatikannya. Bila malam menjengah, lampu suluh putih di kepala menara akan celik, berkisar liar ke mari. Dia terpaksa pergi sebelum lidah api itu menjelir-jelir, katanya sendirian.

Lama juga rasanya hendak menantikan maghrib menggeliat bangun. Dengan dada gelisah menanti, kenangan manis dan pahitnya di kampung tepi sungai itu menyusup-nyusup datang. Kalau tidak kerana Soosay, fikirnya, dia tidak ke situ juga. Soosay mengajaknya tinggal di tepi sungai itu selepas bom pertama jatuh menghenyak bangunan tempatnya bekerja sebagai jaga. Dia bekerja sebagai jaga di New World seketika, kemudian tidak sesuai pindah pula menjadi jaga di sebuah syarikat membaiki kereta, tetapi selepas dapat berkongsi menjalankan kerja *black market*, dia lebih banyak berjalan ke sana ke mari mencari peluang-peluang baik.

Tentang asal usul Soosay dia tidak banyak tahu walaupun mereka itu berbaik. Soosay cuma memberitahu bahawa dia sampai ke Singapura sewaktu berumur lima tahun, dan ayahnya dari Madras. Kuldip Singh memberitahu kawannya itu bahawa datuknya lahir di Amritsar, mengembara ke Culcutta. Ayahnya pula lahir di Culcutta dan mengembara ke Singapura. Ranjit lahir di Singapura, dan entahlah akan mengembara ke mana pula, fikirnya. Dalam pergaulannya dengan Soosay seingat-ingatnya tidak pernah berlaku sesuatu yang luka-melukakan, walaupun pada suatu waktu dalam diam-diam, dia memangnya menaruh minat kepada Padmini, dan pernah pula mencium tengkuknya secara paksa dua tiga kali. Untung pula Padmini tidak mengadu kepada suaminya, entahlah kerana dia takut ataupun kerana tidak tahu sama ada untuk takut kepada suaminya ataupun kepada Kuldip Singh sendiri. Tentang isterinya pula, Kuldip Singh tidak fikir Soosay pernah melakukan apa-apa sebab ibu Ranjit Singh itu tidak putus-putus sakit hingga akhirnya mati kerana penyakit batuk kering.

Maghrib akhirnya terpacak. Kuldip Singh mencuit anaknya yang sedang tersengguk-sengguk sesudah mandi dan berbaju bersih sedikit. "Mari," Kuldip Singh mengajak. Ranjit Singh terkejut, melihatkan bapanya dengan mata digenyeh-genyeh lima enam kali. "Ke mana? Hendak ke mana, pak?" dia bertanya, menaikkan keningnya yang tercantum menjadi melengkung ke atas. "Jangan tanya," kata Kuldip Singh terasa sedih di hati. "Mari."

Bunyi burung hantu dari kubur pada malam yang sesunyi itu menggementarkan hati sesiapa pun, terutama hati Basir dan kawan-kawannya yang sudah pun berada di tepi sungai, masing-masing sejarak sepuluh ela. Lampu putih yang merayap perlahan-lahan sudah pun menjalar dari tempat besi-besi buruk, ke masjid, belakang kubur, ke jambatan, ke kayu-kayu balak dan jauh ke dinding iklan di atas bumbung rumah yang sudah pun runtuh sebahagiannya. Lampu itu kemudiannya membelok menyorot jauh ke tiang-tiang tongkang, lalu merapati ke rumah-rumah kampung tepi sungai, ke bawah gudang makanan dan memanjang semula untuk berpusing lagi. Hanya sesudah pada pusingan keempat lampu tersebut, baru Basir memberikan isyarat dengan menggerakkan benang yang disambungkannya pada tangan orang lain. Ariappan yang terasakan gerakan benang itu, cepat-cepat melontarkan seketul batu sekira-kira dekat dengan kawannya yang lain. Mereka tahulah tugas masing-masing.

Dua hari sebelum itu, masing-masing sudah pun membiasakan dirinya dengan tempat-tempat yang hendak dilalui. Basir tidak membenarkan kawan-kawannya semua datang sekali gus. Mereka dipecah-pecahkan—ada yang datang pagi, ada tengah hari, ada petang dan seorang lagi sewaktu hendak senja. Basir sendiri tidak payah kerana dia sudah tahu selok-belok tempat itu, tahu ke mana harus lari kalau terdengar bahaya, tahu di mana harus lompat, di mana harus merangkak, di mana harus sembunyi dan di mana pula harus pura-pura mati terus. Ariappan yang mula-mula membiasakan dirinya dengan tempat itu pura-pura bermain dengan Baharum. Dia melontarkan sebutir sengkuang kecil, Baharum mengambilnya, membasuh dengan air sungai itu juga lalu mengunyahnya. Mereka mandi—Baharum menyangkakan ada orang yang sukakan dia, sementara Ariappan sendiri pura-pura tergelak memerhatikan ke tempat-tempat yang sudah diberitahu. Ariff, Mukmin, Choo Keng dan Munusamy menjalani latihan yang serupa juga, tetapi masing-masing dengan caranya sendiri-sendiri. Ada yang hanya berpura-pura mandi, ada yang pura-pura mencungkil baki-baki kulit balak, ada yang pura-pura mencari lipas dan ada yang pura-pura ingin mengambil tin ataupun botol yang terapung-apung di sungai.

Malam yang dirancangkan itu malam bergerak sendiri-sendiri, sesudah mengenal tugas masing-masing. Basir yang memberikan penerangan dan mengatur rancangan memberitahu bahawa tempat yang dilubangkan dan sudah oun ditutup dengan zink buruk dan kayu-kayu basah itu betul-betul mengarah ke bilik simpanan makanan. Dia sendiri mendapat maklumat ini dari Sukon yang dilepaskannya masuk empat malam sebelum itu. Tugas masuk ke dalam terserah kepada Ariappan dan Mukmin yang agak kurus badannya. Choo Keng dan Ariff masing-masing menanti di luar, bersedia untuk menarik sebarang makanan ataupun alat-alatan lain bila dihulurkan. Munusamy sengaja disuruh membenamkan dirinya dalam sungai dengan bakul dawai yang suda sedia di kakinya. Basir memberitahu semua barang-barang tin perlu dimasukkan ke dalam bakul tersebut supaya kalau berlaku apa-apa mereka dapat segera meninggalkannya dan tahu untuk mengambilnya semula nanti. Barang-barang yang ringan seperti kain baju ataupun kasut boleh dimasukkan terus ke dalam kampit yang sudah pun sedia terselit pada tali pinggang masing-masing.

Sementara masing-masing bergerak perlahan-lahan dan berhenti di tempat yang ditentukan, Basir memerhatikan dari bawah amben, lima ela dari lubang tempat Ariappan mula merebahkan zink dan kayu basah yang menutupinya. Hati Basir berdebar saja dengan tiba-tiba kerana bila melihatkan ke bawah jambatan dia segera teringat pengalamannya beberapa minggu lalu. Di bawah jambatan itulah dia ternampakkan perahu kecil terapung-apung dan kemudian tersuluh api dari menara kayu. Kekecohan berlaku di waktu itum tembakan meledak bertubi-tubi dan terpaan sojar Jepun dari dalam gudang sungguh-sungguh menggamatkan. Waktu itu Basir sempat lari terlebih dahulu. Pagi esoknya dia mendapat tahu bahawa orang yang ditembak itu ialah seorang tua yang memang membiarkan dirinya terapung dalam kolek di bawah jambatan menantikan lampu suluh dan peluru dari menara kayu. Kerana sakitnya yang memanjang, dan kerana dia tidak dapat menyarai lima orang anaknya, dia memilih jalan yang dirasakannya senang. Orang yang putus asa biasanya datang menggantungkan diri di jambatan hijau itu; dia datang menantikan peluru merabakkan dada dan kepalanya yang sudah sememangnya kering.

Basir tidak mahu peristiwa tembak-tembakan itu berlaku kepada kawan-kawannya yang selama ini memangnya pintar menjalankan

kerja-kerja menyusup ke dalam gudang-gudang makanan. Dia tersenyum mengingatkan bagaimana Ariappan menunjukkan dia akan merangkak masuk ke dalam gudang itu siang tadi. Ariff juga menunjukkan caranya sendiri, malah menerangkan pula apa yang akan dilakukannya sekiranya sesuatu yang darurat berlaku. Dia menggoleng-golengkan badannya dan merangkak perlahan-lahan sebelum bangun berlari dengan arahan yang berombak-ombak ke kanan ke kiri. "Jangan khuatir, ini orang berpengalaman," katanya tersenyum, kemudian ketawa berbahak-bahak.

Basir cuma khuatirkan Munusamy yang tidak mahu menukar singlet hitam dengan singlet hijau-merah-birunya. Kawan-kawannya semua tidak bersetuju, tetapi dia berjanji hendak membuka kemeja itu bila sampai di tempatnya nanti. Tanpa singlet badannya lebih malam dari malam sendiri, katanya. Choo Keng memang sentiasa hati-hati orangnya, dan tidak pernah takbur. "Aku tak berjanji aku tak akan berdebar," katanya. "Tempat ini lain sikit, lampu suluhnya cepat sangat mencari mangsa." Dia mengatakan kalau ada apa-apa yang berlaku, beritahu neneknya dia sudah pergi ke tempat lain untuk beberapa bulan dan tolong hantarkan bahagian wang simpanannya yang ada pada Basir. Mereka yang mendengar tidak sedap hati, cuba tersenyum sambil menahan ketaran di dada.

Basir berfikir-fikir dia sudah lama tidak mendapat ikan yang besar. Sekarang ini harga-harga barang sudah meloncat naik—ada yang tujuh lapan kali ganda dari seminggu sudah. Walaupun Soosay dan Kuldip Singh sudah keberatan untuk membelinya, Basir tidak pula putus asa. Ada tempat yang boleh dijual di Minto Road, di Owen Road, ataupun di Syed Alwi Road sendiri. Barangkalilah harganya saja tidak setinggi yang berani diberikan oleh Soosay dan Kuldip, tetapi itu sudah tudak menjadi soal lagi. Ada barang, ada wang. Kalau ditahan seminggu dua, harganya tetap akan naik lagi, fikir Basir.

Ariappan dan Mukmin sudah pun hilang ke dalam lubang yang dikorek itu. Kerana sudah biasa di tempat itu, di dalam gelap-gelap pun Basir dapat melihat bayang-bayang kawannya bergerak masuk. Sekarang mereka terpaksa menanti dengan hati gementar. Basir menggigit-gigit kuku di jari hantunya dan merasakan badannya seram-seram sejuk.

Lima minit tidak berlaku apa-apa. Basir mula gelisah, dan mula

merangkak perlahan-lahan merapati Choo Keng. "Kenapa mereka tak beri isyarat apa-apa?" tanya Choo Keng, tergigil-gigil badannya. "Nanti, nanti mereka beri. Dalam tu gelap sangat agaknya," jawab Basir, lalu tiba-tiba menyuruh kawannya itu tunduk kerana lampu suluh merayap tidak berapa jauh dari mereka.

Apabila lima minit lagi Ariappan dan Mukmin tidak keluar, Munusamy menjadi gelisah lalu lari dalam lecak-lecak lumpur itu, terlupa bahawa mereka sudah pun berjanji untuk berjalan sehati-hati kerana setiap langkah yang silap bererti nahas. Belum sempat Basir memberi amaran kepada kawannya yang masih juga bersinglet hijau-merah-biru itu, Munusamy sudah pun tergelincir, lalu jatuh bergulung-gulung ke dalam air. Di saat itulah siren darurat berbunyi dan lampu suluh putih cepat-cepat menerpa ke arah Munusamy. Tembakan dari atas bertalu-talu mengenai Munusamy yang menggelepar di dalam air kemudian terbisu kaku ditelan sungai dengan darah yang membuak, menampakkan juga perbezaan air hitam di malam hari itu dengan darah manusia yang terkejut-kejut keluar. Ariff tergamam lalu berlari menyusuri tepi gudang untuk ke bawah jambatan tetapi dia juga telah ditembusi peluru, memekik nama emaknya, "Mak Esaaaaaaaaaah!" sebelum tergelepar jatuh, tersangkut pada bangkai kepala lori buruk seketika sebelum jatuh menyembam ke lumpur. Mukmin terketar keluar dari lubang yang terdedah tetapi terpekik kesakitan kerana tertembak dari dalam. Choo Keng yang pendek berambut lebat menutup ke mata berlari bengkang-bengkok mengikut Basir. Lampu putih dari atas tidak dapat menyuluh mereka kerana mereka berlari hampir benar dengan dinding gudang itu. Mukmij yang sudah pun mati dengan kepala terlentok ke kiri ditolak orang dari dalam lalu jatuh bergulung terhempas ke balak sebelum menggelongsor pula masuk ke dalam sungai sebahagian kepalanya. Dari lubang itu keluar pula sojar Jepun dengan cepatnya, seorang menyuluh ke arah Choo Keng dan Basir yang sedang bersungguh-sungguh berlari, sementara seorang melepaskan peluru *machine-gun*nya. Kedua-duanya jatuh bergelimpangan. Choo Keng tiga ela dari Basir. Sojar Jepun itu masih belum puas lagi, berkejar ke tempat dua orang yang terbongkang itu, menembaknya beberapa kali lagi. Hampir seketika itu juga lampu suluh putih dari atas menara kayu itu terpusat kepada dua orang sojar Jepun berdiri di hadapan Choo Keng yang tertiarap dengan kepala dan bahunya berdarah dan Basir yang telentang dengan mulut terbuka seolah-olah ingin memberitahu

sesuatu.

BAB 6

Wajah di sekitar bandar di seberang sungai itu sudah tidak dipedulikan orang sangat. Bangunan yang runtuh di hadapan masjid, pintu sekolah yang sebahagiannya terbongkas, dawai-dawai *tram* dan telefon yang masih terbiar di tengah jalan dan dua buah *tram* yang remuk oleh bom tiga hari dahulu, dipandang orang seperti tidak menggerakkan perasaan lagi. Di tepi-tepi pagar sekolah di bawah pokok saga dan kenanga beberapa orang melarat berbaring dan duduk dengan badan yang kurus, berpenyakit dan terjelir-jelir lapar. Seorang daripada mereka inilah yang menolong Irwan mengangkat mayat Mulyadi yang seharusnya ditanam lima jam dahulu. Serangan udara selama dua kali berturut-turut membatalkan Irwan untuk mengangkat temannya itu. Dan bila dia cuba mengangkatnya sendiri, dia terasa tidak berdaya benar, lalu meminta bantuan seorang kawan yang senasib.

Sekarang ini mayat Mulyadi sudah pun dibaringkan di tepi sungai di atas sebuah anak tangga dialas oleh tiga empat ketul batu besar supaya tidak tergelungsur jatuh. Muka Mulyadi ditutupkan dengan tuala buruk yang bercarik dan berambu dan di atasnya lalat semakin banyak berdengung menghinggap dan berterbangan. Irwan mengibasnya dengan tangan, mengangkat pula sapu tangan tersebut dan mendapati di dalam mata yang belolok dan tercelik itu juga lalat sudah hitam berlonggok.

Irwan menangis teresak-esak, menahannya sejak berjam-jam tadi. Dia menghalau lalat tersebut, menutup muka kawannya semula dengan sapu tangan. Matanya kemudian menjalar ke arah tokak Mulyadi di buku lali kiri dan di lutut kanan. Tokak itu sudah membesar, sekarang masih berair, bernanah di tepi-tepinya dan hitam juga dihurungi lalat. Irwan tidak tahu mahu menutupnya dengan apa lagi. Dalam masa perang begitu, fikirnya, lalat hidup dengan memakan manusia!

Apa yang sedang dikesalkannya ialah dia tidak tahu bila sebenarnya Mulyadi meninggal dunia. Malam semalam selepas memberikan Mulyadi makan sayur ubi rebus yang dicurinya di belakang masjid,

dia bercerita panjang. Segala cerita berbalik ke kisah di Pekalongan, di waktu dia senang berhadapan dengan enam orang adik yang walaupun nakal, menggembirakannya. Irwan memberitahu Mulyadi bahawa mereka akan pulang ke negerinya tidak lama lagi, dan tidak tahu mengapa dia harus berkata begitu, padahal dia sendiri pun tidak tahu bila perang akan berakhir. Mulyadi sendiri ada bersuara sekali dua di antara erang dan gigilannya meminta supaya Irwan jangan tidak-tidak menemui isteri dan dua orang anaknya di Semarang.

"Yati," katanya, "manis." Dia dengan susah payah mengeluarkan sebuah anak patung kain dari beg yang didapatinya di sungai dahulu, menghulurkannya terketar-ketar kepada Irwan, meminta supaya disampaikan kepada anak perempuannya itu.

"Kau jangan fikirkan yang bukan-bukan dulu, Mulyadi. Berapa kali mesti aku cakapkan. Simpan anak patung itu dulu. Kau sendiri yang akan menghantarnya nanti," kata Irwan, memerhatikan terus ke langit yang berbintang malam itu.

"Aku percaya aku tak akan hidup lagi, Irwan. Aku tahu aku tak akan dapat sampaikan ini," kata Mulyadi, perlahan-lahan. "Kalau... kalau aku dapat melihat matahari esok saja pun aku sudah bertuah. Aku mati malam ini juga," tambahnya. Irwan tidak percaya, dan tertidur nyenyak sehingga subuh. Bila tercelik, Mulyadi sudah menjadi mayat, dengan mata dan mulutnya terbuka luas.

Irwan menggeleng-gelengkan kepala beberapa kali memerhatikan kawannya yang semakin banyak dihurungi lalat itu, menciumi bau mayat yang sudah tidak busuk lagi baginya. Dia tidak menyangka Mulyadi akan masuk dalam kehidupannya, menjalani penderitaan hidup sebegitu lama, kemudian mati tanpa saudara-mara. Sekarang ini dirasakan benar, Mulyadi itulah saudaranya, dan sebab itu juga dia ingin melakukan suatu penghormatan akhir yang diminta sendiri oleh Mulyadi semasa sedang sakit dahulu.

"Kalau aku mati," kata Mulyadi pilu dua hari dahulu, "kau tenggelamkan aku dalam sungai itu kita selama ini." Irwan tidak tertahan lagi mengenangkan semua kata-kata yang sudah membayangkan maut itu. Kalau dahulu didengarnya kata-kata tersebut hatinya cuma tergerak sedikit kerana penderitaan sehari-hari yang lebih menyentuhnya, tetapi apabila Mulyadi sudah terbujur sebagai mayat di hadapannya, dan akan ditenggelamkan

pula sebagaimana yang diminta oleh rakannya itu sendiri, Irwan merasakan sesuatu yang sukar ditahan-tahan. Dia menangis sesungguh-sungguhnya kali ini, menangis seperti anak-anak, dengan tidak mempedulikan orang-orang yang memandangnya dari sebelah dan seberang sungai, dari sebuah perahu yang lalu, dari atas menara kayu, malah dari belakangnya sendiri.

"Kau tahu, Mulyadi, inilah yang aku takut-takutkan benar," kata Irwan, menutup hidungnya yang lurus panjang berbatang sedikit. Dan sambil menghembuskan hingus dan mengesat air mata yang tidak putus-putus teralir, Irwan menambah: "Kau tahu bagaimana aku jaga kau? Kau tahu kenapa? Aku... aku mahu kau yang hidup, biar aku yang mati! Kau... kau tahu itu, Mulyadi? Aku mahu kau yang hidup." Di dalam kepalanya di ketika itu juga terbayang segala usahanya untuk mencarikan ubat dan makanan bagi kawannya yang lama sakit itu. Dia carikan tongkat supaya Mulyadi senang berjalan, dia pergi ke kedai meminta sedekah pil *quinine* dua tiga kali (cuma dapat sekali), dia mencari makanan hingga sekali dia dilontari batu dan kayu, dan akhirnya secara tidak disengaja dia membunuh. "Aku membunuh aku jadi pembunuh juga kerana mahukan kau hidup, Mulyadi," katanya tersedu-sedan.

Sudah lama juga dia ingin membunuh kenangan yang semakin hari semakin menyeksanya di dalam mimpi. Seksa tidak makan sudah menjadi sesuatu yang biasa baginya, hingga dengan terketar-ketar lapar pun, terkadang-kadang dia masih dapat melupakannya dengan tidur yang beraneka mimpi. Tetapi seksa dihukum dalam mimpi, memaksa matanya itu supaya tercelik sentiasa, melihatkan pagar kubur, nisan itu sekeliling dan pokok-pokok serta rimbun batu sebagai lembaga-lembaga yang sedia mencekiknya.

Masa berlakunya peristiwa itu Mulyadi sungguh-sungguh sedang sakit. Cebis nanas busuk dan air panas yang dimasak dengan getah tidak terlepas melalui tekaknya. Dia cuma mengerang-erang sakit, tersentap-sentap, tercungap-cungap seperti menantikan waktunya saja. Irwan cuba berfikir secepat-cepatnya dengan kepalanya yang sudah sememangnya bengal, dan memutuskan untuk menyeberang sungai, mengetuk pintu kecil di belakang gudang bagi meminta ubat dan makanan. Malam berperistiwa itulah dia menyeberangi sungai di malam hari, mengelak suluhan lampu dengan menyelam lama-lama, kemudian merangkak di tepi sungai, melepasi bangkai kepala lori, melepasi reban yang terperosok ke dalam lumpur,

melepasi dua tiga balak, melepasi amben dan lubang yang bertudung dengan zink dan kayu basah, hingga terdiri di hadapan pintu kecil belakang gudang itu sendiri.

Selama setengah jam dia terketar angin menentukan sama ada mahu mengetuk pintu itu ataupun mahu masuk melalui lubang yang ditutup itu. Dia pernah mendengar seorang kanak-kanak yang bermandi sungai mengatakan lubang bertutup itu terus saja mengarah ke dalam bilik makanan. Dia sudah menggerakkan zinknya, tetapi tidak berani, lalu berjalan perlahan-lahan, terhantuk cangkul buruk, mengadui-adui sakit lima enam minit di bawah payungan daun ceri, kemudian membawa cangkul kontot itu sendiri ke pintu belakang gudang, mulanya dengan tiada maksud apa-apa. Tetapi ketika pintu terbuka malam itu, Irwan terketar-ketar melihatkan seorang Jepun sudah sedia berdiri, terperanjat, lalu ingin menangkapnya. Irwan teringat cangkul di tangan, mengayunnya sekuat hati ke kepala Katayama yang tergelincir jatuh sewaktu Irwan mengelak. Katayama menggelepar sewaktu Irwan mencekiknya, ingin menutup mulutnya supaya sojar tersebut tidak memekik. Bila Katayama tidak bergerak, Irwan menariknya perlahan-lahan menghampiri jambatan dengan maksud ingin menggelungsurkan mayat tersebut ke dalam sungai. Dia tidak sempat kerana khuatir lampu suluh putih dari menara kayu yang sudah pun membelok untuk sampai ke tempatnya. Dia menarik mayat tersebut lebih ke dinding gudang supaya tidak dapat disuluh, kemudian menyeberangi semula sungai dengan tiga empat kali menyelam, meninggalkan Katayama dan cangkul kontot yang menebuk tengkuknya tidak berjauhan darinya. Malam itu jugalah serangan B24 dan B29 berlangsung, dan jambatan hijau serta beberapa tempat yang berhampiran terkambus oleh bom. Mayat Katayama menjadi bertambah sukar dikenali, sehingga kawan-kawannya yang rapat, Jukichi dan Yoshihide, agak waswas samaa ada kekasih Omatsu itu mati kerana dibunuh orang dahulu ataupun benar-benar dimakan ledakan bom.

Irwan lebih teresak, menutup-nutup matanya dan menangis sepenuh-penuh hati. Angin tiba-tiba bertiup, melayangkan tuala uang menutup muka Mulyadi. Irwan bangun, turun mengambilnya dari air sungai, melekapkan semula ke muka kawannya itu. Dia mengeluarkan pula tali dari kampitnya, mengikat dua ketul batu besar, yang kemudiannya diikatkan pada kaki dan bahu kawannya

itu.

Aman, Sukon, Dalim, Sakinah, Lai Chee dan Baharum memerhatikan segala apa yang dibuat oleh Irwan dari seberang sungai. Baharum bertanya dengan kuatnya: "Nak belayarkan, ya?"

Irwan merasa tali dan batu yang terikat pada badan Mulyadi, mengagak-agak sekira-kira berat untuk menenggelamkan tubuh kawannya itu ke dalam sungai. Dia turun ke bawah setangga lagi supaya membolehkannya memerhatikan seluruh badan kawannya bagi kali yang terakhir. Tuala dibuka dan dari mata Mulyadi berterbangan lalat kerana hidung Irwan datang mencium pipi kawannya yang sudah enam jam menjadi mayat itu. Irwan memeluknya, menangis lagi seperti tidak mahu melepaskan Mulyadi.

"Aku dah buat segala-gala untuk kau, Mulyadi. Kau tahu, kan? Aku tak mahu lepaskan kau ke dalam sungai ini, tapi kau mahu gitu. Aku turut." Irwan bangun semula sesudah beberapa ketika memeluk kawannya. Dia memerhatikan air sungai yang sudah pun merayap tinggi, tiga tangga lagi sampai ke paras mayat tersebut. Irwan menarik kawannya itu setangga demi setangga sehingga ke paras air. Dia memeluk Mulyadi sekuat-kuatnya, menangis seperti budak-budak lagi. Mayat itu kemudiannya diletakkan di atas air, ditolak sedikit jauh ke tengah sebelum dilepaskan. Mulyadi kemudiannya tenggelam dengan cepatnya, meninggalkan lalat-lalat yang menghurungi mata dan kedua tokak besarnya itu berlegar-legar lama di atas air sebelum terbang pergi mencari mangsa yang lain.

Baharum terlonjak-lonjak dari seberang, menepuk tangan dua tiga kali, tetapi cepat dimarahkan oleh Sukon. Dia terhenti, memerhatikan Irwan yang masih duduk di tangga merenung buih dan kalungan air tempat Mulyadi tenggelam. Irwan kemudiannya bangun dengan lesu, menyandang tin kosong dan beg kepunyaan kawannya itu, berjalan dengan lemahnya, memandang ke air beberapa kali sebelum naik dengan susah payahnya di tepi jambatan untuk pulang ke kubur tempatnya berlindung

---

Sojar-sojar Jepun di hadapan sekolah kelihatan semakin sibuk mengorek lubang di sekeliling sekolah untuk dijadikan *shelter*.

Mereka yang lalu di hadapan sekolah mudah merasakan bahawa perang bukan hampir tamat, malah akan berpanjangan lagi. Mak Buruk yang pulang dari meng*rush* minyak hari itu semakin khuatir melihatkan dua tiga buah meriam baru yang berjaring-jaring hijau di atasnya ditambahkan di padang sekolah tersebut. Gegaran dari tembakan itu selalu mengecutkan hatinya, yang sudah pun khuatir selalu kerana peristiwa Basir dan Choo Keng mati terbongkang beberapa ela saja dari tempatnya sedang berlindung di malam tersebut.

Mak Buruk percaya bahawa kalaulah perang tidak terhenti juga dalam seminggu dua peluang untuk hidup semakin tipis, bukan kerana bom yang tidak putus-putus jatuh, tetapi kerana makanan pun sudah terlalu berkurangan. Pagi itu di tempat minyak kelapa sawit mereka yang berbaris untuk mendapatkannya serta-merta menjadi hilang akal merempuh penjaga pintu sehingga pintu kedai roboh dan segala-gala yang berada di dalamnya terberai dan porak-peranda. Mak Buruk sendiri masih jauh dalam barisan tersebut dan terpaksa bersurai saja. Dua hari dahulu minyak tidak dapat, dan hari ini, hari yang diharapkannya, minyak tidak ada juga.

Semasa berjalan di atas jambatan hijau itu, Mak Buruk tidak mahu melihat ke kiri dan ke kanan. Jambatan itu merupakan jambatan maut baginya dan dia percaya banyak lagi jiwa yang akan terkorban di situ. Kalau hendak berlaku apa-apa pun biarlah dia lepas berjalan dahulu, dan dia mempercepatkan langkahnya sehingga terasa senak pula perutnya. Hari ini memang banyak kerja yang mesti dihabiskan. Tuminah yang masih lagi terperanjat mendengarkan Basir mati, dan berani pula pergi melihatnya, tidak putus-putus menangis, walaupun Basir bukan suaminya. Perhubungan secara diam-diam, lebih-lebih lagi Basir begitu bertimbang rasa memberinya makanan (walaupun dengan meminta balasan), menjadikan Basir suaminya sendiri dalam masa segenting itu. Sekarang Basir sudah menjadi mayat dengan muka dan badannya tidak dapat dikenali sebab peluru *machine-gun* yang menembusinya itu telah berselesa di seluruh badan dan kepalanya.

Semalam Tuminah sudah pun dinasihatkan supaya melupakan segala peristiwa sedih itu, sebab dalam dua tiga bulan yang lalu pun berbagai jenis seksaan telah merajalela di kampung itu. "Bagaimanalah saya hendak lupakan," kata Tuminah menangis-nangis sambil mengesat-ngesat bibirnya yang tersembul itu.

"Selama ini dialah yang memberi kami makan." Mak Buruk mengurut bahu Tuminah, membetulkan rambut panjangnya, dan menasihatkan lagi: "Tapi apalah hendak dibuatkan, Tuminah. Kau tengok sajalah, aku ini. Kau fikir aku tidak menderitakah kerana suamiku hilang ditangkap Jepun? Aku derita juga, Tuminah, tapi aku terpaksa tahan. Kau pun boleh begitu."

Sebenarnya Mak Buruk tidak tahan menderita itu. Setiap malam, dalam diam-diam, dia akan menangis tersedu-sedu melihatkan Simah dan Sakinah tidur mengerekot. Setiap subuh bila menjengah di tempat tidur Jumaat tidak ada, dia akan menangis lagi. Barangkali kerana itu jugalah sayangnya kepada anak-anaknya, termasuk Tompang, bertambah. Terkadang-kadang dia melupakan dirinya sendiri, memberikan dirinya itu kepada Simah, Sakinah dan Tompang seluruhnya.

Salimah juga memenuhi kepalanya. Dia paling tua bagi mereka di situ. Econ walaupun tua tidak dapat memberikan banyak sumbangan sebab selalu benar sakit. Dan kerana itu juga, Salimah ikut teralir dalam tanggungjawabnya. Tiga empat hari dahulu dia suruh Salimah turun saja dari atas bumbung itu di waktu siang ataupun malam. "Buat apa seksa-seksakan badan. Biar aku suruh orang menjaga bergilir di bawah. Kalaulah ada Jepun datang, dia beritahu, barulah kau naik ke bumbung," anjurnya. Dan sehari sudah Salimah mengikutnya.

Salimah juga payah hendak dijaga hatinya. Econ tidak dapat memberikan seluruh perhatiannya, semenjak dia jatuh sakit teruk pada malam Salimah seharusnya menemui Katayama dahulu. Perjumpaan yang tidak jadi itu, membawa satu seksaan yang tidak disangka pula kepada Salimah. Dia tidak tahu siapa yang membunuh Katayama, tetapi kerana dia yang selalu bersamanya, beberapa orang kampung terpaksa menasihatkannya tinggal di atas bumbung itu, walaupun bumbung tersebut membolehkannya untuk hidup terus-menerus sehingga sekarang.

Mak Buruk membelok jalan, melangkah longkang kecil, sebelum berjalan berhati-hati di celah-celah kayu dan balak untuk masuk ke arah rumahnya. Di tempat inilah, di waktu malam, selalu berlaku pergaduhan ataupun rampasan. Hanya orang-orang yang dekat-dekat kampung itu saja yang selamat. Mereka yang berjalan di situ, kalau dari luar, akan diancam, kerana *Kumpulan 18* yang menguasai

tempat itu tidak akan segan-segan memukul dan merompak mereka yang lalu, biarpun yang akan didapatnya cuma singlet ataupun seluar. Di tempat inilah juga Mak Buruk selalu menghantar anaknya Simah yang bertocang membawa kuih-muih untuk dijual di hadapan New World. Walaupun ahli *Kumpulan 18* kenalkan Mak Buruk, tetapi mereka ingin bersenda pula dengan Simah dan mengusiknya. Sekarang tempat itu sudah lengang. Jepun pernah datang merempuh di situ semalam selepas Katayama terbunuh. Tiga orang terkorban di situ, sementara tujuh orang yang lain luka-luka. Cuma dua orang yang sempat lari. Kalau adapun ahli *Kumpulan 18* itu sekarang Mak Buruk sudah tidak risau lagi, sebab anaknya Simah tidak dibenarkan menjual kuih lagi, sesudah gadis tersebut diculik orang selama empat jam tiga minggu dahulu. "Betul kau tidak diapa-apakan," Mak Buruk bertanya anaknya. "Betul," jawab Simah, walaupun dia terus juga menangis, menghentak-hentakkan tangan ke bantal.

Sedang dalam fikiran yang menjalar-jalar itulah Mak Buruk terdengar suara budak memanggilnya dari jauh. Baharum datang berlari dengan kulit hitamnya berkilat oleh cahaya matahari, menjerit-jeritkan: "Pak Jumaat dah pulang! Pak Jumaat dah pulang!" Mak Buruk tiba-tiba merasa dirinya lemah, dan tidak mempercayai apa yang didengarnya itu. Tidak pernah dia ingin memimpikan sesuatu yang sudah tidak diharap-harapkannya lagi. Dia memandang Baharum yang semakin mendekat, dan ternampak pula Sakinah berlari di belakangnya. Sakinah yang comel, berambut ikal (ikut rambut bapanya) dan bermata sepet ikut menjeritkan: "Mak, mak, bapa dah balik, dah balik!"

Sekali lagi Mak Buruk terasa seluruh anggotanya lemah dan ingin cepat-cepat berlari pulang. Air mata tiba-tiba saja menenggelami matanya, dan dia mula menangis sekuat-kuat hatinya, membimbing Sakinah, melepaskan bakul berisi botol dari tangannya. Baharum terkejut, mengambil bakul tersebut, yang dua buah botol di dalamnya sudah pun pecah kerana terlepas dan terhantuk tadi.

"Betul bapa kau pulang?" dia bertanya, "betul?" Sakinah mengangguk-angguk, berlari cepat-cepat, menarik Mak Buruk yang tidak sanggup melangkah panjang-panjang.

Ketika Mak Buruk berpeluk-peluk dengan suaminya Jumaat yang pulang tidak diduga-duganya itulah siren berombak berbunyi.

Orang-orang lain yang berada di sekelilingnya melihat orang tua berpeluk-peluk dan menangis-nangis itu cepat-cepat lari dan berkeriau mencari *shelter*. Sakinah yang sedang memegang kaki Jumaat dan Simah yang memeluk leher orang tua itu, tersentak juga, lalu mengajak Mak Buruk dan Jumaat pergi cepat-cepat ke *shelter*. Jumaat tidak kuat, boleh dikatakan badannya itu lebih tulang dari isi, dan terpaksalah dipimpin bersama oleh Mak Buruk dan Simah. Sebaik-baik mereka masuk ke dalam *shelter*, dengungan B24 dan B29 kedengaran. Mereka empat beranak berpeluk-peluk dengan tangisan yang belum selesai juga, dan tidak mempedulikan sesiapa yang berada di sekeliling. Mak Buruk benar-benar gembira dalam keadaan yang huru-gara itu, malah kerana terlalu gembiranya, dengungan kapal terbang dan ancaman bom tidak diingatnya langsung.

Tiba-tiba siulan sesuatu yang jatuh kedengaran kuat, disusuli pula oleh gegaran dan goncangan yang amat dahsyat. Beberapa orang di dala *shelter* itu menjerit, kerana suasana sekitar serta-merta menjadi begitu berbahang dan gelap oleh asap. Dua tiga orang yang ingin keluar cepat-cepat ditahan oleh Ahmad Jani yang hampir dengan pintu *shelter*. "Jangan keluar dulu," dia menyuruh sambil sebelah tangannya memeluk erat Sukon yang sejak akhir-akhir ini mula diambil berat. "Depan sana tu barangkali dah kena bom," sambungnya. Giap Hong, Ling Po dan anak kecilnya berpadu menjadi satu dalam pelukan yang erat sehingga anaknya yang kecil itu melalak senyaring-nyaringnya. "Ya, luar tu dah terbakar," katanya, melihat ke luar semula, kemudian terasa matanya pedih.

"Basahkan kain, tutup hidung," Ahmad Jani menganjurkan dan mengoyakkan singletnya sendiri, mencelupkannya ke dalam tempayan air kecil yang memang disediakannya di dalam *shelter* itu. "Gas, ada gas," katanya. Yang lain-lain berkisar tidak tentu arah, menangis, menjerit dan meraung, kerana *shelter* menjadi begitu kelam oleh asap dan gas yang memedihkan. Dan di saat itulah Ahmad Jani tidak dapat menentukan siapa yang merempuh halangannya, lalu keluar. Dua orang jatuh sebelum dapat lari ke luar, kemudian terdengar menjerit kepanasan. Ahmad Jani memberitahu lagi: "Jangan, jangan keluar dulu. Basahkan kain, tutup hidung!" Anjuran dalam keadaan yang serba darurat itu tidak didengar orang. Masing-masing merasakan mendiamkan diri di dalam *shelter* itu sama saja membiarkan diri sedia terbujur di dalam

kubur. Dua tiga orang lain merempuh keluar, dan Ahmad Jani tidak dapat menentukan siapa. Ahmad Jani tidak lagi menghiraukan mereka, menghulurkan singlet yang sudah dibasahkan itu kepada Sukon, dan tolong menekapkannya ke hidung anaknya itu. Sukon terbatuk-batuk, kemudian menangis kerana terasa matanya pedih, sedang hendak mengambil nafas amat payah pula. "Ambil nafas perlahan-lahan," Ahmad Jani menyuruh. "Perlahan-lahan".

Bunyi beberapa ledakan kedengaran di luar, dan Ahmad Jani mula ternampak api dan asap menjulang dan mengembang di hadapannya. Mereka sudah tidak dapat berdiam di dalam *shelter* tersebut kerana bahang panas dari hadapan itu sudah menyelinap-nyelinap lebih buas lagi ke badan mereka. Dia berundur, terlanggar Mak Buruk, lalu menyuruh mereka berundur juga untuk keluar dari pintu *shelter* di belakangnya. Semua isi *shelter* itu pun mulalah keluar dalam keadaan yang semakin serba khuatir. Sebaik-baik mereka keluar, Ahmad Jani terdengar Mak Buruk menjerit sekuat-kuatnya: "Rumah kita dah tumbang!" Memanglah di hadapan mereka di sebelah kiri sekali rumah buruk dua tingkat itu sudah menyembam tanah, meninggalkan habuk-habuk dan jeliran-jeliran lidah api yang melenggang dengan gumpalan asap yang mengembang tidak menentu arah. Jeritan dan tangisan dari orang tua dan muda berbaur terus menjadikan kampung tepi sungai itu amat huru-hara sekali.

Mak Buruk terperanjat, melepaskan suami dan anak-anaknya, lalu meluru berlari ke bangunan yang runtuh itu sebelum suaminya yang lesu dapat menangkapnya. "Rumah kita dah ranap, ranaaaaap!" jerit Mak Buruk, kemudian memekik dengan lebih menggila lagi: "Tommmmmmmppaaannggggg! Tommmmppaaaannnggggg ada di dalam!" Ketika itu jugalah Ahmad Jani baru sedar bahawa tidak saja Tompang yang ada di dalam timbunan runtuhan rumah itu, malah Salimah dan Zainab juga ikut di dalamnya. Dia sendiri melepaskan anaknya ingin berlari masuk ke dalam reruntuhan yang masih membara panas itu, tetapi terhenti kerana terasa kakinya melecuh terpijak bara, paku dan besi yang panas.

"Tompang, Tommmmppaaaannnngggg, apa salahnya engkau, nak? Apa dosanya engkauuuuuuuuuu!" Mak Buruk meraung. Dan itulah juga yang dijeritkan Ahmad Jani di dalam hatinya. Zainab, Zainab, jeritnya. Dia mengutuk Sayeed Ayuub yang mengunci isterinya di

dalam bilik itu, dan dia sendiri menyesal tidak naik membukanya, walaupun serangan itu berlaku di waktu siang. Mak Buruk yang semakin menggila-gila, memukul kepala dan dadanya dengan raungan yang serak itu kemudiannya teringatkan Salimah yang berada di atas juga. "Salimah, Salliiimmmaaah!" jeritnya.

Mereka semuanya tertunduk lesu, menangis di dalam hati lebih kuat dari di luar. Sebahagian rumah tempat mereka hidup selama ini sudah pun tumbang dan tinggal rangka dan abu. Mereka masih tidak dapat menarik bangkai yang berada di dalamnya, sebab di beberapa bahagian masih panas lagi dan berasap-asap kecil. Mak Buruk menangis terbongkok-bongkok di hadapan reruntuhan itu dengan dipeluk oleh dua orang anaknya. Suaminya tersandar pada sebuah rangka besi buruk, tercungap-cungap dan teresak-esak sama sambil menggeleng-gelengkan kepalanya, tidak mengerti mengapa kesengsaraan seperti itu mesti dialami mereka. Ahmad Jani berjalan gelisah pergi balik di hadapan reruntuhan itu, membimbing anaknya yang bagi pertama kalinya kelihatan amat takut. Dia berjalan menuju ke Mak Buruk, berhenti di hadapannya. "Kenapalah jadi gini, kenapa jadi gini,: Mak Buruk bersuara menggeleng-gelengkan kepalanya. "Kenapalah aku lupa mengambil Tompang, kenapa?" tambahnya. "Bukan mak yang salah," Simah cuba menghiburkan. "Ya, bukan Mak Buruk yang salah," tambah Ahmad Jani. "Aku lupakan dia, aku lupakan Tompang," Mak Buruk masih menyesal. "Semua orang terlupa sekali-sekala...," kata Ahmad Jani, mengutuk dirinya juga.

Mereka duduk berhiba di hadapan reruntuhan itu sehingga gelap malam menelan diri mereka. Malam itu memang Mak Buruk menggigil di luar, walaupun Simah, Sakinah dan Jumaat sendiri menariknya supaya berehat di dalam *shelter* yang sudah senget sebelah bumbungnya. Ahmad Jani menidurkan anaknya, kemudian ikut berdiri, pergi balik di hadapan reruntuhan itu, tidak lagi khuatir lampu putih dari menara kayu menyuluhnya, sebab menara tersebut dan sebahagian besar gudang itu sudah pun ikut tersungkur dan hangus masuk ke dalam sungai yang masih tetap mengalir lesu itu. Dan sepanjang-panjang malam Ahmad Jani terbayang-bayangkan Zainab, Salimah dan Tompang yang serasa-

rasa akan dapat dilihatnya esok, bila mentari menjongol semula dari timur.

Seminggu selepas itu beberapa orang di kampung tersebut melonjak-lonjak kesukaan kerana mendengar khabar Jepun sudah kalah. Mereka pergi berbaris menantikan sojar British dan India yang katanya akan datang dari Tanjung Pagar ataupun Pasir Panjang. Sepanjang-panjang jalan di Victoria Street, memanjang ke Lavender Street dan berlangsung ke Geylang penuh sesak dengan manusia yang bersorak-sorak melihatkan bendera-bendera Amerika-British-Rusia-China berkibar-kibar dari setiap tingkap yang ada. Itulah kali pertama wajah-wajah yang dijumpai penuh dengan senyum dan gelak ketawa.

Ketika lori dan kereta kebal menderam masuk ke jalan-jalan sepanjang Victoria Street itu, Ahmad Jani sedang berada di tepi kubur Salimah-Zainab-Tompang. Mayat mereka berbaur tidak dapat ditentukan kerana yang terjumpa sebahagian-sebahagiannya saja. Mak Buruk, Econ, Sayeed Ayuub dan Ahmad Jani bersetuju untuk mengumpulkan saja mayat tersebut untuk dikuburkan dalam sebuah lubang di bawah satu nisan. Di bawah sebuah pokok inai, Mak Buruk, Simah, Sakinah dan Jumaat sedang berehat. Di masjid itulah rumah mereka di waktu malam, dan di waktu siang mereka bersandar-sandar di tepi nisan dan pokok, semenjak rumah mereka ditelan bom.

Di tengah jalan mulailah riuh-rendah. Sojar India dan British yang berselang-seli di atas kereta kebal dan lori melambai-lambaikan tangan sambil gelak ketawa, melontarkan coklat dan biskut yang direbut oleh orang ramai yang bersorak di sepanjang-panjang jalan. Pagi itu amat cerah, seolah-olah pagi sendiri ikut gembira melihatkan perang yang sudah terkulai patah itu.

Ahmad Jani ditarik tangannya. Sukon menunjuk-nunjuk ke luar, kerana tidak dapat melihat oleh tembok sekeliling kubur yang lebih tinggi darinya. Ahmad Jani tersenyum sedikit dan tolong mengangkat anaknya yang kurus, tetapi terasa berat juga itu. "Nampak?" dia bertanya. Sukon mengangguk-angguk, menunjuk ke sana, menunjuk ke sini. "Orang banyak," katanya. "Sojar nampak?"

Ahmad Jani bertanya lagi. Sukon mengangguk juga sambil tersenyum girang.

Barisan sojar Jepun yang berjalan mengarah ke Changi mengingatkan Giap Hong kepada peristiwa sewaktu orang-orang tawanan British dikerah berjalan ke tempat tahanan dahulu. Inilah balasannya, fikir Giap Hong, sekali menang, sekali kalah; sekali menahan orang; sekali ditahan pula. Barisan orang tawanan Jepun ini lebih panjag dari orang-orang tawanan British dahulu. Orang-orang tawanan kali ini tidak berjalan di tepi sungai; mereka berjalan mengikuti jalan raya Victoria Street di hadapan sekolah. Di kiri kanan jalan orang ramai bersorak dan mengejek, malah ada yang melontar batu, meragut barang, dan ada kalanya menumbuk dan menghenyak orang-orang tawanan yang berjalan tidak bermaya itu.

Giap Hong yang menumpang di rumah Kam Seng setelah rumahnya ikut hangus, keluar pagi-pagi lagi kerana ingin melihat tawanan yang akan berlalu itu. Tian Choh yang tinggal di Tanjung Pagar (selepas rumahnya di hadapan masjid roboh) berkejar dengan basikal buruknya, memberitahu Giap Hong bahawa kerja di Kallang sudah pun ada, dan di samping itu memberitahu juga bahawa orang-orang Jepun sedang berjalan untuk ke Changi. Darah Giap Hong mendidih, sebab setiap Jepun mengingatkan kematian ayahnya. Dia ingin menuntut bela.

Penyakit isterinya yang semakin buruk menyebabkan dia terlupa akan Jepun lama, terutama ketika dia merancang hendak membunuh orang Jepun di gudang makanan itu sudah pun terlebih dahulu dibunuh oleh orang lain. Pagi itu dia cuma mengeluarkan besi mengumpil balak dan pencangkuk guni beras yang sengaja diasahnya saban minggu. Dia ingin juga menyelitkannya di pinggang, berkira-kira hendak menggunakannya kalaulah tiba-tiba barisan tawanan yang berjalan itu bertempiaran diserbu oleh orang ramai yang memangnya mendendam orang-orang Jepun itu. "Buat apalah dibawa itu semua," Ling Po menasihatkan. "Kita kan dah lepas dari bahaya, buat apalah dicari bahaya lagi?" Giap Hong meletakkan semula pencangkuk guni beras, menarik nafas panjang-panjang, sebelum meninggalkan senjatanya itu. Kam Seng yang

diajaknya keberatan pergi kerana tidak begitu sedap badan, malah mengatakan bahawa buat apalah melihat penjajah yang sudah banyak menggantungkan kepala orang.

Giap Hong hanya tersenyum, mencium pipi Ling Po, sebelum keluar menuju jalan. Bila melihatkan orang-orang tawanan yang dilontar, diejek dan diseret serta ditumbuk terajang oleh orang ramai itu, hati Giap Hong yang mulanya penuh dendam, mencair lembut. Memang benar di satu ketika dia bersedia hendak menghentak orang Jepun dengan pengumpil besi ataupun pencangkuk guni berasnya, tetapi keadaannya bukanlah seperti itu. Dia mahu berhadapan dengan orang yang boleh melawan, bisik hatinya. Giap Hong melihatkan sojar-sojar Jepun yang letih lesu berjalan itu beberapa ketika, sebelum berpaling berjalan mengarah ke sungai. "Maafkan aku, bapa," katanya, membayangkan wajah bapanya yang sedang lari, ditembak, kemudian jatuh ke dalam sungai itu. "Maafkan aku kerana tak menuntut bela."

Berjalan-jalan di tepi sungai, melihatkan menara gudang yang runtuh dan bangunan tempat tinggalnya yang sebahagiannya hangus, dia terbayang segala-gala kesengsaraan yang pernah dialaminya. Dia memerhatikan air sungai yang semakin kotor ketika surut itu. Matanya ke arah jambatan hijau, melihatkan beberapa orang yang berjalan di atasnya. Dia senang kerana di bawah jambatan itu tidak ada orang yang membunuh diri, tidak seperti ketika mendesaknya penderitaan.

Di bawah, di atas tangga tepi sungai itu, Irwan dilihatnya sedang mencuci baju. Mereka tidak pernah bercakap seumur hidup, tetapi Giap Hong pernah melihatkan Irwan mengiring kawannya Mulyadi yang bertokak itu. Giap Hong tidak tahu ke mana Mulyadi sekarang, kerana waktu Mulyadi ditenggelamkan ke dalam sungai, dia tidak ada. Malah Giap Hong juga tidak tahu bahawa di hadapan tempat Irwan sedang membasuh itulah mayat Mulyadi diabadikan. Sedang Giap melihat itu, tiba-tiba sebuah *jeep* tentera datang berhenti di hadapannya. Drebar *jeep* itu keluar, diikuti oleh seorang British yang kurus menuju ke arahnya.

"Nampak orang Jawa?" tanya drebar tersebut. Giap Hong tersentak, tetapi cepat teringat Irwan di bawah, lalu menunjukkannya. Drebar dan Orang Putih itu pergi menghampiri Irwan, dan memanggilnya dari atas. Irwan mendongak dengan malasnya, cuba memerhatikan

sungguh-sungguh, kemudian serasa-rasa dia ingat Orang Putih yang di sebelah drebar Melayu itu. Orang Putih itu tersenyum, menunjukkan kepada Irwan, lalu berkata-kata sesuatu kepada drebar tersebut. "Kau ada jumpa beg tuan ni?" tanya drebar tersebut sambil menunjukkan Orang Putih itu. Irwan memerhatikan Orang Putih itu lebih hati-hati dan teringat itulah salah seorang Orang Putih yang jatuh ke dalam sungai, melepaskan begnya, beberapa waktu dahulu. Irwan teringat juga bahawa kanan Orang Putih itu jugalah yang tertembak sewaktu cuba hendak mengejar begnya. "Beg ni, ya?" tanya Irwan, menunjukkan beg di sebelahnya. Beg tersebut *kepunyaan* Mulyadi dan memang dibawanya ke mana-mana saja sebab di dalamnya itulah ada anak-anak patung kain yang akan disampaikannya kepada Yati kalau dia sampai ke Semarang nanti.

"Ya, ya, beg itulah," sahut Orang Putih itu, kegirangan. "Beg itu beg kawanku. Dia mati dalam sungai ni. Dalam beg tu ada rantai, gambar, sapu tangan dan anak-anak patung kain. Dia meminta aku sampaikan kepada keluarganya."

Irwan teragak-agak hendak memberikan, sebab di dalamnya itulah anak-anak patung untuk Yati. "Kau jangan khuatir. Kauberilah beg itu, aku beri kau duit," kata Orang Putih itu melalui jurubahasa drebarnya.

Irwan teragak-agak juga lagi. "Aku tak bohong. Katakan berapa harganya, aku bayar," drebar itu menyampaikan kata-kata tuannya.

Irwan mendongak ke atas, menangis kerana teringatkan Mulyadi dan pesanan terakhirnya. "Aku tak hendak duit," katanya tersedu. "Kau berikan anak-anak patung dalam beg ini." Sementara menanti jawapan, Irwan memerhatikan ke sungai yang mengalir lesu itu. Dia tahu Mulyadi ada di dasar sungai. Dia menangis.